

REJAB 1439

www.pmbk.gov.my

PERCUMA

MAJALAH KORPORAT PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

QIADAH

Kelantan Sejahtera
Untuk Islam

Fokus
**Manifestasi Penerusan &
Merakyat Dasar MBI**

**Kelantan Sana Sini
Stimbot**

**Makanan
Butir Nako**

ISSN 2289-5416



9 772269 541000

MERAKYAT MEMBANGUN BERSAMA ISLAM | KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN



Banglo
4 UNIT

وادي ايمان ايتسقلوسيف

WADI IMAN EKSKLUSIF

Perumahan Kami, Impian Anda

- Lokasi yang sangat menarik
- Hanya 2km ke Politeknik Kota Bharu
- Berdekatan Kolej Komuniti Kok Lanas
- Kawasan kejiranan harmoni dan bersepadu
- Lot tanah yang luas

Banglo: 6,000kp

Semi D: 4,000kp

Keluasan: 1,900kp | 4 bilik | 3 bilik air



ڤردان منتری سرگلنتن
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN
www.pmbk.gov.my

Pejabat urusan:
Tingkat 4, Bangunan PMBK, Jalan Kuala Krai,
15050 Kota Bharu, Kelantan.


Tel: 09-747 4082 | Faks: 09-747 7815

“Untung Dunia, Untung Akhirat”




Semi D 8 UNIT

PERUMAHAN WADI IMAN FASA IV MAHANG WEST, KOK LANAS



PELAN
KUNCI



BERKEMBAR **A (4 UNIT)**

- Keluasan: 1,500.00 kp
- 4 bilik
- 3 bilik air

BERKEMBAR **B (4 UNIT)**

- Keluasan: 1,043.93 kp
- 3 bilik
- 2 bilik air



Hubungi:
Pejabat 09-747 8808
Noorin 013-907 3209

www.pmbk.gov.my/pemasaran
WadilmanEksklusif
Wadi Iman



AHLI JAWATANKUASA EDITORIAL QIADAH EDISI KE-18

KETUA EDITOR

HJ. ABDUL RASHID MOHD YUSOFF

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

SETIAUSAHA JAWATANKUASA EDITORIAL

ZAMAKHSHARI MUHAMAD

PENGURUS KANAN PEMASARAN & KOMUNIKASI KORPORAT KUMPULAN PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

AHLI JAWATANKUASA EDITORIAL

NIK AIDA NIK AHMAD

PENGURUS KANAN AUDIT DALAMAN KUMPULAN PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

ZURAIDAH HUSIN

PEMANGKU PENGURUS BESAR AKADEMI PEMBANGUNAN INSAN PROFESIONAL SDN. BHD.

HJ. MAHADI MOKHTAR

PENGURUS KANAN PEMBANGUNAN KORPORAT KELANTAN UTILITIES MUBAARAKAH HOLDINGS SDN. BHD.

WAN SUBKI WAN OMAR

PENGURUS BESAR KELANTAN BIOTECH CORPORATION SDN. BHD.

MOHD HAikal ROZAINI

EKSEKUTIF KOMUNIKASI KORPORAT PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

MUHAMMAD NAJID ABDULLAH

EKSEKUTIF PENGURUSAN & LATIHAN MODAL INSAN PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

PENYELARAS EDITORIAL

SHARIAH DERAHMAN

PEGAWAI KOMUNIKASI KORPORAT PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

PEMBANTU PENYELARAS EDITORIAL

SITI NORAZAMI MOHD ANUAR

PEGAWAI KOMUNIKASI KORPORAT PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

PENULIS

KCTV NETWORK

PENULIS BERSAMA

MUSTAQIM AMIR AZUARI MOHAMED • AHMAD DHUHA

DR. WAN NIK WAN YUSOF • DR. MOHD FADHLI GHANI

M FAQIH • ZANAZANZALY • MOHD ASRI MAT DAUD

MUHAMMAD NAJID ABDULLAH • NOORLEYNE HAMZAH

SHARIAH DERAHMAN • SITI NORAZAMI MOHD ANUAR

PEREKRA GRAFIK & LAYOUT

MOHD HAikal ROZAINI

EKSEKUTIF KOMUNIKASI KORPORAT PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

MUSTAQIM ISA

PEMBANTU TADBIR KOMUNIKASI KORPORAT

PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

JURUGAMBAR

AHMAD NAI'ME MUHAMMAD

PEGAWAI KOMUNIKASI KORPORAT

PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

JURUGAMBAR BERSAMA

UNIT KOMUNIKASI MENTERI BESAR

MUSTAQIM AMIR AZUARI MOHAMED

AHMAD SYAFIQ MOHD ROSLI

PENGIKLANAN, PEMASARAN & PROMOSI

KCTV NETWORK

LOT 1854, LORONG TASIK PUTRA 2

KG. KUBANG PANJANG

17000 PASIR MAS, KELANTAN.

TEL: 010-9090757 / 010-9156519

DITERBITKAN OLEH

PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

TINGKAT 6, BANGUNAN PMBK,

JALAN KUALA KRAI,

15150 KOTA BHARU, KELANTAN

MALAYSIA

TEL: 09-747 4082

FAKS: 09-747 7815

LAMAN PORTAL: www.pmbk.gov.my

DICETAK OLEH

KELANTAN ICT GATEWAY SDN. BHD.

TINGKAT 5, BANGUNAN PKINK

JALAN TENGGU MAHARANI, 15710

KOTA BHARU, KELANTAN

TEL: 09-747 3800

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dalam penerbitan dan pengedaran majalah ini.



Hak cipta majalah korporat PMBK (Qiadah) dan kandungannya yang termasuk maklumat, teks, imej, grafik, logo, dan susunannya serta bahan-bahannya adalah hak milik PMBK. Tiada mana-mana bahagian isi kandungan ini boleh diubah, disalin, diedar, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan semula, dilesenkan, dipindah, disimpan, dijual atau mencipta karya terbitan daripada mana-mana maklumat atau bahagian isi kandungan, serta diuruskan bagi tujuan komersial dalam apa bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis yang jelas terlebih dahulu daripada PMBK.

Solidium Sdn. Bhd.

Innovate Your Water Processes

No.18, Jalan Industri Mac 14, Taman MAS,
47130 Puchong, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel: +603-8066 3911 / 8052 5311 Fax: +603-8066 3912
Email: info@solidium.com.my
Website: www.solidium.com.my



MANUFACTURING

Understanding that coagulants are critical to any water treatment facility, we have embarked on producing Liquid Coagulants to service our clients in East Malaysia since 2008. Our production facilities for liquid coagulants in Borneo are all ISO 9001: 2015, HALAL and SIRIM certified. Our joint venture with DinoTec GmbH (Germany) for producing Electro-Chlorination systems in Selangor, Malaysia has earned us a Pioneer Status from the Malaysian government. We are the leader in this field in Malaysia and Indonesia, with the most number of installations (potable water treatment) since 2008. Localising the production of the systems has proven to deliver strong added benefits to our clients.

DISINFECTION

We specialise in alternative Disinfection systems, i.e., Electro-Chlorination, Ozonation, and Ultra Violet for your water treatment process. With the backing of some of the world's top brands, we are the one-stop shop for all your disinfection needs. We provide process consultation and value for money solutions to suit your needs.


ENGINEERING

With our capabilities in Chemical application in water treatment, Disinfection technologies specialization and Sludge treatment know how, we bring you knowledge and know how directly from the manufacturer's expertise. This ensures maximization of your investments in technologies and chemicals for your water treatment needs. Our partnerships with our world class principals have provided us with the capabilities to design and build special water treatment systems especially in the field of water disinfection, chemical application and sludge treatment. These partnerships have groomed our very own technical specialists which provides a closer and direct approach to our regional clients.

TECHNICAL SERVICES

Our "after-sales support & services" in the chemicals and equipment delivered to our customers has been the "bond" between Solidium and its clients over the years. Partnering with our Training Associate (STC Training & Consultancy S.B.), we provide custom made Technical Trainings on water treatment processes to clients. We have trained more than 1,400 personnel since 2007. After obtaining Jabatan Pembangunan Kemahiran's (JPK) Certificate of Accreditation Training Centre NDTs in July 2016, our training programs have expanded to a new level.

Your Total Water Treatment Process Solution Provider





TAMAN HADAPAN:
**KELANTAN
SEJAHTERA
UNTUK ISLAM**

QIADAH

Selama 27 tahun dasar Membangun Bersama Islam mencorak pentadbiran, pembangunan dan cara hidup rakyat Kelantan. Visinya adalah menjadikan Kelantan negeri yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai Islam dan rakyat mendapat keberkatan. Misinya adalah melaksanakan agenda pembangunan dan ummah berdasarkan ajaran Islam yang syamil.

PERISTIWA

8

AMANAT
KHAS
TAHUN BAHARU 2018



FOKUS

12


KELANTAN
SEJAHTERA
UNTUK ISLAM



FOCUS

16

KELANTAN
PROSPEROUS
FOR ISLAM



فوكوس

٢١

كانتن سجهرات
أونتوق اسلام

VARIASI

24

KERAJAAN
BERINTEGRITI



VARIASI

28

STABIL DALAM
WAKTU SUKAR



VARIASI

32

PENGURUSAN
KEWANGAN
CENERLANG



VARIASI

36


LONJAKAN
PENDIDIKAN
ISLAM



VARIASI

40

BELA RAKYAT
MELALUI
PERUMAHAN



VARIASI

43


KELANTAN
CAKNA BELIA



VARIASI

46

KEHAR-
MONIAN KAUM





VARIASI

50

SUBURNYA
KEBAJIKAN



PEMIMPIN	 54 DATO' HJ. MOHD AMAR	HERITAGE	 58 TIKAR MENGKUANG	MAKANAN	 61 BUTIR NAKO	DESTINASI	 64 MIN HOUSE CAMP
TOKOH	 68 DATO' NIK ABDUL KADIR NIK MOHAMAD	JENAMA KELANTAN	 72 CHEF USTAZAH	KELANTAN SANA SINI	 76 STIMBOT	INSPIRASI KELANTAN	 80 DATUK SRI ZAKARIA
FOKUS PMBK	 84 MINERAL	AKTIVITI PMBK	 86 MERAIKAN KEPELBAGAIAN KAUM	AKTIVITI PMBK	 88 FAMILY GATHERING 2018	AKTIVITI PMBK	 90 PAMERAN HARTANAH
AKTIVITI PMBK	 91 RUMAH SRI KELANTAN	AKTIVITI PMBK	 92 BENGKEL/ KURSUS AI-PRO	TEROWONG MASA	 94 JALAN SULTANAH ZAINAB	DIALEK KELANTAN	 96 DIALEK KELANTAN

AMANAT KHAS TAHUN BAHARU 2018

Foto: Unit Komunikasi Menteri Besar (UKMB)

Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan menyampaikan Amanat Khas kepada semua penjawat awam negeri di Kompleks Kota Darulnaim pada 14 Rabiul Akhir 1439 bersamaan 2 Januari 2018. Ketika berucap di majlis tersebut, beliau turut mengumumkan promosi sambung semula bekalan air secara percuma kepada rakyat dilanjutkan sehingga 30 Jun 2018.

Majlis berkenaan turut diserikan dengan penyampaian sijil penghargaan atas anugerah kecemerlangan yang diperolehi. Pejabat Menteri Besar Kelantan dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan telah mendapat Anugerah Indeks Akauntabiliti Lima Bintang dari Jabatan Audit Negara dengan pencapaian markah sebanyak 99% diikuti Pejabat Perbadanan Negeri dengan markah 98.61%, Pejabat Mufti dengan markah 97%. Sementara 9 Jabatan yang lain memperolehi pencapaian 90% ke atas dan 12 Jabatan lagi mendapat penarafan 5 bintang. ☺



Kerajaan negeri Kelantan telah sedaya upaya berusaha menjadikan tadbir urus negeri ini sebagaimana pentadbiran kukuh dan sejahtera yang telah dibangunkan oleh Rasulullah SAW, para Khulafa' Rasyidin termasuklah tadbir urus wibawa sebagaimana kisah Raja Zulkarnain. Dalam menjayakan tadbir urus cekap untuk kesejahteraan rakyat, maka kerajaan negeri akan terus berpegang kepada teras-teras berikut:

- Pertama: Memperkuatkan Pembangunan Insan Berteras Syariat Islam;**
- Kedua: Memantapkan Pentadbiran Berdasarkan Integriti, Akauntabiliti dan Kredibiliti;**
- Ketiga: Merakyat Pembangunan Ekonomi yang Mapan; dan**
- Keempat: Mengutamakan Kebajikan dan Kesejahteraan Rakyat.**





KELANTAN SEBAGAI NEGERI YANG SEJAHTERA UNTUK ISLAM

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga dan sahabat serta mereka yang mengikuti jalan menegakkan hukum Allah di muka bumi.

Alhamdulillah, selaut kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan keagungan dan kasih sayang-Nya, kerajaan negeri Kelantan masih teguh berada di atas landasan Membangun Bersama Islam. Kini usia kerajaan negeri telah memasuki 27 tahun pentadbiran berlandaskan prinsip Islam.

Pelbagai halangan dan dugaan telah berjaya diharungi semenjak tahun 1990 lalu. Ia merupakan cabaran dalam usaha meletakkan asas kukuh dan destinasi yang jelas menuju sebuah model kerajaan Islam.

Kerajaan Membangun Bersama Islam ini telah meletakkan al-Quran dan as-Sunnah sebagai sumber utama pemerintahan dan pentadbiran negeri. Perkara ini diterapkan bagi mentauhidkan Allah dan menghapuskan sebarang bentuk syirik serta perkara-perkara yang boleh merosakkan iman dan amal dalam kehidupan bermasyarakat.

Segala perancangan yang dibuat adalah berpaksikan kepada tiga ciri asas iaitu Ubudiyah, Masuliyyah dan Itqan. Tiga ciri tersebut merupakan sendi utama dalam dasar pentadbiran kerajaan negeri Kelantan. Kini ia memasuki fasa "Merakyat Membangun Bersama Islam" ke arah meningkatkan usaha menyebar luas ilmu kepada rakyat melalui cara memberi pengetahuan

meningkatkan pemahaman, memastikan penerimaan, menggalakkan penghayatan dan memakmurkan amalan.

Serentak dengan itu kerajaan negeri Kelantan telah menggubal satu wawasan untuk menjadikan Kelantan sebagai negeri yang rakyatnya menikmati keberkatan, kemakmuran dan kebajikan. Kerajaan negeri juga mahu rakyat penuh bermaklumat dan hidup sejahtera dengan mengoptimumkan hasil menerusi amalan tadbir urus cekap, telus dan berintegriti, selari dengan visi, misi dan objektif dasar Membangun Bersama Islam.

Perancangan berkenaan pelaksanaan wawasan tersebut berlaku dalam kerangka falsafah "Dasar Pembangunan Negeri" iaitu pembangunan ekonomi serta kerohanian yang seimbang dan bersepaktu. Ia adalah untuk menjadikan negeri Kelantan sebuah negeri yang maju dan makmur dengan keberkatan serta keredaan Allah SWT.

Dengan demikian, gagasan 'Kelantan Sejahtera Untuk Islam' telah diperkenalkan bermula tahun 2017. Ia menekankan aspek kebajikan, keharmonian kaum, keutamaan pendidikan dan perancangan berbelanja secara bijaksana dan berhemat. Gagasan ini turut memberi keutamaan kepada projek atau program yang boleh mendatangkan manfaat secara langsung kepada pembangunan berteraskan kesejahteraan rakyat dan pengembangan sumber yang optimum bagi merangsang pertumbuhan ekonomi negeri.

Semoga usaha Kelantan dalam mensejahterakan Islam mendapat keredaan Allah dan sokongan padu masyarakat Kelantan pelbagai kaum.

Sekian, Wassalam.

**"RAJA BERDAULAT, NEGERI BERKAT"
"MEMBANGUN BERSAMA ISLAM -
KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN"
"KELANTAN SEJAHTERA UNTUK ISLAM"**

USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN YAKOB
S.J.M.K, D.J.M.K (Kelantan)
(DATO' BENTARA KANAN)
MENTERI BESAR KELANTAN

SEJAHTERA BERSAMA ISLAM

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)." (Ar-Rum, ayat 41)

Alhamdulillah. Segala puji hanya layak buat Allah SWT. Selawat serta salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga baginda, dan umat Islam seluruhnya.

Qiadah kali ini menfokuskan berkaitan dengan Sejahtera Bersama Islam. Frasa sejahtera sebenarnya membawa erti yang membahagikan dalam kehidupan manusia. Frasa ini merujuk kepada keamanan dan kemakmuran bagi sebuah negeri atau negara. Dalam erti kata lain dengan Islam manusia akan hidup sejahtera.

Saya amat berbesar hati dengan pemilihan fokus kali ini. Ia menggambarkan kesempurnaan dalam urusan pentadbiran membangunkan negeri oleh kerajaan yang memegang utuh slogan Membangun Bersama Islam. Legasi pentadbiran yang diteruskan oleh Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar ini seharusnya didokumenkan untuk perhatian khalayak.

Jutaan tahniah kepada Ustaz Dato' Bentara Kanan dan saf kepimpinan kerajaan negeri Kelantan yang secara istiqamah mengemudi bahtera kerajaan dengan berkonsepkan Islam. Dalam dunia pentadbiran hari ini, perkara paling sukar adalah istiqamah dengan agenda Islam.

Kejayaan dan keuntungan dalam konteks fizikal barangkali mudah diukur mahupun dipamer lihat tetapi kesejahteraan dalam membangunkan agenda Islam atau mentadbir mengikut agenda Islam adalah sesuatu yang sukar dan kesukaran itulah yang telah menjadikan negeri Kelantan secara istiqamah berpegang dengan prinsip Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan.

Ia selaras dengan Amanat Khas Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan Sempena Tahun Baharu 2018 & Perhimpunan Penjawat Awam Negeri Kelantan "Tadbir Urus Cekap Untuk Kesejahteraan Rakyat": "Kerajaan negeri berhasrat bagi melahirkan penjawat awam yang profesional, kompeten dan berintegriti berasaskan pemahaman dan pembudayaan nilai Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan (UMI)."



Alhamdulillah sehingga hari ini kejayaan semakin terserlah dan kemakmuran negeri diberkati dengan serahan satu persatu "barakah" dan rakyat boleh merasainya. Hasilnya dikongsi secara adil saksama dan pentadbiran diteruskan dengan agenda sejahtera.

Rakaman tahniah dan terima kasih buat seluruh jawatankuasa yang terlibat dalam membukukan dokumen penting ini. Selain menjadi bukti kejayaan dan kemakmuran negeri yang Membangun Bersama Islam, saya masih mahu menyatakan bahawa kerja ini adalah mulia lantaran ia merupakan usaha murni memartabatkan agenda Islam dalam bentuk model berkerajaan dan ia akan dikira dengan ganjaran pahala. Segala usaha murni ini pastinya amat dihargai.

Saya juga amat percaya sebagai kepimpinan yang memerintah mengikut acuan yang benar, sudah barang pasti hasilnya akan sejahtera. Sejahtera dalam konteks makmur di dunia, bahagia di akhirat. Ia selaras dengan slogan PMBK untung dunia, untung akhirat dan saya amat menghargainya.

Rakaman tahniah dan terima kasih buat seluruh jawatankuasa yang terlibat dalam membukukan dokumen penting ini. Selain menjadi bukti kejayaan dan kemakmuran negeri yang Membangun Bersama Islam, saya masih mahu menyatakan bahawa kerja ini adalah mulia lantaran ia merupakan usaha murni memartabatkan agenda Islam dalam bentuk model berkerajaan dan ia akan dikira dengan ganjaran pahala. Segala usaha murni ini pastinya amat dihargai.

Saya juga amat percaya sebagai kepimpinan yang memerintah mengikut acuan yang benar, sudah barang pasti hasilnya akan sejahtera. Sejahtera dalam konteks makmur di dunia, bahagia di akhirat. Ia selaras dengan slogan PMBK iaitu Untung Dunia, Untung Akhirat dan saya amat menghargainya. Alhamdulillah.

Sekian, Wassalam.

ABDUL RASHID MOHD YUSOFF
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN
MERANGKAP KETUA EDITOR



Sempat singgah menunaikan solat di Masjid Beijing.

Mengimamkan solat hajat di Majlis Munajat Bangkit Pertahan yang diadakan di PUTIK pada 30 Mac 2018.

KELANTAN SEJAHTERA UNTUK ISLAM MANIFESTASI PENERUSAN & MERAKYAT DASAR MBI

Oleh: Dr. Wan Nik Wan Yussof

Foto: Unit Komunikasi Menteri Besar (UKMB)

Dalam usaha memperkenalkan misi pembangunan di negeri Serambi Mekah ini, kerajaan negeri Kelantan memperkenalkan tema Kelantan Sejahtera Untuk Islam. Tema ini turut digunakan sebagai tema Belanjawan 2018. Ia bukan sekadar sebuah tema, malah satu manifestasi penerusan dasar Membangun Bersama Islam (MBI).

Dasar MBI dimulakan sewaktu era pentadbiran mantan Menteri Besar Kelantan, Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat atau lebih mesra dengan panggilan Tok Guru. Ia merupakan pendekatan pentadbiran Islam yang berpaksikan prinsip Ubudiyyah, Masuliyyah dan Itqan (UMI). Tok Guru memastikan dasar ini sentiasa menjadi panduan dalam aspek pentadbiran dan pembangunan.

Selama 27 tahun MBI mencorak pentadbiran, pembangunan dan cara hidup rakyat Kelantan. Visinya adalah menjadikan Kelantan negeri yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai Islam dan rakyat mendapat keberkatan. Misinya adalah melaksanakan agenda pembangunan dan ummah berdasarkan ajaran Islam yang syumul.

MERAKYAT MBI

Menteri Besar Kelantan, Dato' Bentara Kanan Ahmad Yakob atau panggilan mesranya Ustaz Ahmad menggantikan Tok Guru bermula 6 Mei 2013 sekali gus mewarisi dan meneruskan dasar MBI dengan membuat beberapa penambahbaikan.

Penambahbaikan itu dikenali sebagai Merakyat Membangun Bersama Islam dengan matlamat untuk memantapkan usaha menyebar luas pemahaman, penghayatan dan pengamalan dasar berkenaan demi mencapai nilai keberkatan dan kebajikan.

Strategi digunakan merangkumi tujuh fokus utama iaitu amalan kebersihan, menyempurnakan solat, pembangunan pendidikan, menyuburkan kebudayaan dan kesenian, menangani gejala sosial, menerajui pembangunan ekonomi serta penyelidikan dan penilaian. Ia diperkemaskan melalui Pelan Strategik Kelantan Ke Hadapan 2016-2025 yang dilancarkan pada 11 Rabiul Akhir 1436 bersamaan 1 Februari 2015.

Visi pelan tersebut adalah menjadikan Kelantan negeri yang sentiasa dilimpahi keberkatan, kemakmuran dan berkebajikan. Misinya pula adalah menjadikan Kelantan negeri yang mendukung prinsip Syariah dalam menjayakan tadbir urus cekap, berintegriti dan berpaksikan prinsip UMI.

Matlamat akhir yang ingin dicapai adalah melahirkan rakyat progresif, dinamik dan bermotivasi tinggi dengan mengamalkan nilai hidup Islam secara syumul. Sehubungan dengan itu, pelan tersebut melibatkan pelaksanaan program di bawah tiga tonggak utama iaitu Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan.

TONGGAK PERTAMA: KEBERKATAN

Nilai keberkatan yang disepadukan dengan kebahagiaan dan ketenangan menjadi hasrat Menteri Besar Kelantan ke arah mewujudkan persekitaran hidup yang penuh kemakmuran. Al-Quran mengandungi ajaran mengenai ekonomi serta kaedah mencapai keberkatan yang berkait rapat dengan pekerjaan serta perbuatan manusia. Manusia sebagai khalifah mampu mewujudkan keberkatan dalam komuniti, negeri atau negara.

Satu nilai penting di bawah tonggak keberkatan ialah kerajaan berintegriti dan bebas rasuah. Ia berlaku di negeri ini apabila didapatci semua jabatan atau agensi

di bawah kerajaan negeri Kelantan disahkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai negeri yang bebas daripada sebarang pendakwaan salah laku. Ia merupakan hasil penghayatan prinsip UMI.

Suasana kehidupan positif dari segi Maqasid Syariah selari dengan prinsip pentadbiran telah memupuk budaya bebas rasuah dalam tadbir urus kerajaan negeri. Penerapan nilai keberkatan menasarkan pengukuhan tadbir urus yang baik dan melahirkan penjawat awam profesional, kompeten dan berintegriti.

Suatu perkara yang menjadi penanda aras keutuhan sesebuah kerajaan adalah aspek tadbir urus kewangan. Pencapaian cemerlang kerajaan negeri Kelantan ini telah diperakui menerusi Laporan Ketua Audit Negara 2016. Ia membuktikan tahap akauntabiliti pengurusan kewangan oleh jabatan atau agensi kerajaan negeri berada pada tahap terbaik.

Kerajaan negeri Kelantan juga memperkenalkan Program Diploma Tasawwur Islam kepada semua penjawat awam sebagai usaha meningkat prestasi pentadbiran agar berlaku dengan kecekapan dan berintegriti. Sehingga tahun 2017, program ini melibatkan lebih 100 Pegawai Tadbir Negeri (PTN) daripada gred 41 hingga 48 yang merupakan 'tulang belakang' kejayaan dasar MBI.

Hub Pendidikan Islam

Komitmen tinggi kerajaan negeri Kelantan terhadap bidang pendidikan telah menjulang Kelantan sebagai hub pendidikan Islam dan "Universiti Terbuka". Agensi pendidikan negeri seperti Yayasan Islam Kelantan (YIK), Yayasan Kelantan Darul Naim (YAKIN), Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan Institut Latihan Perguruan Kelantan (ILPK) diperaksakan. Begitu juga dengan dana pendidikan menerusi penubuhan Tabung Pendidikan Negeri dan Tabung Pendidikan Tok Kenali.

Selain peruntukan besar mencecah RM110.5 juta untuk tujuan pendidikan melalui Belanjawan 2018, pendemokrasian ilmu juga dilaksanakan. Antaranya menerusi usahasama pihak kerajaan negeri Kelantan dengan institusi pendidikan dalam dan luar negara serta pihak swasta. Ia turut membuka peluang pengajian kepada pelajar dari luar negara.



Seramai 248 orang pelajar YIK yang akan menyambung pengajian ke Timur Tengah (Mesir) diraikan di Kota Darulnaim.



Kerajaan negeri Kelantan juga komited membantu aspek kewangan pelajar melalui YAKIN yang menawarkan pinjaman pendidikan kepada pelajar yang melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan atau luar negara. Ia merupakan satu-satunya skim pinjaman pendidikan tanpa faedah di negara ini. Syaratnya adalah IPT berkenaan mesti diiktiraf oleh kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh YAKIN.

Pembangunan Belia dan Keluarga

Bagi tujuan membentuk dan membina jati diri berteraskan ilmu, iman, akhlak dan berketerampilan ke arah kegemilangan ummah, maka Dasar Pembangunan Belia Negeri Kelantan diperkenalkan. Visinya adalah membentuk dan membina golongan belia yang mencapai tahap kemajuan serta kecemerlangan. Objektifnya adalah merancang, menyusun dan melaksanakan program-program ke arah membangun, membentuk dan membina masyarakat bagi merealisasikan "anak muda Kelate bermaruah".

Pembangunan institusi kekeluargaan Muslim berkonsepkan Keluarga Mawaddah merupakan satu lagi tumpuan kerajaan negeri Kelantan. Dasar Keluarga Mawaddah digubal dan dijadikan panduan dalam merangka strategi serta program. Matlamatnya adalah melahirkan masyarakat berakhlek dan beramal dengan nilai-nilai kekeluargaan Muslim.

Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan (UPWK) mewujudkan Pusat Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti (PPSK) di setiap jajahan dan menjalankan Program Kekeluargaan Muslim. Ia dijangka dapat mengurangkan kadar perceraian dan keganasan rumah tangga, membanyakkan institusi keluarga mitahli serta meningkatkan budaya ta'awun (tolong-menolong) dalam bermasyarakat.

Generasi Pewaris

Selama 27 tahun, dasar MBI mensosialisasikan generasi yang lahir selepas tahun 1990 sebagai generasi pewaris. Generasi ini telah mengalami nilai-nilai hidup daripada proses pembangunan kerajaan negeri berteraskan MBI. Kumpulan ini perlu ditampilkan ke tengah masyarakat.

Pembinaan generasi pewaris dilaksanakan demi melengkapkan pembinaan masyarakat sejahtera berpandukan cara hidup Islam. Setiap tahun program Membina Generasi Solat (MGS), Membina Generasi al-Quran (MGQ) dan Membina Remaja Islam (MRI) diadakan. Usaha pembinaan rakan sebaya turut diadakan menerusi program mencungkil bakat pendakwah seperti melalui Kelab Da'ie Muda (KDM).

Generasi Sejahtera Kelantan (Gentera) ditubuhkan bersesuaian dengan tema Kelantan Sejahtera Untuk Islam. Ia dikendalikan oleh Urus Setia Gentera Negeri Kelantan dan dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatan-Kuasa Kesejahteraan Rakyat, Kesihatan, Alam Sekitar

dan NGO Negeri Kelantan, Dato' Dr. Ramli Mamat. Matlamatnya adalah melahirkan kumpulan anak muda sejahtera hasil sosialisasi dasar MBI.

Kesejahteraan Antara Kaum

Prinsip pentadbiran di bawah dasar MBI adalah bersumberkan sunnah Nabi Muhammad SAW. Rahmat ajaran Islam membolehkan rakyat Kelantan daripada pelbagai agama, budaya, bahasa dan keturunan sentiasa hidup rukun, aman, damai, tenang dan tenteram.

Islam mengajar pihak berkuasa melaksanakan siasatan adil berteraskan perundangan jenayah Islam (hudud, qisas dan takzir) bagi menjaga keharmonian kaum. Kerajaan negeri Kelantan mendahului dalam inisiatif memartabatkan Kanun Jenayah Syariah serta sistem kehakiman Syariah. Malah diwujudkan pejabat pentadbiran Mahkamah Syariah bersendirian (bebas) demi menjamin keadilan untuk semua lapisan masyarakat.

Kerajaan negeri Kelantan tidak pernah lupa sumbangkan penduduk pelbagai kaum termasuk masyarakat Orang Asli dalam memakmurkan negeri ini. Penubuhan Pusat Integrasi Antara Kaum (PEKA) dengan peruntukan sebanyak RM180,000 dilengkapkan lagi dengan program hubungan masyarakat antara kaum dengan peruntukan berjumlah RM1.88 juta.

Pelantikan Pegawai Khas Hubungan Antara Kaum diwujudkan di bawah Pejabat Menteri Besar. Nilai dan simbolik keharmonian antara kaum pula dizahirkan melalui pembinaan Pintu Gerbang Cheng Ho di Jalan Kebun Sultan. Ia juga menjadi pengiktirafan kepada sumbangan peniaga Cina dalam pembangunan ekonomi Kelantan.



Acara menggaul yee sang sempena Majlis Sambutan Perayaan Tahun Baharu Cina di hadapan Pintu Gerbang Cheng Ho.

TONGGAK KEDUA: KEMAKMURAN

Kemakmuran Kelantan diukur berdasarkan empat perkara iaitu pembangunan infrastruktur dan fizikal, pembangunan ekonomi dan pelaburan, peningkatan sosioekonomi rakyat dan pengukuhan kewangan negeri. Prestasi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) merupakan antara ukuran utama dalam aspek ini.

Pada tahun 2016, Kelantan muncul negeri keenam tertinggi dalam pertumbuhan KDNK. Peningkatan 1.3 peratus dicatatkan, iaitu pada kadar 4.8 peratus berbanding hanya 3.5 peratus pada tahun 2015. Ianya lebih tinggi berbanding peratusan KDNK negara yang berada pada kadar 4.2 peratus.

Sektor pelancongan merupakan bukti kemakmuran Kelantan dan mempunyai potensi besar berikutan latar belakang negeri yang kaya dengan sejarah warisan dan keunikan budaya. Kempen Tahun Melawat Kelantan 2016 berjaya menarik enam juta pelancong ke negeri ini. Limpahan kemajuan sektor pelancongan turut meningkatkan ekonomi rakyat selepas pembangunan beberapa produk baharu. Antaranya, pasar terapung di Kampung Pulau Suri, projek Pasar Seni di Bazar Tok Guru dan projek menaik taraf kemudahan di Kolam Air Panas Tok Bok, Machang.

Kemakmuran terus dinikmati menerusi projek masa hadapan apabila kerajaan negeri Kelantan dengan kerjasama Tenaga Nasional Berhad (TNB) bakal memajukan Projek Hidroelektrik Nenggiri, Gua Musang yang kini dalam fasa akhir rundingan. Ia dijangka dapat menyumbang kepada perkembangan ekonomi negeri dan menyelesaikan masalah banjir. Projek-projek disenaraikan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) dijangka terus mengembang dan mengukuhkan ekonomi Kelantan.

Satu lagi aspek penting dalam memenuhi tonggak kemakmuran ialah pembinaan rumah yang memenuhi keperluan rakyat. Ia direalisasikan menerusi Program Rumah Mampu Milik Kelantan (RMMK) dan Program Bantuan Rumah Dhuafa'. Kedua-duanya bagi membantu rakyat berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah. Ia merupakan idea tuntas Ustaz Ahmad seawal beliau memikul tugas sebagai Menteri Besar Kelantan.



Ustaz Ahmad menyampaikan replika kunci Rumah Dhuafa' kepada peserta yang layak semasa program Cakna Rakyat 2018 DUN Pasir Pekan.

TONGGAK KETIGA: KEBAJIKAN

Tonggak ketiga dalam Pelan Strategik Kelantan Melangkah Ke Hadapan adalah kebajikan dengan fokus kepada amalan kebersihan dan kesihatan rakyat, khidmat kebajikan serta khidmat perbandaran. Sasarannya adalah melahirkan rakyat cakna kebajikan, memastikan penyaluran bantuan cekap dan efektif, meningkatkan keupayaan ejen penyalur bantuan serta mewujudkan kerjasama semua jabatan atau agensi di

bawah satu jawatankuasa peringkat negeri serta jajahan.

Pelaksanaan program kebajikan untuk semua lapisan masyarakat menjadi tumpuan utama kerajaan negeri Kelantan. Kebajikan juga disumbangkan menerusi kemakmuran sebuah negeri dalam menyediakan kemudahan asas kepada rakyat sekali gus mampu memenuhi nilai-nilai pembangunan spiritual dan material.

Asas-asas berkebajikan turut dinikmati menerusi pengembangan ekonomi dan peluang pekerjaan hasil pembangunan pusat-pusat pertumbuhan baharu. Antaranya Lembah Sireh, Bandar Baru Tunjong, Bandar Satelit Pasir Tumboh, Bandar Utama Gua Musang dan terkini, Pasir Puteh Sentral.

Ia turut disokong oleh usaha memperkasakan program kebajikan di bawah kerajaan negeri seperti Skim Kifaalah Takaful Warga Emas, bantuan beras melalui Skim Al-It'aam, program pembelaan rakyat miskin dan bantuan perkahwinan melalui Skim Az-Ziwaaj. Selain itu, kerajaan negeri menyediakan peruntukan sebanyak RM6 juta bagi membela golongan armalah (ibu tunggal) dan anak yatim. Juga peruntukan sebanyak RM18.4 juta bagi Bantuan Am Bulanan "Al-Musa'adah" untuk tahun 2018.



Wakil Kifaalah menyempurnakan solat jenazah dan menyampaikan khairat kematian Takaful Kifaalah Warga Emas kepada wasi.

PENUTUP

Di bawah kepimpinan Ustaz Ahmad, kerajaan negeri Kelantan amat tegas meneruskan visi dan misi dasar MBI. Justeru pendekatan pembangunan negeri berteraskan prinsip Islam dijadikan panduan utama dalam merealisasikan perancangan ke arah pencapaian tonggak keberkatan, kemakmuran dan kebajikan.

Ia adalah manifestasi pembentukan cita-cita bersama antara pemimpin dan rakyat ke arah menjadikan Kelantan sebuah negeri yang utuh dengan nilai-nilai Islam demi memenuhi wadah Kelantan Sejahtera Untuk Islam. Semoga Allah SWT merestui dan memberi petunjuk berterusan demi memartabatkan kemuliaan agama-Nya di bumi Kelantan, negeri Serambi Mekah. 🌟



KELANTAN PROSPEROUS FOR ISLAM A MANIFESTATION OF CONTINUATION & PUBLICIZING THE MBI POLICY

By: Dr. Wan Nik Wan Yussof Photo: UKMB

Kelantan Prosperous for Islam is a theme used to introduce the state's mission of development and also used for state's 2018 budget. It is a manifestation for continuation of Develop Together With Islam (MBI) Policy which initiated during the era of former Menteri Besar of Kelantan, late Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat or better known as Tok Guru.

MBI is an Islamic administration approach based on Ubudiyah, Masuliyyah and Itqan (UMI) principles. It is the main principles, that for 27 years has been shaping the administration, development and people of Kelantan ways of life. The vision is to make Kelantan a state that uphold the values of Islam and the people gain blessings. The mission is to implement developments and ummah's agenda based on comprehensive teaching of Islam.



Kelantan state celebrating the 27th years of MBI in 2017.

PUBLICIZING THE MBI POLICY

Menteri Besar of Kelantan, Dato' Bentara Kanan Ahmad Yakob or simply known as Ustaz Ahmad took the office and inherit the MBI Policy on 6th May 2013. He made some improvements and introduced 'Publicizing the MBI'. An approach to strengthen an effort to spread the understanding, appreciation and practice of the policy to achieve the value of blessings and virtues.

It has seven main focuses which are cleanliness practice, perfection of prayer, educational development, nurturing culture and arts, addressing social phenomena, leading economic growth, research and valuation. It was streamlined through Kelantan Moving Forward 2015-2025 Strategic Plan which was launched on 11 Rabiul Akhir 1436 Hijrah equivalent to 1st February 2015.

The Strategic Plan vision is to make Kelantan a blessed state with continuous prosperity and welfare. Its mission is to ensure the state uphold the Syariah principles towards efficient governance, integrity based on UMI principles. The main goal is to create a progressive, dynamic and highly motivated citizen who practice the value of Islamic life. The plan includes implementation of programs under the pillars of blessings, prosperity and welfare.

FIRST PILLAR: BLESSINGS

Ustaz Ahmad wish to see an integration between the value of blessings, happiness and tranquility to create prosperous living environment. The Quran contains lessons about economic and methods to achieve prosperity which are closely related to men's own doings. As a caliph, men are able to create a blessings to community, state and the country.

Government with integrity and corruption free is an important value of blessings. All departments and agencies under Kelantan State Government are confirmed free of any misconduct charges by Malaysia Anti Corruption Comission (MACC) as a result of UMI principles.

Positive living environment in terms of 'Maqasid Syariah' is parallel to administration principles. It cultivate a corruption free culture within the state governance. Value of blessings application targets the consolidation of good governance, also produces civil servants with professionalism, competency and integrity.

Financial governance is the benchmark of integrity in which Kelantan State Government proven to excell. The Auditor-General's Report 2016 proved that the financial governance accountability of all state government's departments and agencies are at its best.

The introduction of Diploma in Tasawwur Islam to all civil servants by the state government is to improve the administrative performance with efficiency and integrity. Up to 2017, more than hundred State Administrative Officers from grade 41 to 48, who are the 'backbone' of MBI Policy's successes, graduated from the program.

Islamic Educational Hub

Kelantan State Government's high commitment in education has loomed Kelantan as an Islamic Educational Hub and 'Open University'. State education agencies like Yayasan Islam Kelantan (YIK), Yayasan Kelantan Darul Naim (YAKIN), Sultan Ismail Petra International Islamic College (KIAS) and Kelantan Teacher Training Institute (ILPK) were empowered. The

same goes for education fund through the establishment of State Education Fund and Tok Kenali Education Fund.

The state has high allocation of RM110.5 million for education purpose through 2018 budget. Furthermore, democratization of knowledge also implemented in Kelantan. This is done through joint ventures between the state government and private sectors, with local and foreign educational institutions. It has also open an opportunity for foreign students to study in Kelantan.

The state government also committed in helping student's financial aspects through YAKIN which offers the only interest free educational loan within this country. This loan is offered to students who further their studies in higher learning institutions locally or abroad. The requirements for this loan are that, the institutions are recognized by Malaysia Government and approved by YAKIN.

Youth and Family Development

Kelantan Youth Development Policy was introduced in order to form and shape identity based on a knowledge, faith and moral as well as skillful towards the glory of the ummah. The vision is to mold the youths that will reach the level of progress and excellence. The objective is to plan, organize and implement programs develop, shape and form community in order to realize 'Kelantan Dignified Youngsters'.

The Development of Muslim Family Institutions is one of Kelantan State Government's focus. Mawaddah Family Policy was drafted as a guideline to devise strategies and programs to create a society with ethic and practicing the Muslim's Family Values.

Kelantan Women, Family and Welfare Development Secretariat (UPWK) had established Family, Social and Community Development Center (PPSK) in every district. They also implement Muslim Family Programs which are expected to reduce divorce rates and domestic violence, and at the same time increasing the number of ideal family institutions and improve helping culture within the society.



The Indian community also received donations from the state government at Kerilla Farm, Tanah Merah .

Generation of Heirs

For 27 years, MBI Policy has socialized generations born after 1990 as generation of heirs who experienced the life value from the state's development process based on MBI. It is an approach to complete the formation of prosperous society based on Islamic way of life and this generation must be put in front of society.

Each year, programs like Membina Generasi Solat (MGS), Membina Generasi al-Quran (MGQ) and Membina Remaja Islam (MRI) are conducted. Peer-to-peer effort are also conducted through a preacher talent search programs such as Kelab Da'e Muda (KDM).

Generasi Sejahtera Kelantan (Gentera or GSK) is also established. It is run by Kelantan State GSK Secretariat and chaired by the Chairman of People's Wellbeing, Health, Environment and NGOs of Kelantan, Dato' Dr. Ramli Mamad. The goal is to create a group of prosperous youngsters as a result of MBI socialization.



Kifaalah Sdn. Bhd. visited and delivered donation to the wife of deceased family, Lim Kim Chu in Batu Jong.

Interracial Prosperity

Sunnah of Prophet Muhammad SAW is the source of administration under MBI Policy. The blessing of Islam helps the people from multi religions, cultures, languages and ethnicity to continuously living in harmony.

Islam thought the authority to conduct fair investigations based on Islamic Criminal Law (hudud, qisas and takzir) in order to maintain racial harmony. Kelantan State Government leads the initiative to uphold the Syariah Criminal Code as well as Syariah Judiciary System. through the establishment of an independent administration office of the Syariah Court to ensure justice for all walks of life.

The multi-racial contributions, including Orang Asli was never forgotten by the Kelantan government. The establishment of Interracial Integration Center (PEKA) with an allocation of RM180,000 was completed with the Interracial Relations Program with an allocation of RM1.88 million.

establishment of Interracial Integration Center (PEKA) with an allocation of RM180,000 was completed with the Interracial Relations Program with an allocation of RM1.88 million.

Special Officer of Interracial Relationship is also appointed under the Menteri Besar's Office. Aside of that, Cheng Ho Archway was built at Jalan Kebun Sultan as a recognition for contributions by Chinese traders in Kelantan's economic growth.

SECOND PILLAR: PROSPERITY

Four measures of Kelantan's prosperity are based on infrastructures and physical development, economic growth and investment, people's socioeconomic improvement and state's financial strength. The performance of Gross Domestic Product (GDP) is among the main indicator.

In 2016, Kelantan emerged as the sixth highest GDP growth among the states in Malaysia. Its GDP was recorded at 4.8 per cent, increasing by 1.3 per cent as compared to only 3.5 per cent in 2015. It is higher than the country's GDP that was recorded at 4.2 per cent.

Tourism sector is an evidence of Kelantan's prosperity and has a huge potential due to the state's colorful background of historical heritage and cultural uniqueness. Visit Kelantan 2016 Campaign have attracted six million tourists and boosted the people's economy. Especially with new products like Pulau Suri's Floating Market, Art Market Project at Bazar Tok Guru and facilities upgrading project at Tok Bok Hot Springs, Machang.

A future joint venture between Kelantan State Government and Tenaga Nasional Berhad (TNB) to develop Nenggiri Hydroelectric Project, is in the final stage of negotiations. This project is expected to contribute to Kelantan's economic growth and solves flood problems in Kelantan. All projects under the 11th Malaysia Plan (RMK11) are expected to keep growing and strengthening the state's economic.

Another important aspect under the pillar of prosperity is construction of houses that meets the requirement of the people. It was realized through Kelantan Affordable Home Program (RMMK) and Dhuafa' Home Aid



Performing solat hajat to get blessing for Dhuafa' Home Aid Program.

Program. Both programs are to facilitate those in lower and middle income groups to own houses. It is the brainchild of Ustaz Ahmad during his early tenure as Menteri Besar Kelantan.

THIRD PILLAR: WELFARE

The third Pillar in Kelantan Moving Forward Strategic Plan is Welfare, which focuses on cleanliness practise, health of the welfare services and municipal services. The aim is to create a welfare concerned society, ensuring efficient and effective aid distribution, increase the ability of distribution agents as well as establishing cooperation of all departments and agencies at state and district level.

Execution of welfare program for all walks of life is the main focus of the state government. Contributions of



Rice contribution as a gift to people at Pasir Pekan State Assembly.

welfare to the people are measured through provision of basic facilities and fulfilling the values of spiritual and material development.

The basic of welfare are also seen through economic growth and job opportunities as result of development of new growth centers, such as Lembah Sireh, Bandar Baru Tunjong, Pasir Tumbuh Satelite Town, Gua Musang Main Town and Pasir Puteh Central. It is also supported by empowerment of the state government's welfare programs. Among them are Elderly Kifaalah Scheme, rice aid through Al-It'aam Scheme, advocacy program for the poor and marriage aid through Az-Ziwaaj Scheme. Furthermore, Kelantan state government also allocate RM6 million to aid single mothers (Armalah) and orphans. In addition to that, RM18.4 million is allocated for "Al-Musa'adah" Monthly Aid in 2018.

CLOSING

Under the leadership of Ustaz Ahmad, Kelantan State Government stands firm in continuing MBI's visions and missions. State's development approach based on Islamic principles (UMI), are the main guideline in realizing plans to reach pillars of blessings, prosperity and welfare. It is a manifestation for the formation of common goal between leaders and the people of Kelantan to create an integration of the state's Islamic value to fulfill the manifestation of Kelantan Prosperous for Islam. May Allah SWT bestow upon this land with His blessings and continuous guidance so that Islam be dignified in Kelantan, The Corridor of Mecca.



كىلنتن سجهترا اوئتىق اسلام مانيفيستاسيي فنروسن دان مرعىت داسىر مىباڭون بىرسام اسلام

اولىي: دوكور وان نىء وان يوسف، قوتوبى كى عىيم بى

دالىم اوسها مەفرىكىلەن مىسىي قۇباقۇنن دنگىرى سرمىبى مكة اين، كراجان نىڭرىي كىلنتن مەفرىكىلەن تىما كىلنتن سجهترا اوئتىق اسلام. تىما اين توروت ئىكۈنلەن ئىپلىكىي سېڭىي تىما بىلەجىاون ٢٠١٨. اي بوكىن سقىدر سىواه تىما، مالە ساتو مانيفيستاسيي فنروسن داسىر مىباڭون بىرسام اسلام (MBI).

داسىر مىباڭون بىرسام اسلام سوقتو اىرا قىتىدىرىان منتن منتري بىر كىلنتن، توانڭۇرۇ داتوء بىنچارا سىتىا نىء عبد العزىز بن نىء مت اتاو لىبىه مسرا دەن قۇغۇشىلەن تۆء گۇرۇ. اي مروقاڭنى قىدىكەن قىتىدىرىان اسلام يېڭى برەقسىيەن ۋەنپىش عبودىيە، مىسۇلىيە دان إتقان (UMI). تۆء گۇرۇ مەمىستىكەن داسىر اين سەنتىاس منجادىي قىدوان دالىم أسىقىيەن قىتىدىرىان دان قۇباقۇنن.

سلاما ٢٧ تاھون MBI منچورق قىتىدىرىان، قۇباقۇنن دان چارا ھيدوۋ رعىت كىلنتن. ۋىسيت ادالە منجادىكەن كىلنتن نىڭرىي يېڭى تىرلەسان ندىمەت نىلاي-نىلاي اسلام دان رعىت منداۋە كېرگەنلىك. ۋىسيت ادالە مەلسانلىك ئەكتىدا قۇباقۇنن دان اومە بىر داسىرلىك آجارىن اسلام يېڭى شەمول.

مرعيت MBI

منtri بسر کلتن، داتوء بنتارا کاتن احمد یعقوب اتاو ٹشکیلن مسراش استاذ احمد مغکتیکن توء ځورو برمولا 6 می 2013 سکالیکوس مواریشي دان منروسکن داسر MBI دغۇن ممبوات بېراف ۋېبىهبايىكىن دغۇن اوسمەا اوسمەا کاره مرجىتكىن داسر MBI. ۋېبىهبايىكىن ايت دکنالى سباڭى مرجىت ممباغۇن بىر سام اسلام دغۇن متلامت اونتوق مەننەتكىن اوسمەا مئىر لواس ۋەھامان، ڦۈچىاتىن دان ڦۈچىاتىن داسر بىرگان نمى منچاپى نىلاي بىرگان دان كىباچىق.

منtri بسر کلتن حاضىر مەيمىكىن صلاة مغرب د مسجد مەيمىت ياقوه.



ستراتجي دخوناكن مر غۇمۇي توجوه فوکوس اوتما يائىت عمالن كېرسىيەن، مئمۇرناكن صلاة، ۋېبىغۇن فەندىدېقىن، مئۇبورىكىن كېۋاپىيان دان كىنىيەن، مناغىنى ضجالا سوسيال، منراجوچى قېباغۇننى إيكۇنومى سرتا فەندىدېقىن دان فىنلەين. اي دەركىسىن ملالىزى فان ستراتجيگى كلتن كەدەن 2025-2016 يۇ دلخىرەن فە 11 رىبىع الآخر 1436 هجرة بىر سمان 1 فېروارى 2015.

ويسى فلن ترسبوت اداله منجادىكىن كلتن نىڭرى يۇ سنتىپاس دىليمفاهى بىرگان، كەممۇران دان بىرگاباجىقىن. مىسىت فولا اداله منجادىكىن كلتن نىڭرى يۇ مندوکوغۇ فەندىدېقىن شەريعة دالى منجاپىكىن اوروس تدبیر خىف، بىرانتىزىتى دان بىرقىسىكىن فەندىدېقىن MBI.

متلامت اخىر يۇ ئېشىن دچافى اداله ملاھىرەن رعىت ۋەرگىسىف، دىنامىك دان بىرمۇتىۋاسى تېڭى دغۇن مەعمەكىن نىلاي ھىدۇق اسلام سچارا شەمول. سەھبۇغۇن ايت، فلن ترسبوت اداله ملىيەتكىن ۋەقەسانان ۋەرگىم دباوه تىڭا توغۇڭقۇ أوتام، يائىت بىرگان، كەممۇران، كىباچىق.

توغۇڭقۇ: بىرگان

نیلاي بىرگان يۇ دسقادوکىن دغۇن كېھاڭىدان دان كىتاغۇن منجادى حسرت منtri بسر کلتن كاره موجودكىن ۋەرسکىتارن ھىدۇق يۇ قوه كەممۇران. القرآن مەندۇغۇن أجارن مەنگايى إيكۇنومى سرتا قاعدة منچاپى بىرگان يۇ بىرگەت راھە دغۇن ۋەرگان سرتا ۋەرباتىن مائىسى. مائىسى سباڭى خەلیفە مەمۇت موجودكىن بىرگان دالى كۆمۈنەتى، نىڭرى اتاو نىڭرا.

ساتو نىلاي ۋەقەسانان دباوه توغۇڭقۇ بىرگان ايلە كراجان بىرانتىزىتى دان بىبىس رسواه. اي بىرلاكى دنگرى اين اقپىلا دداقتى سموا جابتىن اتاو أكىنسى دباوه كراجان نىڭرى كلتن دىشكەن اولىيە سورو ھنجايى ۋەچضاھن رسواه ملىسا (SPRM) سباڭى نىڭرى يۇ بىبىس درەن سپارغۇن قەدعوان ساله لاکو. اي مروۋاڭن حاصىل ۋېھىتىن ۋېھىتىن چەپىشىپ UMI.

سواسان كەھىدۇقۇن فەندىدېقىن درى سىڭى مقاصل شەريعة سالارى دغۇن ۋەرگىسىف ۋەتىپەن تەلە مەمۇتوق بوداپا بىبىس رسواه دالى اوروس تدبیر كراجان نىڭرى. ۋەرگان نىلاي بىرگان مەسەركەن ۋەشكەن اوروس تدبیر يۇ بىلەك دان ملاھىرەن ۋەچجاوت عوام ۋەرگىسىونلۇ، كۆمۈتىن دان بىرانتىزىتى.

سوات ۋەرگان نىلاي ۋەچجاوت سەپتوھن سىبواھ كراجان اداله اسقۇچى اوروس تدبیر كەۋاعەن. ۋەچقاپىن چەرلۇغ كراجان نىڭرى كلتن اين تەلە دەۋاکۆزى منروسى لافوران كەۋا اۋىت نىڭارا 2016. اي مەمۇتىكىن تاحف اكەلەتتىپەتى ۋەشورىن كەۋاعەن اولىيە جابتىن اتاو أكىنسى كراجان نىڭرى بىرەد ۋە تاحف تېبأيك.

كراجان نىڭرى كلتن جوڭا مەقرىكلىك ۋەرگىم دېقلىما ت سور اسلام كەۋ سموا ۋەچجاوت عوام سباڭى اوسمەا مەنېڭە ۋەرسەتىسى ۋەتىپەن اكەر بىرلاكى دغۇن كېڭاپان دان بىرانتىزىتى. سوپەتگا تاھون 2017، ۋەرگىم اين مەليتىكىن لېبىه 100 ۋەتكەر تدبیر نىڭرى (PTN) درى گەيد 41 ھېغىدا 48 يۇ مروۋاڭن "تولۇغ بلاڭۇ" كەچىان داسر MBI.

حب قەندىدېقىن اسلام

كۆمەتىن تېڭى كراجان نىڭرى كلتن تەرەدەف بىدۇغ قەندىدېقىن تەلە منجولۇغ كلتن سباڭى حب قەندىدېقىن اسلام دان "يونىفرسەتى تەرىبۈكە". أكىنسى قەندىدېقىن نىڭرى سەقەتى ياياسن اسلام كلتن (YAKIN)، ياياسن كلتن دار النعيم (KIAS)، كولىچ إسلام إنتارابىغا سلطان إسماعىل فەترا (ILPK) دان اینسەتىوت لاتىهن قەغۇرۇسون كلتن (ILPK) دەۋاکاسىن. بىگىتو جوڭا دغۇن دانا قەندىدېقىن منروسى قەغۇرۇسون تابوغۇ قەندىدېقىن نىڭرى دان تابوغۇ قەندىدېقىن توء كەنالى.

كراجان نىڭرى كلتن تەلە معەرفەكلىك داسر قەندىدېقىن رېاتى كلتن.



سلاين ۋرأونتوقن بىر منچە 110,5 جوتا رىيغىت اونتوق توجوان ۋىدىيەن ملالۇي بلنجاون 2018، ۋىدىيمۇكرا سىيان علمو جوڭا دلقسانكىن. دأنتاراث مەتروسى أوسهاسام ۋىھق كراجان نگرى كىلتەن دەن ىپسەتىتىسى ۋىدىيەن دالىم دان لوار نىڭارا سرتا ۋىھق سواستا. اي توروت مەبوبىكا قلواڭ ۋەچاجىن كەد ۋلاجىر درى نوار نىڭارا.

كراجان نگرى كىلتەن جوڭا كومىتەت مەبىتىو أسىق كەلەغۇن ۋلاجىر ملالۇي YAKIN يې مناۋاركىن ۋېنجامن ۋىدىيەن كەد ۋلاجىر يې ملنچوتىن ۋلاجىر دايىستىتىسى ۋەچاجىن تىشكى (IPT) تەقائىن اتاو لوار نىڭارا. اي مروۋاڭان ساتو ساتو سەكىم ۋېنجامن ۋىدىيەن تەقائىن فاندە دىنگارا اين. شرطىت ادالە IPT بىرگان مىتى دەعتراف اولىيە كراجان ملىيسيا دان دلولو سکەن اولىيە YAKIN.

قىباڭۇن بىلە دان كلوارڭا

باڭى توجوان مەبىتىق دان مەبىتىن جاتىي دىرىي بىرترىكىن علمو، إيمان، اخلاق دان بىرگەن مەبىتىن كاره كەمپىلاڭن اومە، مك داپسىر قىباڭۇن بىلە نگرى كىلتەن دەرگەلەن. فىسیت ادالە مەبىتىق دان مەبىتىن كەلۈوڭن بىلە يې منچاچى تەلەت كەماجوان سرتا كەچمەلەغۇن. او بىجىكتېقىت ادالە منچە، مئۇسۇن دان ملقسانكىن ۋەرگەرم-ۋەرگەرم كاره قىباڭۇن، مەبىتىق دان مەبىتىن مشاركىت باڭى مەريالىيەسەسىكىن "انق مودا كەلات بىر مرواه".

قىباڭۇن ىپسەتىتىسى كىلوارڭان مسلم بىرگەن سەقىن كلوارڭا مودە مروۋاڭان ساتو لاكى تۆمۈوان كراجان نگرى كىلتەن. داپسىر كىلوارڭا مودە دەگۈبىل دان دەجىلي肯 قىدووان دالىم مەركە ستراتىكى سرتا ۋەرگەرم. مەلەمەت ادالە ملاھىر كەن مشاركىت بىر أخلاق دان بىر عمل دەن نىلايي-نىلايي كىلوارڭان مسلم.



اورىستىيا قىباڭۇن وانىتا، كلوارڭا دان كېباجىقىن (UPWK) موجودكەن قۇست قىباڭۇن كلوارڭا، موسىيال دان كومونىتىي (PPSK) دستيابىت جاچەن دان منجالانكىن ۋەرگەرم كىلوارڭان مسلم. اي دەجىغا داھىي مغۇر ئەكىن قدر ۋەرچارىن دان كەڭانسەن رومەتىقى، مەبانقىن ىپسەتىتىسى كلوارڭا مئالى سرتا منىغىتىكىن بودايدا تعاون (تولوغ منولوغ) دالىم بىر مشاركىت.

سلاما 27 تاھون، داپسىر MBI منسوبييالىيەسەسىكىن ڭنراسي يې لاھىر سلۇش تاھون 1990 سپاڭى ڭنراسي ۋوارىث. ڭنراسي اين تله مەخالىمى نىلايي-نىلايي ھيدوۋ دەرە ۋەرسىس قىباڭۇن كراجان نگرى بىرترىكىن MBI. كۆمۈلن اين ۋەرلۇ دەتمەلىكىن كەنگە مشاركىت.

قىبىنائان ڭنراسي ۋوارىث دلقسانكىن دىي ملەتكەن قىبىنائان مشاركىت سەجەترا بىرقدۇكىن چارا ھيدوۋ اسلام. سەتىاف تاھون ۋەرسىس مەبىتىن ڭنراسي صلاة (MGS)، مەبىتىن ڭنراسي القران (MGQ) دان مەبىتىن رەماج اسلام (MRI) داداڭان. اوسها قىبىنائان راڭىن سېبىيا توروت داداڭان مەتروسى ۋەرسىس منچە ۋەكىل باكە فەندىعو سەرتىي ملالۇي كەلەپ داعىي مودا (KDM).

ڭنراسي سەجەтра كىلتەن (ضىنترى اتاو) دەنبوھەن بىرسىوان دەن تېما كىلتەن سەجەтра اونتوق اسلام. اي دەكىندالىكىن اولىيە أورسەتىيا نگرى كىلتەن دەغۇرسىكەن اولىيە ۋەرسىي جاوتىكواس كەسجەتأن رەعيت، كصىحاتىن، عالم سەكىتىر دان NGO كىلتەن، داتوء دوكىر رەملى مامت. مەلەمەت ادالە ملاھىر كەن كۆمۈلن انق مودا سەجەтра حاصل سۇسىيالىيەسەسى داپسىر MBI.

كەسجەتأن انتارا قوم

قىرىنسىيەت قەنەتتىپەران دىباوه داپسىر MBI ادالە بىرسومېرىكىن سەنە ئىنى محمد صلى الله عليه وسلم. رەحمة اجارىن اسلام مەبۇلەھەن رەعيت كىلتەن دەرە ۋەكىل ئەكام، بودايدا، بەھاس دان كەنۋەن سەتىپاس ھيدوۋ روکون، آمان، دامامى، تەنخ دان تەنرام.

اسلام مەعاجر ۋېھق بىرگەن ملقسانكىن مەياسانىن عادىل بىرترىكىن ۋەرسىغان جەنایە اسلام (حدود، قصاص دان تعزىز) باڭى منجاڭا كەرمۇنیان قوم. كراجان نگرى كىلتەن مەداھولىي دالىم اینسەتاييف مەرتابىن كەن جەنایە شەريعە سرتا سېستە كەھاكىم شەريعە. مەلە دوجودكەن ۋەجابت قەنەتتىپەران مەحكەمە شەريعە بىرسەنديرىيان (بىبىس) دىي منجامىن كەعادىلەن اونتوق سموا لاقىسىن مشاركىت.

كراجان نگرى كىلتەن تېدق ۋەرقە لوقا سومباڭۇن قەدووق ۋەكىل قوم تەرسىق مشاركىت اورۇغ اصلىي دالىم مەعمۇرەن نگرى اين. قەنوبوھەن قۇستىت انتەنگىرىتىي انتارا قوم (PEKA) دەن ۋرأونتوقن سېباتقى 180,000 رىيغىت دەلەتكەن لاكى دەن ۋەرسىس ھوبۇغۇن مشاركىت انتارا قوم دەن ۋرأونتوقن 1.88 جوتا رىيغىت.

قەنەتتىپەن ۋەكىل خاص ھوبۇغۇن انتارا قوم دوجودكەن دىباوه ۋەجابت منtri بىر. نىلايي دان سېمبولىك كەرمۇنیان انتارا قوم

فولا دظاهيرکن ملاوی قمینان ۋېنەر گۈرۈچىيەن ھو دجالان كبۇن سلطان. اي جوڭا منجادي فغاىطرافن كەذ سومباڭن قىنىڭا جىپا دالىم قباغۇن ايكۈنۈمى كلنتن.

تۈڭىق كدوا: كىممۇران

کمурوران کلتن داؤکور برأساسکن امقة فرکارا، يأيت
قمباغونن اینفراستروکتور دان فيزيکل، قمباغونن ایکونومي
دان قلابوران، قېيىگاتن سوسیوایکونومي رهيت دان ۋەشكۈھەن
كۈواڭ نېڭرى. ۋېستاسى كلوارن دالىم نېڭرى كاسىر
(KDNK) مروۋاڭ انຕارا اوکوران اوتام دالىم آسقىق لين.

بلاگي تاهون 2016، گلتن مونخول نگري كائم ترتييغى دالى
قىرىتىمۇھن KDNK قىيىغان 1,3 فراتوس چاقىتكن، يايىت
قد قدر 4,8 فراتوس بىرىندىيە هەت 3,5 فراتوس قد تاهون
2015. يايىت لىبىه تىيغى بىرىندىيە فراتوسن KDNK نگارا يېغ
ير اد قد قدر 4,2 فراتوس.

سیکتور فلنجو غن مروفاکن بوقتی کمموران گلنن دان
ممفوئای ۋوتىنسى بىر يېرىكتەن لاتر بلاكىخ نىڭرى يېغ كاي
دەن سىجارە وارىش دان كيونقىن بودا يا. كىمچىن تاھون ملاوت
گلنن 2016 بىرجاى منارىق انم جوتا فلنجو غن كىنگىي اين.

لیمقاهن کماجوان سیکتور قلنچوغن توروت منیشکتن
ایکونومی رعیت سلفس ڈمباوغون بیراف فرودوک بارو.
انترات، ڈسٹریکٹ نکمفوغ چلو سوري، ڈرو جیق ڈاسر

سنی دبادر توء گورو دان ڦروجیق مناچیق طارف کموداھن
دکولم اپر ڦانس تونک بولک، ماحچ.

کعموران تروس دنعماتی منروسي ڤروجیق ماس هادفن
افبیلا کراجأن نگری کلتنن دعن کرجسام تناکا ناسیونل برحد
(TNB) باکل معاجون ڤروجیق هیدروایلیتیر یک نغیری، کوا
مروش بیث کینی دالم فاسا آخر روندیعن. ای دجعکا دافه
مثومبغ کفڈ فرکباغن ایکونومی نگری دان مئلیسکن مساله
بنجیر. ڤروجیق-ڤروجیق دستاریکن دباوه رنخاغن مليسیا ک-
11 (RMK11) دجعکا تروس مغمبع دان مفوکرهکن
ایکونومی کلتنن.

ساتو لاکی اسفیق فتیغ دالم منوهی تو غلچ کمموران ایله
قمبینان رومه يع منوهی کفرلوان رعیت. ای دریالیسسکن
منروسوی گروگرم رومه ممقر میلیق کلنن (RMMK) دان
گروگرم بنتوان رومه ضعفاء. کدوادواث بالکی ممبتو رعیت
برفدافتن رنده دان سدر هان ممیلیقی رومه. ای مروفاکن ایدیا
تونس استاذ احمد ساول بیلار ممیکول توضس منتری بسر
کلنن.

تو غنیّق کنیکا دالم ڦلن ستراتنگیک ڪلنتن ملغه کهادن اداله
 کباجین دغۇن فوكوس ڪڏ عمالن کبرسیون دان ڪسیھاتن
 رعيت، خدمه کباجین سرتا خدمه ڦربندارن. ساسر انت اداله
 ملاھیرکن رعيت چکنا کباجین، ممستیکن ڦالوران بنتوان
 چڪ دان إيفیکتیف، منیشکتکن ڪلوڤایان ایجن ڦالور بنتوان
 سرتا موجودکن گرجسام سموا جابتن اتاو اکینسی دیباوه ساتو
 جاوتکواس ڦریغۂ نگری سرتا جاچهن.

فُقسانان ۋەرگۈرم كېلاجىقىن اورتوق سموا لافىس مشاركت منجادىي تومۇوان اوئام كراجان نىڭرى كلانتن. كېلاجىقىن جوڭا دسو بىغىن مىزروسى كەممۇر ان سىسبواه نىڭرىي دالم مىثىاكن كەمداھن اساس كىڭ رعىت سكالىيگوس مەمۇنەتى نىلاي- نىلاي قىمباغۇرن سەقىرچوال دان مېتىرال.

اساس- اساس کبلجیقون توروت دنعاماتی منزوسی قمباعن
ایکونومی دان ڦواع ڦکر جان حاصیل ڦمباعونن ڦوست ڦوست
ڦرنو میوهن بهارو، انثاراٹ لمبه سیریه، بندر بارو ٿونجوغ،
بندر ساتیلت فاسیر تومبوه، بندر اوتاب گوا موسيع دان ترکیني،
فاسیر ڦوئیه سینترل.

ای توروت دسوکوچ اولیه او سها مفرکاسکن فروگرم کباجین
دباوه کراجان نگری سفرتی سکیم کفاله تکافل ورگا امس،
بنتوان برس ملاوی سکیم الاطعام، فروگرم قبیلان رعیت
میسکین دان بنتوان فرکهوبینن ملاوی سکیم الزواج. سلاین
ایت، کراجان نگری مثیاکن فرأونتوون 6 جوتا ریغختی باکی
ممبلان گولو غن ارملا (ایپی تو غملک) دان آنق پیتم. جوگا

فرونتون سباتق 18,4 جوتا ریئگیت بانکی بتوان عالم
یه لان "المساعدة" اونتوق تاهون 2018.

فِوْتِفَ

دباوه كييفينن أستاذ أحمد، كراجان نگري كلنتن امه تگس
منروسكن ويسى دان ميسى داسر MBI. جوسترو ۋەتكاتان
قېباڭونن نگري بىرترىسكن ۋەتكىپىش اسلام جادىكىن ۋەتكاتان
اوئام دالم مەريالىيەسىكىن ۋەنجاڭ كاره ۋەچاپاين توغۇڭقى
كېتكاتان، كەممۇران دان كىاجىقىن.

ای اداله مانیفیستاسی قمینتوون چیتا-چیتا برسام انتارا قمیمین
دان رعیت کاره متجادلکن کلتن سبواه نکری یغ اوتوه دعن
نیلای-نیلای اسلام دمی ممنوھی واده کلتن سجهتا اونتوق
اسلام سموکا الله سبحانه وتعالی مرستوی دان ممبری
قشونجوق برتر و من دمی مررتاتکن کملیان اگامث دبومی
کلتن، نکری سرمبی مکه. ۱



BERKAT URUS TADBIR ISLAMIAH URUS TADBIR KELANTAN DIIKTIRAF CEKAP DAN BERINTEGRITI

Oleh: Ahmad Dhuha Foto:UKMB

Salah satu nilai penting yang menjadi tonggak kejayaan sebuah kerajaan adalah integriti dan bebas rasuah. Ia juga merupakan nilai bagi mengukur kejayaan dasar Membangun Bersama Islam (MBI) dan kecemerlangan pentadbiran kerajaan negeri Kelantan. Bukti keberkesanan konsep pentadbiran Islam yang dibentuk mengikut acuan tadbir urus sepertimana ditunjukkan oleh junjungan besar, Nabi Muhammad SAW ketika Baginda mentadbir urus Madinah suatu ketika dahulu.

Konsep pentadbiran dengan dasar MBI diperkenalkan oleh mantan Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat atau lebih mesra dengan panggilan Tok Guru. Ia telah dimulakan pada tahun 1990 iaitu sejak awal PAS mengambil alih tumpuk pemerintahan negeri daripada Barisan Nasional (BN). Sejak 27 tahun lalu, dasar MBI telah berjaya mencorakkan gaya hidup masyarakat Kelantan dan memberi keberkatan kepada pentadbiran negeri yang terbukti cekap dan berintegriti.

Aspek keberkatan ini mempunyai hubung kait dengan usaha menjaga Maqasid Syariah iaitu menjaga agama, akal, nyawa, keturunan dan harta. Apabila keberkatan diutamakan, maka akan menjelma mah suasana kehidupan positif dari segi Maqasid Syariah sekali gus suasana kehidupan itu selari dengan prinsip pentadbiran yang berjaya memupuk budaya bebas rasuah dalam tadbir urus kerajaan negeri Kelantan. Usaha penerapan nilai-nilai utama keberkatan telah menyasarkan kepada pengukuhan peningkatan amalan tadbir yang baik dalam melahirkan penjawat awam profesional, kompeten dan berintegriti.



AKAUNTABILITI PADA TAHAP TERBAIK

Amalan tadbir urus yang baik adalah salah satu aspek penting yang menjadi penanda aras kepada keutuhan sesebuah kerajaan. Kerajaan negeri Kelantan merekodkan kecemerlangan dalam aspek ini dan ia diakui melalui Laporan Ketua Audit Negara 2016. Ia membuktikan tahap akauntabiliti pengurusan kewangan oleh jabatan-jabatan dan agensi-agensi di bawah kerajaan negeri Kelantan berada pada tahap terbaik.

Sebanyak 12 jabatan dan agensi di bawah kerajaan negeri Kelantan telah diberikan penarafan cemerlang iaitu pencapaian 90 peratus ke atas. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Kelantan mengekalkan pencapaian cemerlang yang diperoleh sejak tahun 2015. Malah prestasi kedua-dua jabatan ini semakin baik dengan peningkatan pencapaian sehingga 99 peratus.

Sijil-sijil penghargaan telah diberikan kepada semua jabatan dan agensi berkenaan atas kecemerlangan yang diperoleh. Penyampaianya disempurnakan oleh Menteri Besar Kelantan, Usatz Dato' Ahmad Yakob pada Majlis Amanat Khas Tahun 2018. Penyampaian sijil berkenaan sekali gus membuktikan ketelusan pentadbiran kerajaan negeri Kelantan.

Asas di sebalik kejayaan itu dikatakan kesan daripada penerapan dasar MBI yang mewajibkan penjawat awam mengikuti Program Kuliah Ubudiyah, Masuliyyah dan Itqan (UMI). Pendekatan tersebut telah berjaya memperkasa amalan integriti dalam pentadbiran.

UMI PEMANGKIN INTEGRITI

Terdapat satu pengalaman berbeza yang dilalui oleh penjawat awam di Kelantan berbanding negeri lain sepanjang berkhidmat terutama bagi mereka yang berkhidmat di Kompleks Kota Darulnaim. Ia dapat dirasai pada setiap hari Khamis yang mana semua kakitangan kerajaan negeri di kompleks ini diwajibkan menghadiri kelas UMI bermula pukul 2.30 hingga 3.30 petang.

Kelas yang dimulakan pada tahun 2011 ini bertujuan menghidangkan penjawat awam dengan santapan ilmu melalui pembelajaran kitab 'Hidayatul Hidayah' oleh ulama muktabar di negeri ini. Pendekatan berkenaan dilaksanakan bagi memastikan pemerkasaan integriti terus dimantapkan dengan memperkenalkan sistem pembelajaran mengikut topik tertentu iaitu akidah, akhlak, tasawuf dan muamalah.

Penghayatan prinsip UMI sedikit sebanyak berupaya menjadi benteng buat kakitangan di Kota Darulnaim untuk mengelakkan diri daripada terlibat dengan amalan salah laku terutamanya rasuah. Situasi tersebut sekali gus membolehkan kerajaan negeri kekal bersih daripada sebarang anasir rasuah yang boleh menjadikan kredibilitinya sebagai sebuah kerajaan bertunjangkan ajaran Islam dalam sistem pentadbiran. Program ini terus disuburkan sehingga kini, malah berkembang blak dengan jayanya dalam kalangan kakitangan awam.

PROGRAM TASAWWUR ISLAM

Satu lagi langkah yang diambil oleh kerajaan negeri Kelantan adalah dengan melaksanakan Program Tasawwur Islam kepada penjawat awam, khususnya Pegawai Tadbir Negeri (PTN). Ia merupakan salah satu manifestasi kerajaan negeri bagi meningkatkan kefahaman mengenai budaya hidup Islam yang merupakan 'tulang belakang' kejayaan dasar MBI.

Program Tasawwur Islam merupakan cetusan idea Menteri Besar bagi memberi pendedahan kepada PTN dengan pengetahuan tadbir urus Islam. Justeru, objektif program tersebut adalah menerapkan nilai agama dalam pentadbiran sekali gus membentuk pegawai yang menghayati dan mengamalkan budaya kerja berteraskan UMI.

Program tersebut turut menjadikan pegawai-pegawai kerajaan negeri Kelantan lebih bersedia untuk berubah serta menjadi qudwah (surat teladan) kepada masyarakat. Seterusnya muncul amalan tadbir urus bertintegriti dalam urusan kerajaan negeri. Sehingga tahun 2017, lebih 100 penjawat awam terdiri daripada pegawai-pegawai di bawah pentadbiran kerajaan negeri Kelantan dan Jabatan Guna Sama Negeri dari Gred 41 - 48 telah menyertai Program Tasawwur Islam.

Pelaksanaan Program Diploma Tasawwur Islam kepada semua pegawai pula telah meletakkan prestasi pentadbiran kerajaan negeri pada kelas tersendiri, terutama dari segi kecekapan dan integriti. Ia telah meningkatkan kualiti kerja dan produktiviti di semua peringkat jabatan, agensi dan institusi di bawah kerajaan negeri Kelantan.

Bagi memperkasakan program itu, kerajaan negeri Kelantan mewujudkan kursus lanjutan bagi memberi lebih kefahaman dalam kalangan PTN. Ia juga bagi memastikan tadbir urus negeri menjadi lebih cekap dan penuh integriti. Program Diploma Tasawwur Islam

mendapat kerjasama penuh dari Kolej Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi di bawah Kerajaan Negeri Kelantan, KIAS memainkan peranan penting selaku institusi yang merangka semua sukanan pelajaran berkaitan Program Diploma Tasawwur Islam.

IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)

Bacaan ikrar semasa Majlis Sambutan Hari Integriti peringkat Negeri Kelantan.



Salah satu usaha terbaru yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri Kelantan bagi memperkasakan integriti dalam sistem pentadbiran adalah melalui Ikrar Bebas Rasuah (IBR). Lebih menarik apabila Ustaz Ahmad selaku Menteri Besar sendiri yang mengetuai lafaz ikrar serta menandatangani IBR, diikuti oleh seluruh penjawat awam.

Lafaz IBR dilaksanakan di hadapan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Kelantan sebagai simbolik usaha menyekat gejala tidak sihat itu. Pendekatan ini sekali gus menjadikan Kelantan sebagai negeri pertama membuat kerahan kepada penjawat awam agar memberi sokongan padu kepada usaha membanteras kemungkar rasuah di Malaysia.

Inisiatif melaksanakan pembanterasan habis-habisan ini memperlihatkan dengan jelas usaha berterusan kerajaan negeri Kelantan memerangi rasuah. Sekali gus menampakkan kesungguhan untuk menghalang budaya tidak sihat ini daripada menjadi barah dalam kalangan kakitangannya. Setakat ini, lebih 60 agensi kerajaan negeri termasuk anak syarikat telah melaksanakan lafaz IBR yang disaksikan sendiri oleh SPRM.

Bagi memperkasakan usaha IBR, kerajaan negeri bersama Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dengan kerjasama Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Kelantan telah mengadakan siri jelajah INTEGRITI. Ia bertujuan melaporkan dan mendapatkan maklum balas status integriti di negeri-negeri seluruh Malaysia menerusi perkongsian 'Dashboard Integriti'. Matlamatnya adalah untuk melakukan penambahbaikan serta menangani isu dan cabaran secara lebih telus.

Susulan program jelajah itu, kerajaan negeri dijangka akan membangunkan Pelan Integriti Negeri Kelantan

dan Pelan Integriti Pejabat SUK Kelantan. Langkah berkenaan adalah bagi membolehkan agensi-agensi kerajaan negeri mempunyai pelan integriti organisasi masing-masing.

HADAM ISU RASUAH

Kajian dijalankan oleh Bahagian Integriti Negeri Kelantan mendapati rata-rata penjawat awam amat memahami perihal dan perilaku berkaitan rasuah. Pehamanan pada tahap tertinggi itu merupakan hasil daripada usaha serta kesungguhan kerajaan negeri menganjurkan pelbagai program yang diselit dengan ajaran-ajaran Islam. Usaha berkenaan adalah untuk memastikan isu berkenaan terus melekat diingatan kakitangan kerajaan.

Apabila penjawat awam sudah memahami kesan buruk yang bakal menimpa mereka sekiranya terjebak dengan rasuah, mereka pastinya akan berusaha sedaya upaya untuk mengelakkannya daripada berlaku. Sekali gus ia memberi kelebihan kepada seluruh kakitangan kerajaan di negeri Kelantan apabila mereka diiktiraf sebagai penjawat awam contoh.

KELANTAN BEBAS RASUAH

Perkara paling membanggakan bagi jabatan-jabatan dan agensi-agensi di bawah kerajaan negeri Kelantan sehingga ke hari ini adalah keupayaan untuk kekal bersih daripada sebarang pendakwaan oleh SPRM.

Perkara ini disahkan sendiri oleh SPRM yang memaklumkan bahawa Kelantan adalah negeri yang terendah dalam kes tangkapan berkaitan rasuah. Malah tiada satu pun tangkapan dibuat dalam Negeri Kelantan yang melibatkan penjawat awam.

Perakuan daripada SPRM ini secara langsung mencerminkan keberkesanannya penerapan prinsip UMI yang merupakan kunci di sebalik kejayaan Kelantan kekal bebas daripada ancaman rasuah.

Walaubagaimanapun, kejayaan mengekalkan rekod bersih itu tidak bermakna kerajaan negeri Kelantan akan berdiam dan berterusan menikmati kejayaan lampau. Sebaliknya kerajaan negeri akan terus berusaha keras untuk mengekalkan prestasi cemerlang tersebut bagi memastikan ia terus menjadi contoh dalam menerajui perubahan di negara ini.

MUAT TURUN APLIKASI myAKSB



Carian melalui aplikasi
IOS/ANDROID myAKSB



SCAN QR CODE
FOR IOS



SCAN QR CODE
FOR ANDROID



Anda kini boleh memuat turun aplikasi mudah alih versi baru myAKSB bagi pengguna Android dan juga pengguna telefon pintar Apple iPhone.

Info AKSB:

Muat turun aplikasi myAKSB dari Play Store (Android) & Apple Store (IOS) untuk maklumat akaun, bayaran & aduan pelanggan dengan cepat & mudah. Sebarang pertanyaan sila hubungi 15777.

KEMPEN SAMBUNG SEMULA BEKALAN AIR SECARA **PERCUMA** TANPA CAJ PENYAMBUNGAN

KEMPEN DILANJUTKAN SEHINGGA 30 JUN 2018

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi pejabat AKSB Jajahan berdekatan atau layari laman sesawang www.airkelantan.com.my atau talian PINTAS 15777




CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013
CERT. NO.: AR6519
LOJ RAWATAN AIR KELAR



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: AR4439



MS ISO/IEC 17025
NO. SAMM : 207
MAXIMAL PUSAT AIR KELANTAN



YMC TECHNOLOGIES
SDN BHD

Tel: 603-7845 4033/4185/3759

E-mail: sales@ymctech.com Website: www.ymctech.com



Balmoral efusion® Epoxy Coated Steel Tank



NOVA ISS® Composite Stainless Steel Tank

STABIL DALAM WAKTU SUKAR

PRESTASI EKONOMI KELANTAN MENGUKUH DARI SEMASA KE SEMASA

Oleh: Mustaqim Amir Azuari Mohamed Foto: Ahmad Na'ime Muhammad

Nilai ringgit tidak stabil dan isu kenaikan harga barang termasuk minyak menjadi perdebatan dalam perbincangan ekonomi negara sehingga ke penghujung tahun 2017. Ia menunjukkan betapa rakyat Malaysia tertekan menghadapi situasi semasa yang menyukarkan. Keadaan ini juga menyebabkan rakyat menjadi lebih peka dengan perkembangan ekonomi negara, dan Kelantan tidak terkecuali.

Rakyat Kelantan turut merasal kesan ketidakstabilan ekonomi serta nilai ringgit, terutama mereka yang berada di kawasan sempadan Malaysia dan Thailand. Mereka dapat melihat serta merasai dengan jelas kesan kejatuhan nilai ringgit. Namun tidak banyak dapat mereka lakukan selain menyesuaikan diri dengan keadaan semasa.

WAKTU SUKAR

Unit Pemantauan dan Pelaksanaan Strategik (SPARK) Pejabat Menteri Besar Kelantan menyatakan bahawa prestasi ekonomi Kelantan berhasil daripada kestabilan ekonomi rakyat, diganding bersama kecekapan jentera pentadbiran. Tahun 2016 dan 2017 merupakan dua tahun penuh kesukaran bukan hanya bagi rakyat di Kelantan, malah di seluruh negara. Seperti semua sedia maklum, ia berpunca daripada ketidakstabilan nilai ringgit berbanding mata wang lain.


Sekitar November 2016, media tempatan melaporkan ringgit mencecah paras terburuk sejak Januari 2016 apabila melepassi paras RM4.33 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS). Ia menepati ramalan penganalisis yang menyatakan mata wang Malaysia akan terjejas kesan kemenangan Presiden AS, Donald Trump.

Keadaan bertambah buruk apabila indeks utama Bursa Saham Malaysia, KLCI merosot lebih 10 mata kepada 1,622.55 mata pada 14 November 2016 dengan komoditi minyak terus merosot kepada AS\$44.75 (RM192.43) satu tong berbanding lebih AS\$50 (RM216.50) satu tong sepanjang Oktober tahun sama. Boleh dikatakan ketidaktentuan ringgit dan ketidak-

stabilan ekonomi sangat dirasai kebanyakan rakyat Malaysia sehingga penghujung tahun 2017. Sungguhpun pertumbuhan ekonomi negara dilaporkan bergerak positif pada tahun 2017 bermula dengan kejayaan negara mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 5.6 peratus pada suku pertama 2017, iaitu tertinggi dalam masa dua tahun.

Mengikut maklumat daripada SPARK, rakyat Kelantan mampu menyesuaikan diri dengan gaya hidup serta persekitaran ekonomi mencabar sepanjang tahun 2016 hingga 2017. Pertumbuhan ekonomi Kelantan berkait rapat dengan prestasi ekonomi negara walaupun nisbah pencapaian agak sederhana. KDNK Kelantan dijangka terus mengukuh dan diunjurkan berkembang positif selari dengan perkembangan ekonomi negara.

Dari segi prestasi ekonomi Kelantan, SPARK memaklumkan kadar KDNK negeri sentiasa mengatasi kadar KDNK negara dalam tempoh 10 tahun terakhir. Peningkatan sebanyak 1.3 peratus pada tahun 2016, lalu pada kadar 4.8 peratus meletakkan Kelantan sebagai negeri keenam tertinggi dari segi pertumbuhan KDNK. Bahkan lebih tinggi daripada peratusan KDNK negara yang berada pada kadar 4.2 peratus.



KDNK NEGERI KELANTAN

TAHUN 2016

DUNIA	MALAYSIA	KELANTAN
3.6%	4.2%	4.8%

KDNK MALAYSIA

SUKU TAHUN PERTAMA, 2017	5.6%
SUKU TAHUN KEDUA, 2017	5.8%
SUKU TAHUN KETIGA, 2017	6.2%

UNJURAN KDNK NEGERI KELANTAN **POSITIF** SAMA CORAK DENGAN KDNK MALAYSIA

SEKTOR UTAMA



PENGURUSAN EKONOMI NEGERI

Berdasarkan prestasi KDNK mengikut negeri yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, SPARK memaklumkan kedudukan ekonomi negeri Kelantan dalam keadaan stabil dan prestasi ekonominya mengukuh dari semasa ke semasa. Prestasi pertumbuhan ekonomi pada tahun 2017 boleh disimpulkan sebagai hasil kejayaan penerapan Dasar Membangun Bersama Islam yang dilaksanakan di negeri ini.

Kerajaan negeri Kelantan menerapkan nilai pengurusan cara Islam dan hasilnya, terdapat peningkatan sosioekonomi dari semasa ke semasa. Keadaan ini tidak boleh dicapai semata-mata kerana faktor ekonomi biasa tetapi disumbangkan oleh dua perkara, iaitu keberkesanannya aspek fizikal dan spiritual.

Antara aspek yang perlu diberi perhatian oleh sebuah kerajaan negeri adalah mengenal pasti sumber utama yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan mengurus dengan baik. Dua sumber utama yang menyumbang kepada keupayaan ekonomi Kelantan adalah sektor perkhidmatan dan sektor pertanian. Pada tahun 2016, Kelantan menyumbang sebanyak RM20.66 bilion kepada KDNK Malaysia. Daripada jumlah tersebut, RM13.73 bilion disumbangkan oleh sektor perkhidmatan manakala RM5.09 bilion disumbangkan oleh sektor pertanian.

KEBAJIKAN DAN PRESTASI MASA HADAPAN

Agenda kebijakan rakyat cukup diberi perhatian dibawah dasar Membangun Bersama Islam dalam mencapai matlamat membina Kelantan sebagai negeri makmur dan berkebajikan. Sehingga kini kerajaan negeri dilihat masih mampu meneruskan agenda kebijakan rakyat walaupun dengan dana yang terhad. Ia pasti memerlukan satu bentuk pengurusan sumber yang baik.

SPARK memberitahu, sumber pendapatan ekonomi negeri diperoleh melalui hasil cukai dan bukan cukai, hasil tanah, hasil hutan serta lain-lain lagi. Kerajaan negeri Kelantan turut mengenakan bayaran-bayaran baharu dan menstrukturkan semula beberapa bayaran sedia ada. Langkah ini diambil dengan tujuan menambah hasil perolehan pendapatan negeri dengan mengambil kira kadar bersesuaian dengan aktiviti berimpak tinggi. Dengan itu kerajaan negeri Kelantan dapat meneruskan, bahkan menambah baik agenda kebijakan rakyat dari semasa ke semasa.

SPARK menjangka prestasi ekonomi Kelantan akan lebih meningkat dan mengukuh berikutan pelbagai projek keutamaan sedang dilaksanakan selari dengan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11). Antaranya pembinaan Cetral Spine Road (CSR), East Coast Railway Linkages (ECRL) dan penyambungan Lebuhraya Pantai Timur (LPT) ke Kelantan. Kesemua projek ini dijangka akan menyumbang kepada perkembangan

ekonomi negeri dengan lebih pesat di samping menjadi tunjang infrastruktur pengangkutan. Selain itu ia akan melengkapkan infrastruktur jalan sedia ada dan menjadi pemangkin kepada kegiatan ekonomi, pelaburan serta perindustrian di Kelantan.

MISI DAN VISI EKONOMI

Visi kerajaan negeri Kelantan adalah menjadikan negeri ini sentiasa dilimpahi keberkatan, kemakmuran dan berkebajikan selari dengan dasar Membangun Bersama Islam. Kerajaan negeri tidak sekadar memandang sudut material dalam mentafsir aspek kemajuan serta kecemerlangan, sebaliknya cuba mengimbang antara aspek fizikal dan kerohanian, material dan keagamaan serta aspek duniaawi dan ukhrawi.

Misi utama kerajaan negeri Kelantan adalah menjadikan negeri ini sebuah negeri yang mendukung pelaksanaan Syariah sepenuhnya melalui tadbir urus cekap dan berintegriti, berpaksikan konsep Ubudiyah, Masuliyyah dan Itqan (UMI). Menjadikan Kelantan sebuah negeri berdaya saing dari segi pertumbuhan ekonomi, penyediaan infrastruktur dan pembangunan fizikal. Dalam pada itu, kerajaan negeri Kelantan mahu melahirkan rakyat progresif, dinamik dan bermotivasi tinggi dengan mengamalkan nilai-nilai hidup Islam secara syumul.

Kerajaan negeri Kelantan melaksanakan beberapa projek bagi merancakkan prestasi ekonomi negeri iaitu:

- 1) Mewujudkan Pelan Pembangunan Sistem Pengeluaran Lembu Pedaging Hibrid jenama NaimBif. Matlamat utama pelan ini adalah memastikan Kelantan kekal unggul sebagai pengeluar utama baka lembu hibrid berkualiti dan pedaging halal utama negara.
- 2) Mewartakan kawasan seluas 305.2 hektar sebagai kawasan pembangunan batuan silika. Jumlah hasil kerajaan negeri Kelantan melalui batuan silika dijangka sebanyak RM5 juta pada tahun 2018.
- 3) Menggubal Enakmen Pesuruhjaya Tanah Kelantan 2017 bagi:
 - Memperkasakan sektor harta tanah agar seiring dengan perkembangan ekonomi.
 - Memberi khidmat nasihat mengenai peluang pernagaan dalam sektor harta tanah.
 - Pemudah cara dalam proses permohonan pembangunan tanah daripada pelabur.
- 4) Mengadakan misi rombongan ke luar negara iaitu:
 - Misi ke Dubai melibatkan runding niaga berkaitan pembangunan harta tanah, pembangunan pelabuhan, perdagangan sumber mineral, pelbagai industri dan urusan eksport bunga atau flora.
 - Misi ke India melibatkan runding niaga berkaitan pembukaan kilang baja urea ammonia serta industri tekstil.
 - Misi ke Jepun melibatkan sektor pembangunan

hartanah, produk penjagaan kesihatan dan semikonduktor.

PERKEMBANGAN RINGGIT DAN EKONOMI NEGARA

Pada November 2017, Gabenor Bank Negara (BNM), Tan Sri Muhammad Ibrahim mengumumkan terdapat peningkatan ketara nilai ringgit sejak November 2016 seperti mana yang dilaporkan oleh media tempatan. Menurut beliau, kedudukan ringgit semakin mengukuh, malah stabil dengan ketidaktentuan menurun daripada kedudukan puncak 9.7 peratus kepada kira-kira 3.7 peratus.

Tambah beliau, pengaruh aktiviti pasaran luar pesisir dan limpahan yang menjelaskan kadar tukaran ringgit sudah berkurangan, selaras dengan penurunan jumlah urus niaga ketara dalam pasaran hadapan tanpa serahan. Jumlah urus niaga tukaran asing di pasaran dalam negara dikekalkan dengan menambah baik kos transaksi serta memudahkan transaksi perniagaan untuk semua peserta pasaran. Ringgit pada satu tahap mencerminkan asas ekonomi Malaysia dan dibuktikan menerusi hakikat bahawa pemulihannya selari dengan penyiaran data domestik yang kukuh.

Terbaru, pada Disember 2017, media tempatan melaporkan Ketua Pakar Ekonomi MIDF (Malaysian Industrial Development Finance Berhad), Dr. Kamarudin Mohd Nor menyatakan Malaysia diunjurkan mencatat momentum pertumbuhan ekonomi sederhana pada tahun 2018 dengan KDNK berkembang pada 5.5 peratus berbanding 5.8 peratus pada tahun 2017. Menurut beliau, perkembangan itu seiring dengan jangkaan pertumbuhan global yang sedikit rendah pada tahun 2018, iaitu pada 3.2 peratus berbanding 3.6 peratus pada tahun 2017 mengikut unjuran diberat Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Bagaimanapun MIDF menjangka aliran perbelanjaan memberangsangkan khususnya dalam kalangan pengeluar di China yang mungkin memberi kesan limpahan positif ke atas Malaysia. MIDF menjangka pertumbuhan KDNK China mencecah 6.7 peratus bagi tahun 2018, bersesuaian dengan prestasi ekonomi domestik berikutan perdagangan Malaysia dengan China menyumbang kira-kira 16 dan 17 peratus daripada jumlah dagangan Malaysia.

Kamarudin juga memaklumkan sebarang kenaikan baharu kadar faedah yang akan diumumkan oleh pihak Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (Fed) pada tahun 2018 akan memberi kesan kepada kadar tukaran dolar AS dengan ringgit. Belau mengunjurkan ringgit akan diniagakan pada kadar RM3.95 berbanding dolar AS menjelang akhir tahun 2018 berbanding RM4.05 pada penghujung 2017. Kamarudin turut menjangkakan BNM bertindak menaikkan kadar faedah sebanyak 0.25 mata asas kepada 3.25 peratus berbanding 3.00 peratus.

Pengukuh ekonomi negara pastinya akan turut memberi kekuatan kepada ekonomi negeri dan kita

harap perkembangan yang dilihat positif ini akan memberi manfaat kepada negeri ini.

AMANAT MENTERI BESAR

Salah satu perkara penting yang disuarakan oleh Menteri Besar Kelantan, Ustaz Dato' Ahmad Yakob semasa menyampaikan amanatnya pada 2 Januari 2018 adalah 'Merakyat Pembangunan Ekonomi Yang Mapan'. Di bawah perkara ini, beliau menekankan kepentingan merancakkan pertumbuhan ekonomi negeri. Langkah ini memerlukan tindakan proaktif bagi memastikan usaha dan misi pelaburan yang dicetuskan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Badan-badan terlibat dalam pembangunan ekonomi dan pelaburan negeri perlu memastikan setiap runding niaga berjaya.

Menteri Besar Kelantan turut berhasrat menjadikan sektor pertanian sebagai penyumbang utama kepada perkembangan aktiviti ekonomi negeri. Di bawah aspek pembangunan pertanian, beliau menekankan bahawa para petani perlu diberi kesedaran tinggi untuk mempergatkan usaha meningkatkan pelaburan aktiviti pertanian.

Menurut beliau, para penjawat awam perlu memberi khidmat pembangunan pertanian serta menjayakan konsep 'Bertani Satu Ibadah'. Program di bawah Sistem Pengembangan Tekno Pertanian (SPTP) hendaklah dirangka dengan rapi bagi membolehkan penglibatan golongan sasar. Program pembangunan tanah terbaik juga perlu diberikan penekanan. 

PERBELANJAAN NEGERI 2017

RM
176.13 JUTA
EMOLUMEN

RM
678.80 JUTA
PERKHIDMATAN & BEKALAN

RM
10.34 JUTA
ASET

RM
481.68 JUTA
PERBELANJAAN LAIN

RM
243.87 JUTA
PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP





Laporan Ketua
Audit Negara tahun 2016
telah membuktikan tahap
akauntabiliti pengurusan
kewangan oleh jabatan-
jabatan atau agensi
kerajaan negeri Kelantan
berada pada
tahap terbaik.

PENGURUSAN KEWANGAN CEMERLANG

PRESTASI KERAJAAN NEGERI KELANTAN DIAKUI PADA TAHAP TERBAIK

Persidangan Belanjawan Tempoh
ke-5 DUN ke-13 Ke-3 pada
22 November 2017.

Oleh: Mustaqim Amir Azuari Mohamed Foto: UKMB

Keutuhan sesebuah kerajaan negeri dipandang melalui beberapa aspek urus tadbir penting termasuk perkara-perkara yang dinilai melalui Laporan Ketua Audit Negara. Salah satu aspek penting adalah prestasi pengurusan kewangan. Tidak dapat disangkal aspek tadbir urus kewangan bukan sekadar menjadi penanda aras keutuhan, malah boleh dianggap sebagai maruah sesebuah kerajaan negeri.

Prestasi Pengurusan Kewangan menjadi indikator bagi menunjukkan sama ada sesebuah kerajaan mampu menguruskan sesebuah negeri atau sebaliknya. Sudah tentu ia menjadi perkara yang sangat dititikberatkan dan diberi perhatian utama saban tahun.

Kerajaan negeri Kelantan juga tidak terlepas daripada penilaian dalam aspek ini. Malahan dengan pelbagai tempias isu politik, pastinya menjadikan banyak mata yang sentiasa memerhatikan perkembangan prestasi pengurusan kewangan kerajaan negeri dari setahun ke setahun.

TREND MENAIK

Selama 27 tahun kerajaan negeri Kelantan dibawah kepimpinan PAS (Parti Islam Se-Malaysia) berdepan pelbagai kritikan dan pandangan negatif. Namun selama itu jugalah iakekal utuh mentadbir dan memakmurkan negeri ini. Malah saban tahun, Laporan Ketua Audit Negara telah memberikan penilaian positif kepada aspek tadbir urus kerajaan negeri Kelantan.

Ini secara tidak langsung menunjukkan keberkesanan dasar Membangun Bersama Islam (MBI) yang didukung dalam pentadbiran kerajaan negeri Kelantan sejak tahun 1990. Aspek pengurusan kewangan kerajaan negeri juga telah mendapat penilaian positif dalam Laporan Ketua Audit Negara, malah diakui cemerlang terutama dalam aspek akauntabiliti.

Sepanjang tiga tahun kebelakangan ini juga, kerajaan negeri telah menunjukkan prestasi urus tadbir kewangan negeri yang memberangsangkan. Menurut laporan yang disediakan oleh pihak Unit Pemantauan dan Pelaksanaan Strategik (SPARK) Pejabat Menteri Besar Kelantan, prestasi kewangan kerajaan negeri Kelantan menunjukkan trend menaik.

Penilaian tersebut dibuat berdasarkan laporan Belanjawan kerajaan negeri Kelantan untuk tahun 2016, 2017 dan 2018. Menurut SPARK, anggaran hasil negeri pada tahun 2016 adalah sebanyak RM593.80 juta dan meningkat kepada RM636.98 juta pada tahun 2017. Anggaran hasil negeri terus meningkat untuk tahun 2018, iaitu RM690.90 juta.

SPARK turut melaporkan bahawa defisit belanjawan kerajaan negeri Kelantan menunjukkan penurunan dalam tiga tahun kebelakangan ini. Defisit belanjawan pada tahun 2016 adalah sebanyak RM45.61 juta dan menurun kepada RM42.65 juta pada tahun 2017. Defisit terus menurun untuk tahun 2018, iaitu sebanyak RM41.74 juta.

BERKEMBANG KUKUH

Sistem pentadbiran Islam dengan dasar MBI yang berteraskan prinsip Ubudiyah, Masuliyyah dan Itqan (UMI) ternyata mempunyai kelebihan tersendiri. Dasar pentadbiran ini telah diperkenalkan oleh mantan Menteri Besar Kelantan iaitu Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat bermula tahun 1990, iaitu sejak PAS mula mengambil alih tumpuk pentadbiran kerajaan negeri.

Dasar ini telah melahirkan penjawat awam yang profesional, kompeten dan berintegriti, sekali gus membentuk pengukuhan peningkatan amalan mentadbir yang baik. Ia sekali gus berupaya memacu prestasi pengurusan kewangan cemerlang untuk negeri Kelantan.



Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan pernah menerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti bertaraf 5 bintang.

Sepertimana yang dilaporkan oleh SPARK, pergerakan prestasi kewangan Negeri Kelantan pada tahun 2017 berkembang dengan kukuh berdasarkan prestasi kutipan hasil negeri pada tahap yang baik. Berdasarkan rekod setakat 31 Ogos 2017, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Kelantan telah berjaya melaksanakan kutipan hasil berdasarkan belanjawan sebanyak 266.35 peratus bagi Bahagian Pendaftaran. Bahagian Pembangunan pula mencatat kutipan hasil negeri sebanyak 260.09 peratus, diikuti Bahagian Pengukuasaan sebanyak 143.49 peratus. Manakala Bahagian Pendakwaan mencatat kutipan hasil negeri sebanyak 71.14 peratus dan Unit Mineral mencatat kutipan berjumlah 16.62 peratus.

AKAUNTABILITI CEMERLANG

Laporan Ketua Audit Negara tahun 2016 telah membuktikan tahap akauntabiliti pengurusan kewangan oleh jabatan-jabatan atau agensi kerajaan negeri Kelantan berada pada tahap terbaik. Sebanyak 12 jabatan dan agensi kerajaan negeri telah diberikan penarafan cemerlang, iaitu pencapaian 90 peratus ke atas. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Kelantan pula mengekalkan kecermerlangan diperoleh sejak 2015, malah semakin meningkat dengan pencapaian 99 peratus.

Berikut merupakan penarafan tahap akauntabiliti jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan negeri sepetimana terkandung dalam Laporan Ketua Audit Negara 2016:

- **Jabatan Kebajikan Masyarakat: 97.65%**
- **Majlis Daerah Pasir Puteh: 97.45%**
- **Majlis Daerah Machang: 96.90%**
- **Pejabat Pembangunan Negeri: 96.72%**
- **Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh: 96.15%**
- **Jabatan Bekalan Air: 95.78%**
- **Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat: 95.40%**
- **Jabatan Kehakiman Syariah: 94.94%**
- **Majlis Daerah Kuala Krai: 94.30%**
- **Majlis Daerah Tanah Merah: 92.77%**
- **Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang: 92.23%**
- **Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok: 91.02%**

Dijangka kerajaan negeri Kelantan akan dapat meningkatkan prestasi pada tahun 2017 atau setidak-tidaknya mengekalkan pencapaian pada tahun 2016.

Ketika majlis Amanat Khas Tahun 2018 pada pagi 2 Januari 2018, Menteri Besar Kelantan, Dato' Ahmad Yakob telah menyampaikan sijil penghargaan kepada semua jabatan dan agensi yang memperoleh penarafan cemerlang. Asas disebalik kecemerlangan itu dikatakan kesan daripada dasar MBI dan penerapan prinsip UMI.

BEBAS RASUAH, INTEGRITI CEMERLANG



Langkah kerajaan negeri Kelantan mewajibkan semua penjawat awam negeri mengikuti Program Kuliah UMI berjaya memperkasakan amalan integriti dalam pentadbiran. Kerajaan negeri juga melaksanakan Program Diploma Tasawwur Islam kepada penjawat awam dengan melibatkan semua Pegawai Tadbir Negeri (PTN) yang merupakan "tulang belakang" kejayaan dasar MBI. Ia merupakan cetusan idea Menteri Besar Kelantan bagi mempersiapkan PTN dengan pengetahuan tadbir urus Islam.

Kedua-dua langkah tersebut secara tidak langsung telah menyerlahkan prestasi pentadbiran kerajaan negeri dari segi kecekapan dan integriti. Selain itu ia turut meningkatkan kualiti kerja dan produktiviti di semua peringkat jabatan, agensi dan institusi di bawah kerajaan negeri Kelantan.

Hasilnya, jabatan-jabatan dan agensi-agensi di bawah pentadbiran kerajaan negeri Kelantan telah disahkan kekal bersih daripada sebarang pendakwaan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Kenyataan rasmi SPM mengesahkan negeri kelantan adalah negeri yang terendah dalam tangkapan berkaitan rasuah. Tidak ada satu pun tangkapan berkaitan kes rasuah yang dibuat dalam negeri ini melibatkan penjawat awam negeri Kelantan.

Anggota perkhidmatan awam negeri juga dilihat bersedia menyumbang ke arah peningkatan prestasi dan produktiviti kerja bagi memenuhi kehendak rakyat dan kerajaan. Ia bersesuaian dengan objektif Program Diploma Tasawwur Islam yang ingin menerapkan nilai-nilai agama dalam pentadbiran, membentuk pegawai yang menghayati budaya kerja berteraskan UMI serta menjadikan penjawat awam bersedia untuk berubah dan menjadi qudwah (suri teladan) kepada masyarakat. Seterusnya muncullah amalan tadbir urus berintegriti dalam urusan kerajaan negeri Kelantan.

PENGURUSAN KEWANGAN

Seperti yang telah dinyatakan, prestasi pengurusan kewangan cemerlang kerajaan negeri Kelantan telah diiktiraf dalam Laporan Ketua Audit Negara 2016. Amalan pentadbiran dengan prinsip UMI telah meningkatkan tahap kompetensi dan integriti pengurusan kewangan kerajaan negeri.

Kecemerlangan diperoleh menjadi bukti betapa dasar MBI telah berjaya melahirkan budaya kerja Islam yang menekankan aspek tanggungjawab, amanah dan cekap. Ia juga merupakan hasil pendekatan kerajaan negeri yang bersifat telus, terbuka dan bersederhana menurut prinsip Islam. Kerajaan negeri kelantan menguruskan kewangan negeri dengan dasar jimat cermat dan perbelanjaan berhemah.

Pada tahun 2017, hasil hutan menjadi penyumbang terbesar sumber kewangan negeri dengan jumlah hasil sebanyak RM177.20 juta atau 27.81 peratus dengan keseluruhan jumlah hasil. Dalam Belanjawan 2018, hasil tanah dijangka menjadi penyumbang sumber kewangan terbesar dengan jumlah RM239.96 juta atau 34.43 peratus daripada keseluruhan jumlah hasil. Ia menunjukkan peningkatan sebanyak RM82.06 juta atau sebanyak 51.96 peratus dibandingkan dengan anggaran pada tahun 2017 sebanyak RM157.91 juta.

Unjurian sumber kewangan negeri berkenaan secara tidak langsung menunjukkan kerajaan negeri Kelantan telah menukar kebergantungan punca hasil utama daripada pembalakan kepada pembangunan tanah. Unjurian Belanjawan 2018 juga menunjukkan hasil



Tidak dapat dinafikan,
hasil hutan menjadi
penyumbang terbesar
sumber kewangan
negeri.

bayaran premium tanah dijangka meningkat sebanyak 101.86 peratus atau RM56.02 juta. Jaminan perolehan ini akan dicapai menerusi usaha operasi bersepadu kerajaan ke arah meningkatkan kesedaran kepada pemilik-pemilik tanah agar menjelaskan premium, cukai tanah dan tunggakan.

Salah satu langkah yang diambil oleh kerajaan negeri dalam meningkatkan kesedaran pemilik-pemilik tanah adalah menerusi galakan atau insentif pemberian 90 peratus diskaun pembayaran kepada tuan tanah yang tertunggak. Berdasarkan rekod, pendekatan insentif dan diskaun ini telah menghasilkan peningkatan pungutan tunggakan cukai tanah sebanyak 50.51 peratus pada tahun 2016. Ia juga selari dengan kadar kenaikan nilai hartanah semasa di negeri Kelantan yang didapati melonjak melebihi 100 peratus berbanding tahun 1990.

TINGKAT PELABURAN PEMBANGUNAN TANAH

Kerajaan negeri Kelantan amat serius dalam usaha meningkatkan pelaburan dalam pembangunan tanah, termasuk tanah terbiar. Kerajaan negeri amat menggalakkan penyertaan mana-mana syarikat pelabur dari dalam dan luar negeri dalam usaha memaksimumkan pembangunan tanah terbiar sedia ada.

Untuk rekod, daripada 8,907 hektar tanah terbiar, sebanyak 136.9 hektar telah dibangunkan pada tahun 2017. Kerajaan negeri menyasarkan 140 hektar tanah terbiar dibangunkan melalui aktiviti pertanian bagi tahun 2018 dan menjelang 2020.

Perkembangan sektor perlombongan dan kuari pula mencatatkan peningkatan sebanyak 1.2 peratus, iaitu daripada 1.1 peratus pada tahun 2015 kepada 2.3 peratus pada tahun 2016. Sektor pembuatan menyumbang sebanyak 5.4 peratus kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan sektor pembinaan menyumbang sebanyak 1.2 peratus.

Bagi tahun 2018, hasil perlombongan dijangka menyumbang sebanyak RM66 juta atau 9.47 peratus daripada keseluruhan jumlah hasil. Kerajaan negeri Kelantan turut menemui satu produk perlombongan baru, iaitu batuan silika yang dianggarkan dapat menyumbang punca hasil baru dijangka berjumlah RM5 juta pada tahun 2018.

AMANAT 2018

Dalam Amanat 2018, Menteri Besar Kelantan mahu agenda pembangunan negeri dilaksanakan secara lebih efisien, selaras dengan tuntutan Syariat. Ia turut merangkumi pengurusan kewangan negeri mapan termasuk keperluan peningkatan kutipan hasil tanah. Ia perlu dilaksanakan terutama melibatkan sektor perlombongan, pembalakan, kuari, pemindahan tanah pasir dan sumber air.

Apa yang perlu diberi fokus oleh jabatan dan agensi adalah penguatkuasaan undang-undang serta garis panduan sedia ada. Jabatan, agensi dan badan berkanun kerajaan negeri Kelantan turut dilingatkan agar mengurus kewangan secara berhemah dan bertanggungjawab. 



LONJAKAN PENDIDIKAN ISLAM

KELANTAN CIPTA GELOMBANG SEKOLAH TAHFIZ

Oleh: Mustaqim Amir Azuari Mohamed Foto: Ahmad Na'ime Muhammad

Kelantan sudah lama dikenali dalam bidang pendidikan terutama sebagai pusat pengajian Islam terkenal di Asia Tenggara (Nusantara). Sesuai dengan jolokan Serambi Mekah, negeri ini menjadi pilihan pelajar serata Nusantara untuk mendalami ilmu agama sebelum berangkat ke Mesir, Mekah dan sebagainya. Tambahan pula ketika itu adanya Yayasan Pendidikan Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) sebagai satu-satunya institusi pendidikan tinggi Islam di Nusantara.

Di era moden, bidang pendidikan di Kelantan sama ada di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK) atau Jabatan Pendidikan Negeri sentiasa menunjukkan pencapaian baik. YIK menjadi agensi utama kerajaan negeri Kelantan dalam bidang pendidikan Islam dan sehingga Januari 2018, YIK telah menguruskan 92 buah sekolah.

Sekolah-sekolah di bawah pengurusan YIK merangkumi Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), maahad-maahad, Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat, Maahad Tahfiz Sains, Maahad Sains Tok Guru, Maahad Tahfiz Lilbanat dan Maahad Tahfiz Vokasional. Bilangan pelajar menjangkau 40,000 orang dengan tenaga pengajar hampir 2,500 orang.

BERTEBARAN SERATA DUNIA

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan dan Pengajaran Tinggi Negeri Kelantan, Dato'

Dr. Mohamed Fadzli Dato' Hassan memaklumkan, kerajaan negeri sangat berpuas hati dengan pencapaian serta pengurusan YIK. Perkembangan agensi itu dapat dilihat dari semasa ke semasa. Pelajarnya bukan hanya melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) dalam negara, malah bertebaran di institusi pengajian tinggi (IPT) ternama di seluruh dunia.

"Ada pelajar YIK belajar dalam bidang agama dan perubatan di Indonesia, India, Rusia dan Kyrgyzstan. Apatah lagi di Turki serta Mesir. Cukup ramai pelajar YIK belajar dalam bidang perubatan di negara berkenaan. Kita dapat lihat pelajar YIK jadi pegawai serta kakitangan kerajaan dalam semua bidang profesional di negara ini serta dalam semua jabatan dan kementerian. Ini tidak dapat dinafikan."

"Sekolah-sekolah YIK cukup terkenal di Nusantara sehingga negara seperti Singapura, Brunei, Thailand dan Kemboja hantar pelajar mereka untuk bersekolah di sekolah-sekolah kelolaan YIK. Banyak juga sekolah di Nusantara ambil kurikulum YIK untuk diguna pakai di negara mereka."

"Kurikulum YIK juga menjadi panduan di beberapa negeri di Malaysia seperti Sarawak dan Selangor dengan mengambil guru-guru YIK sebagai perintis."

Sekolah-sekolah swasta juga banyak ambil kurikulum YIK dan ini adalah satu pengiktirafan sekali gus mengesahkan kurikulum YIK adalah terbaik di negara ini," kata Dr. Mohamed Fadzli.

PENCAPAIAN AKADEMIK

Pelajar YIK menunjukkan kecemerlangan pencapaian akademik setiap tahun melalui peperiksaan penting seperti Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) serta peperiksaan penting lain. Dua pelajar Maahad Muhammadi Perempuan pernah muncul pelajar terbaik peringkat nasional iaitu Siti Fatimah Mukhtar dengan keputusan 18A dalam SPM 2006 dan Nik Nur Madihah Nik Mohamad dengan keputusan 20A pada SPM 2009.

YIK turut cemerlang dalam kokurikulum di peringkat nasional. Pada 2017, YIK muncul juara keseluruhan Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah Agama Malaysia (KESSUMA). Pada tahun sama, YIK muncul juara Majlis Ihtifal Ilmi Sekolah-Sekolah Agama Malaysia (MISSMAM). Beberapa tahun sebelum itu, YIK juga pernah muncul sebagai juara keseluruhan KESSUMA.

BIDANG TONGGAK

Pendidikan Islam adalah bidang tonggak kerajaan negeri Kelantan kerana daripada sudut sejarah, Kelantan menggungguli bidang tersebut. Kerajaan negeri berhasrat untuk mengekalkannya. Bertonggakkan 'Membangun Bersama Islam', telah menjadi tanggungjawab kerajaan negeri untuk membela serta memajukan bidang pendidikan Islam.

"Kita tidak boleh harap orang atau negeri lain bela dan majukan sistem pendidikan Islam. Kita yang mesti laksanakan. Kita lihat dunia hari ini porak-peranda dan sistem kemasyarakatan penuh dengan keruntuhan moral. Hanya dengan mendidik anak-anak dengan pengetahuan Islam dari awal usia serta beri kefahaman mengenai siapa mereka dan apa tanggungjawab mereka dapat menyelamatkan ummah."

"Kerana itu kerajaan negeri beri peruntukan besar kepada YIK untuk urus bidang pendidikan Islam. Tahun ini sahaja kita belanjakan lebih RM100 juta dan sejak beberapa tahun kebelakangan ini, satu per empat atau satu per lima daripada Bajet kerajaan negeri Kelantan diperuntukkan kepada YIK. Agensi ini turut mendapat bantuan daripada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)," katanya.

GELOMBANG TAHFIZ

Langkah kerajaan negeri Kelantan memperkenalkan sistem sekolah tahniz pada awal tahun 1990-an telah mencetuskan gelombang tahniz di Malaysia. Sambutan hebat diterima daripada rakyat negeri ini dan perkembangan sekolah tahniz melonjak secara tiba-tiba, rakyat mula melihat kecemerlangan pelajar sekolah tahniz dalam akademik dan sahsiah di peringkat sekolah serta IPT.

Menurut Dr. Mohamed Fadzli, senario itu menjadikan sekolah-sekolah tahniz di Kelantan cukup dikenali sekali gus menyuntik kepada pertumbuhan pantas sekolah-sekolah tahniz di seluruh Malaysia. Kemudian Kerajaan Negeri Kelantan membuat satu lagi pembaharuan dengan memperkenalkan tahniz sains di negeri ini dan ia merupakan satu perkembangan yang sangat baik dengan penerimaan amat menggalakkan daripada rakyat.

"Hari ini kita dapat lihat ramai pelajar sekolah tahniz menjadi golongan profesional seperti peguam, doktor, arkitek serta jurutera dan mereka adalah hafiz al-Quran. Kita turut buka Maahad Sains Tok Guru, iaitu sebuah sekolah berasrama penuh aliran sains tetapi merupakan sekolah agama. Kita wujudkan aktiviti kokurikulum melibatkan aktiviti biasa dan pada masa yang sama kita galakkan mereka hafaz al-Quran.

"Kita tetapkan minimum satu juzuk setahun dan jika sampai ke tingkatan lima, bermakna pelajar dapat hafaz lima juzuk al-Quran. Kita perkenalkan juga bacaan kitab-kitab turath. Istimewanya di Maahad Sains Tok Guru adalah penerapan bahasa Arab dan Inggeris sebagai bahasa rasmi sekolah. Terkini, kita tubuhkan Maahad Tahfiz Al-Quran Darul Saadah di Beta Hulu yang mula beroperasi pada 1 Januari 2018," kata Dr. Mohamed Fadzli lagi.

PENGAJIAN TINGGI

Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) adalah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) milik penuh Kerajaan Negeri Kelantan yang kini dalam proses mendapatkan status Kolej Universiti. Menurut Dr. Mohamed Fadzli, keistimewaan KIAS adalah mempunyai kurikulum sendiri yang menggabungkan aspek agama dengan aspek-aspek lain. KIAS mengutamakan kebajikan masyarakat dan menerima pelajar dari dalam dan luar Kelantan.

"Kita juga terima ramai pelajar luar negara terutama dari negara minoriti Islam tanpa mengira kemampuan mereka membayar yuran pengajian. Kita mahu mereka dapat ilmu agama dan jadi pendakwah di negara masing-masing. Kerajaan negeri mempunyai visi cukup besar terhadap KIAS, iaitu menjadikannya tonggak sistem pendidikan Islam dalam negara dan jadi contoh sistem pendidikan Islam kepada negara-negara Islam lain."

"Buat masa ini KIAS bekerjasama dengan beberapa IPT lain seperti Kolej Insaniah Kedah bagi memenuhi keperluan pelajar. Mereka belajar di KIAS tetapi terima ijazah dari Kolej Insaniah Kedah. KIAS juga menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan beberapa IPT di Indonesia dan baru-baru ini kita tandatangan MoU penerimaan universiti di Madinah untuk terima pelajar KIAS. Ia satu kejayaan besar buat institusi ini," katanya.

KIAS turut membentuk kerjasama dengan universiti di Tunisia yang mana lawatan kerajaan negeri Kelantan ke negara itu mendapat respons positif.

Kini KIAS dalam proses menyediakan MoU bersama Universiti Ez-Zitouna, Tunisia. KIAS turut mendapat pengiktirafan universiti di Shoubra, Kaherah, Mesir yang mana pelajar tahniz boleh menyambung pelajaran di KIAS untuk beberapa tahun, kemudian terus menyambung pengajian di Shoubra.

HUBUNGAN RAPAT DENGAN IPT

Sebagai kerajaan yang amat mementingkan bidang pendidikan, Kerajaan Negeri Kelantan mempunyai hubungan baik dengan banyak IPT dalam negara ini. Contohnya hubungan sangat rapat dengan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang mana beberapa majlis telah diadakan secara bersama dalam menggubal Dasar Pendidikan Rabbani.

"Kita juga mempunyai hubungan baik dengan Universiti Malaya (UM) dan pernah terima kunjungan beberapa fakulti UM. Terbaru, kerajaan negeri menerima kunjungan beberapa orang profesor, profesor madya dan ketua jabatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang berminat membuat kajian di Kelantan."

"Sebelum itu Menteri Besar, Dato' Ahmad Yakob menerima kunjungan hormat daripada pentadbir tertinggi UKM. Difahamkan Kelantan telah dijadikan negeri angkat UKM. Saya sendiri di bawah portfolio pendidikan telah mengadakan kerjasama dengan Universiti Teknologi Petronas (UTP) untuk menjalankan Kajian Indeks Sosial Kelantan," kata Dr. Mohamed Fadzli.

PERANCANGAN DAN ILPK

Pada tahun 1970, Persidangan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) di Jeddah, Arab Saudi, menetapkan resolusi Pengislaman Ilmu (Islamization of Knowledge). Salah satu hasrat besar kerajaan negeri Kelantan adalah menjayakan resolusi itu, iaitu melihat pelajar belajar sains dalam konteks agama Islam dan boleh mengolah serta mengaitkan sains dengan agama.

Oleh kerana itu, Institut Latihan Perguruan Kelantan (ILPK) ditubuhkan pada tahun 2014 dan berfungsi melatih guru-guru YIK dalam bidang Profesionalisme Perguruan. Dr. Mohamed Fadzli menjelaskan, kerajaan negeri mahu melatih guru-guru YIK agar profesional dalam sudut agama, cara mengajar, pedagogi, kemahiran mengajar dalam kelas, kemahiran menguasai pelajar, pengurusan dan sebagainya.

"Pada masa yang sama, kita latih guru-guru YIK dari sudut kefahaman Isu Pengislaman Ilmu termasuk bagaimana mengajar sains dan pelbagai bidang menggunakan perspektif Islam. Ini usaha kita untuk benar-benar dapat melahirkan pegawai tinggi kerajaan, teknokrat hebat serta pendidik hebat, tetapi dalam masa sama hebat dari sudut jiwa, kerohanian, moral dan integriti."

"Secara peribadi, saya harap Kelantan dapat melahirkan sistem pendidikan Islam sebenar dan dapat dicontohi negeri-negeri lain. Sistem pendidikan Islam Kelantan telah berjaya melahirkan teknokrat Islam, doktor dan golongan profesional yang hafiz al-Quran. Tetapi kita belum berjaya melahirkan sistem pendidikan yang mengaitkan dunia dan akhirat. Kerajaan negeri benar-benar berharap dapat melahirkan sistem pendidikan itu bukan hanya di peringkat sekolah atau IPT, malah di peringkat awal usia," katanya.

DASAR PENDIDIKAN RABBANI

Kerajaan negeri Kelantan telah melancarkan Dasar Pendidikan Rabbani dalam usaha merealisasikan Resolusi Pengislaman Ilmu OIC. Ia sebuah dasar pendidikan yang menggabung jalinkan dunia dan akhirat, akademik dan agama serta kepakaran. Pada masa yang sama mempunyai asas agama yang kukuh, akhlak dan sebagainya.

Dr. Mohamed Fadzli memberitahu, dalam usaha ini, kerajaan negeri mendapat bantuan daripada tenaga-tanaga pakar dalam pendidikan Islam serta bidang pendidikan daripada hampir semua universiti ternama di Malaysia. Beliau menjelaskan, usaha ini dilaksanakan kerana melihat pada masa kini, sekolah-sekolah berusaha mendapatkan pencapaian tinggi sehingga mengabaikan aspek rohani.

"Masalah sama disuarakan seorang Dekan Universiti Harvard, Harry R. Lewis dalam bukunya 'Excellence Without a Soul' atau pencapaian tanpa jiwa. Ia diakui oleh banyak negara. Kerana itu kerajaan negeri menetapkan visi untuk melihat sekolah-sekolah di Kelantan mengimbangkan kecemerlangan akademik dengan sahsiah tanpa mengurangkan sedikit pun kecemerlangan akademik. Kita mahu kembalikan sistem pendidikan Islam sebenar ke dalam sistem pendidikan di negara ini," katanya. 




Majlis Pelancaran Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan telah diadakan pada 26 Februari 2018 di Kota Darulnaim.



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

Bangunan PKINK, Peti Surat 142, Jalan Tengku Maharani, 15710 Kota Bharu, Kelantan

📞 09 - 741 4141 📞 09 - 741 4140 📩 pkink@pkink.gov.my 🌐 www.pkink.gov.my



Sebuah badan korporat yang bertanggungjawab dalam menerajui pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Negeri Kelantan, berlandaskan prinsip-prinsip Islam untuk kesejahteraan Ummah

Penggerak Pembangunan Ummah



KOMITMEN TINGGI BELA RAKYAT MELALUI **PERUMAHAN**

Oleh: Ahmad Dhuha Foto: UKMB



Selama 27 tahun mentadbir negeri ini, kerajaan negeri Kelantan sering kali berdepan dengan pelbagai tohmahan. Antaranya adalah kegagalan menyediakan projek perumahan sehingga rakyat terpaksa hidup menyewa. Namun di sebalik semua pandangan negatif diterima, kerajaan negeri di bawah kepimpinan Menteri Besar, Ustaz Dato' Ahmad Yakob sebenarnya sentiasa menitikberatkan soal perumahan untuk rakyat.

Perumahan merupakan sebahagian daripada aspek kebijakan rakyat yang sentiasa diperjuangkan oleh kerajaan negeri Kelantan. Rumah merupakan antara komponen penting dalam kehidupan dan ia akan mempengaruhi generasi masa depan.

Di bawah kerajaan negeri, tanggungjawab menyediakan kemudahan perumahan untuk rakyat digalas oleh Bahagian Perumahan Negeri Kelantan (BPNK). Namun, tugas ini tidaklah dipikul secara bersendirian oleh kerajaan negeri. Pihak swasta turut memainkan peranan dalam membantu kerajaan menyediakan kemudahan perumahan di negeri ini dan ia selari dengan perkara yang termaktub dalam Pelan Tindakan Dasar Perumahan Negara (PTDN).

Contohnya ketika pihak swasta ingin memajukan sesebuah projek perumahan di atas tanah milik mereka, jika tanah berkenaan berkeluasan 4.45 hektar, maka sebanyak 30 peratus Rumah Mampu Milik (RMM) perlu dibina daripada keseluruhan projek tersebut dan begitulah seterusnya. Ia berbeza dengan kemajuan projek perumahan di atas tanah milik kerajaan yang mana sebanyak 30 peratus RMM perlu dibangunkan di atas tanah berkeluasan 2.02 hektar.

Kerajaan negeri Kelantan menyedari aspek penyediaan kemudahan perumahan sangat penting. Kerana itu tanggungjawab berkenaan diamanahkan kepada dua agensi berwibawa di bawah kerajaan negeri iaitu Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK). Kedua-dua agensi ini menjadi tulang belakang dalam projek pembinaan rumah kos rendah, sederhana rendah, sederhana dan Rumah Mampu Milik Kelantan (RMMK).



Ustaz Dato' Ahmad Yakob turut serta dalam Majlis Mesra Bersama Pemotongan Rumah Mampu Milik Kelantan Mukim Pasir Genda, Tanah Merah pada 22 Mac 2018 (salah satu projek perumahan oleh PKINK).

PKINK KELUAR MODAL LEBIH RM57 JUTA

Sebagai agensi yang diberi amanah menyediakan kemudahan perumahan untuk rakyat, PKINK memberi komitmen tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab berkenaan. Agensi ini telah melaksanakan empat projek perumahan di beberapa lokasi terpilih sekitar negeri ini. Antaranya adalah Taman Sri Mesra, Pasir Mas pada tahun 2012, Taman Ubudiyah Mukim Labok, Machang pada tahun 2013, Rumah Mampu Milik Badang, Kota Bharu pada tahun 2014 dan RMMK Pasir Genda, Tanah Merah pada tahun 2015.

Pembangunan projek Taman Sri Mesra di Pasir Mas melibatkan kos berjumlah RM5.28 juta dan membabitkan pembinaan sebanyak 48 unit rumah. Projek berkenaan dilaksanakan di atas tanah berkeluasan 2,130 ekar dan disiapkan pada tahun 2013. Rumah-rumah di taman berkenaan dijual dengan harga RM128,000 seunit dan ia merupakan projek di bawah tanggungjawab penuh PKINK.

Projek perumahan Taman Ubudiyah Mukim Labok dibangunkan secara kerjasama antara PKINK dan kerajaan negeri Kelantan. Ia dilaksanakan di atas tanah berkeluasan 2,780 ekar membabitkan kos RM2.139 juta bagi 30 unit rumah. Setiap unit rumah dijual dengan harga RM42,000 dan disiapkan pada tahun 2017.

Kerjasama antara PKINK dengan kerajaan negeri Kelantan juga telah membolehkan sebuah projek perumahan mega dilaksanakan. Projek berkenaan dinama Rumah Mampu Milik Badang dengan kos mencecah RM43,257 juta. Projek berkenaan telah dimulakan pada tahun 2014 dan dijangka siap pada tahun 2018 dengan membabitkan pembinaan sebanyak 334 unit rumah. Rumah-rumah berkenaan akan dijual bermula dengan harga RM45,000 sehingga RM130,000 seunit.

Satu lagi projek perumahan untuk rakyat dilaksanakan oleh PKINK adalah RMMK Pasir Genda di Tanah Merah. Ia dilaksanakan di atas sebidang tanah milik PKINK berkeluasan 4,350 ekar dengan kos RM6.373 juta.



Sumber foto: Facebook PKINK

PMBK SERIUS BINA RUMAH UNTUK RAKYAT

Sebuah lagi agensi yang menyumbang kepada pembangunan prasarana perumahan di Kelantan adalah PMBK. Agensi ini memberi komitmen tinggi dalam usaha kerajaan negeri menyediakan kemudahan kediaman tersusun dan komprehensif untuk rakyat dalam sesebuah kawasan. Salah satu contoh pembangunan tersebut adalah Projek Pembangunan Desa Wadi Iman. Ia bertepatan dengan arus pembangunan Kelantan yang semakin meningkat maju walaupun sering dilabel ketinggalan berbanding negeri lain.

Kerajaan negeri Kelantan tetap komited dalam usaha memacu pembangunan di negeri ini mengikut acuan dan kemampuan sendiri. Desa Wadi Iman dibangunkan di beberapa kawasan di negeri ini dengan keluasan tanah secara keseluruhan mencecah 29,153 ekar. Komponen pembangunan itu melibatkan pembinaan 128 unit rumah teres kos rendah, 132 unit rumah teres kos sederhana, 126 unit rumah teres dua tingkat dan lapan unit rumah kedai sepanjang tahun 2008 sehingga 2014.

PMBK D RANCAKKAN INDUSTRI PERUMAHAN KELANTAN

Komitmen tinggi PMBK dalam usaha membantu rakyat memiliki rumah dapat dilihat melalui penubuhan anak syarikatnya yang diberi nama PMBK Development Sdn Bhd atau PMBK D. Sungguhpun anak syarikat PMBK ini lebih memberikan tumpuan dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan bandar baharu di Kelantan, namun keutamaan aspek perumahan untuk rakyat tidak diketepikan. Ia dibuktikan melalui pembangunan Taman Riyadul Ilmi yang melibatkan pembinaan 74 buah rumah di jajahan Jeli. Projek ini telah disiapkan dan penyerahan kunci kepada penerima dilaksanakan pada November 2017.

PMBK D terus melebarkan sayapnya dalam merancakkan usaha pembinaan rumah untuk rakyat di negeri ini menerusi Projek Bandar Sejahtera Harmoni, Gua Musang. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada Mac 2018. Ia melibatkan pembinaan sebanyak 121 unit rumah untuk kemudahan rakyat di jajahan berkenaan.

Seterusnya PMBK D bakal melancarkan projek RMMK di Meranti, Pasir Mas. Ia bakal dimulakan pada awal 2018 dan diberi nama Taman Kebun Raja. Projek ini membabitkan pembinaan sebanyak 68 unit RMMK. Selain itu, Taman Madinatul Zainab yang bakal dilaksanakan pada tahun 2018 di Kampung Berangan Mek nab akan menjadi mercu tanda pembangunan di jajahan Machang dengan pembinaan 322 unit rumah yang mana 130 daripadanya adalah untuk RMMK. Pasir Putih turut menikmati projek perumahan yang digelar sebagai Riyadatul Sakinah, membabitkan pembinaan 63 unit rumah termasuk 10 RMMK.

Kredibiliti PMBK D dalam melaksanakan projek pembangunan perumahan di Kelantan turut mendapat pengiktirafan daripada kerajaan Persekutuan. Satu

usaha sama antara kedua-dua belah pihak dilaksanakan melalui Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) di Bandar Baru Tunjong. Ia bakal melibatkan pembinaan sebanyak 550 unit PR1MA di kawasan berkenaan. Usahasama ini secara tidak langsung mampu mengatasi masalah kekurangan rumah yang dihadapi golongan berpendapatan sederhana.

RUMAH DHUAFA'

Dalam usaha merancakkan aspek pembangunan di negeri ini, kerajaan negeri Kelantan tidak pernah lupa dengan tanggungjawab membela golongan miskin tegar. Untuk tujuan itu kerajaan negeri telah melaksanakan projek Rumah Dhuafa'. Ia mula diperkenalkan pada tahun 2007 demi merealisasikan impian golongan miskin tegar memiliki kediaman selesa untuk berlindung daripada bahaya, panas dan hujan.

Rumah Dhuafa' merupakan satu projek yang cukup dekat dan popular dalam kalangan rakyat di negeri ini. Lebih penting, projek ini mampu menyuntik sinar kegembiraan kepada penerima kerana rumah-rumah berharga RM28,000 seunit dilengkapi kemudahan seperti tiga bilik tidur serta ruang tamu dan dapur.

Selain rumah bina baharu, Rumah Dhuafa' turut menyediakan bantuan untuk kerja-kerja penyelegaran bagi meringankan beban golongan tidak berkemampuan. Tidak hairanlah projek ini berjaya meninggalkan impak cukup besar kepada penerima.

CIRI ISLAMIK JADI TUNJANG PERUMAHAN DI KELANTAN

Aspek pembangunan projek perumahan di negeri ini digarap sebaik mungkin agar ia selaras dengan dasar Membangun Bersama Islam (MBI) dan jolokan negeri Serambi Mekah. Setiap projek perumahan yang dilaksanakan perlu mengikuti saranan agama dengan mewajibkan tiga bilik tidur dan dua bilik mandi serta tandas.

Bukan itu sahaja, projek perumahan yang dibangunkan juga berorientasikan kiblat bagi menghidupkan lagi suasana Islamik dalam kawasan perumahan. Kerajaan negeri Kelantan mewajibkan kedudukan surau di tengah-tengah kawasan perumahan. Ia menjadi suatu acuan unik di negeri ini dan diterima dengan hati terbuka oleh masyarakat bukan Islam. Apa yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri dalam aspek pembangunan perumahan untuk rakyat ini wajar dijadikan contoh bagi kawasan-kawasan atau negeri-negeri lain.

Usaha kerajaan negeri Kelantan perlu diberikan kredit kerana bukan mudah bagi sesebuah kerajaan membangunkan projek perumahan untuk rakyat dalam keadaan kekangan kewangan. Bagaimanapun ia berjaya dilaksanakan di bawah kepimpinan mantan Menteri Besar, Allahyarham Tun Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat dan penyambung legasinya, Ustaz Dato' Ahmad Yakob. ■



Pada tahun 2015, jumlah belia di Malaysia seramai 13.88 Juta yang mewakili 45.8% daripada 30.26 juta penduduk Malaysia. Biarpun bejumilah 45.8% namun mereka lah penentu masa depan negara.

KELANTAN CAKNA BELIA

SEDIA PERUNTUKAN BESAR DEMI PEMBANGUNAN GOLONGAN BELIA

Oleh: Ahmad Dhuha Foto: Ahmad Na'ime Muhammad

Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab serta mempunyai visi tersendiri, aspek melibatkan golongan muda tidak pernah diabaikan. Aspek yang memberi manfaat kepada golongan ini terutama dari sudut pembangunan dan sahsiah diri tentunya menjadi salah satu tumpuan utama. Tambahan pula golongan muda merupakan aset negeri dan bakal mewarisi pentadbiran kelak.

Islam merupakan asas utama yang diguna pakai oleh kerajaan negeri Kelantan dalam membentuk Dasar Pembangunan Belia bagi melahirkan generasi masa depan berteraskan ilmu, iman, akhlak dan keterampilan ke arah kegemilangan ummah bertepatan dengan saranan dan ajaran Islam itu sendiri.

Golongan belia di Kelantan perlu dilengkапkan dengan

sifat al-Qawiyyul Amin (mempunyai kekuatan aqidah dan fizikal), keunggulan peribadi, keluasan ilmu serta kekuatan daya fikir. Belia perlu tampil dengan sikap berani kerana benar, berhikmah dan berintegriti selain perlu mempunyai sifat keterbukaan, berketerampilan dan berjiwa besar bagi merealisasikan slogan "anak muda Kelate bemaruah." Ia juga merupakan usaha untuk memperkasakan kerajaan negeri Kelantan yang mentadbir urus negeri ketika ini.

Belia Kelantan yang mencapai tahap kemajuan dan kecemerlangan mampu menyumbang kepada kesejahteraan hidup masyarakat di negeri ini. Mereka mampu membentuk kehidupan berdasarkan cara hidup terpuji. Ta mampu dicapai melalui penghayatan asas-asas ketuhanan dan pengamatan nilai-nilai murni dalam seluruh cabang kehidupan.

PERUNTUKAN BESAR SETIAP TAHUN

Kerajaan negeri Kelantan memperuntukkan bajet yang agak besar bagi melaksanakan program pembangunan belia di negeri ini pada setiap tahun. Contohnya, peruntukan RM9.5 juta pada tahun 2017 yang telah dibentangkan dalam belajawan negeri untuk disalurkan dalam agenda mengangkat martabat golongan berkenaan supaya dapat berada pada kelas tersendiri.

Jumlah peruntukan itu menunjukkan kesungguhan kerajaan negeri Kelantan dalam usaha melahirkan golongan belia yang mampu bersaing di pentas dunia. Usaha ini dilihat sebagai sesuatu yang penting memandangkan golongan berkenaan bakal mewarisi kepimpinan negara pada masa hadapan.

sukan, pembangunan belia dan pembangunan sahsiah diri. Usaha ini dijalankan dengan mengenal pasti acara yang diminati oleh golongan belia di Kelantan dan mewujudkan program berkaitan yang dirangka bagi memperkasakan golongan berkenaan.

Bagi aspek pembinaan sukan, kerajaan negeri Kelantan memberikan tumpuan kepada sukan bola sepak yang sememangnya mendapat sambutan hangat oleh masyarakat di negeri ini. Kejohanan Liga Eliit Dewan Undangan Negeri (DUN) dilwujudkan dengan penglibatan seramai 15,000 peserta secara keseluruhan merangkumi pemain dan pengurusan pasukan.

Uniknya, setiap DUN melibatkan 20 buah pasukan bertanding dan mereka ini diterapkan dengan elemen



Menteri Besar Kelantan turut memberi sokongan kepada peserta Kejohanan Futsal Parlimen Ketereh.

Agihan jumlah peruntukan tersebut merangkumi aspek pembangunan sukan, belia, sahsiah diri dan usahawan. Agihan berkenaan turut merangkumi Skim Az-Ziwaaj bagi membantu golongan belia yang bakal melangkah ke gerbang perkahwinan. Semua keperluan untuk golongan belia ini dikendalikan oleh Urusetia Belia dan Sukan (U-BeS).

U-BeS merupakan salah satu agensi kerajaan negeri Kelantan di bawah Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Belia dan Sukan Negeri Kelantan. Kerajaan negeri membelanjakan sebanyak RM6 juta sepanjang tempoh 2017 berbanding tahun sebelumnya untuk mengerakkan Program Pembangunan Sukan, Belia dan Sahsiah Diri, sekali gus menjadikan golongan berkenaan dekat dengan pentadbir negeri ini.

PROGRAM TUMPUAN

Dalam usaha memperkasakan belia di negeri ini, kerajaan negeri Kelantan telah menyediakan beberapa program tumpuan mengikut aspek pembangunan

patuh syariah iaitu semua pemain termasuk pengurusan wajib menutup aurat dan tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

Bagi menambahkan lagi kehangatan saingan ini, U-Bes mewujudkan Piala Menteri Besar dengan menampilkan pasukan juara daripada setiap DUN untuk merebut kejuaraan itu dengan tujuan meningkatkan lagi prestij kejohanan tersebut.



Para pemain baru MPKB-BRI U-BeS FC 2017 bersama Menteri Besar Kelantan.

Untuk pembangunan belia pula, kerajaan negeri Kelantan memberikan tumpuan kepada program dan aktiviti yang berbentuk rekreasi sebagai contoh aktiviti mendaki Gunung Stong. Aktiviti ini dilakukan sebanyak empat kali setahun melibatkan golongan belia dan beliawanis. Menerusi aktiviti ini kerajaan negeri Kelantan memupuk semangat persaudaraan yang kukuh dalam kalangan para peserta selain mengajak mereka untuk menghayati keindahan alam serta kebesaran Tuhan melalui landskap tumbuh-tumbuhan yang menghilau semasa pendakian tersebut.

Kerajaan negeri banyak menyusun program berbentuk motivasi untuk pembangunan sahsiah diri belia. Pelaksanaannya dilakukan dengan aktiviti turun padang ke sekolah-sekolah terpilih melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) serta Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).

Pembangunan sahsiah diri lebih memberi tumpuan kepada pelajar bermasalah dengan tujuan membangkitkan kesedaran agar mereka kembali berada di landasan yang betul. Ia adalah untuk membolehkan mereka meneruskan kehidupan selaras dengan tuntutan agama. Aspek ini sangat penting bagi memastikan golongan belia mampu memberi sumbangan kepada agama, bangsa dan negara pada masa hadapan.

LAHIR USAHAWAN BELIA SETIAP TAHUN

Peruntukan sebanyak RM500,000 diberikan oleh kerajaan negeri Kelantan menerusi Dana Belia Niaga bagi meramaikan lagi golongan belia yang berkecimpung dalam bidang keusahawanan. Usaha ini dijalankan kerana bidang keusahawanan cukup sinonim dengan rakyat di negeri ini.

Melalui dana ini, kerajaan negeri memilih para usahawan dalam kalangan belia yang sudah memulakan perniagaan. Mereka diberikan bantuan bagi mengembangkan perniagaan ke peringkat lebih tinggi. Setiap tahun, hampir 50 usahawan belia berjaya dilahirkan oleh kerajaan negeri Kelantan menggunakan peruntukan berkenaan yang merangkumi semua bidang. Contohnya perniagaan alat-alat perkakasan rumah dan binaan, percetakan, teknologi maklumat, pertanian dan sebagainya.

Peruntukan ini disediakan khusus oleh kerajaan negeri Kelantan sebagai pengiktirafan kepada budaya orang Kelantan yang sejak dahulu cukup dekat dengan perniagaan. Tidak hairan jika budaya berniaga berkembang pesat di negeri ini dan boleh diumpamakan sebagai "cendawan tumbuh selepas hujan".

BANTU BELIA BINA MASJID

Skim Az-Ziwaaj diperkenalkan oleh kerajaan negeri Kelantan sejak tahun 2011 bagi memudahkan pasangan pengantin menguruskan perkahwinan

mereka. Ia merupakan skim yang dekat di hati serta memberi banyak manfaat kepada golongan belia di negeri ini. Skim ini banyak membantu pasangan pengantin yang tidak mempunyai sumber kewangan mencukupi untuk mendirikan rumah tangga tanpa perlu menangguhkan hajat mereka.

Kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM3 juta setiap tahun bagi menggerakkan skim ini dengan setiap bakal pengantin menerima sumbangan sebanyak RM1,000 yang mana ia telah memanfaatkan seramai 3,000 bakal pengantin setiap tahun.

Ini adalah hasil kecaknaan kerajaan negeri yang mentadbir urus Kelantan berlandaskan dasar Membangun Bersama Islam (MBI) sejak dari era kepimpinan Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat. Usaha ini juga telah memberi galakan kepada golongan muda untuk berkahwin sekali gus menyelesaikan isu sosial seperti sumbang mahram dan kelahiran anak luar nikah.

KERJASAMA BAGI PERKASAKAN BELIA

Dalam usaha memperkasakan lagi pembangunan belia di negeri ini, U-BeS menjalinkan hubungan kerjasama strategik dengan agensi-agensi kerajaan Persekutuan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), badan berkanun dan pihak korporat. Usaha ini dijalankan terutamanya untuk membina kefahaman Islam secara meluas (kaffah) dalam kalangan rakyat.

Kerjasama yang dilaksanakan itu penting ke arah meningkatkan kefahaman serta penghayatan hidup berpandukan cara hidup Islam, sekali gus dapat memupuk nilai-nilai kesejahteraan dalam kalangan rakyat di Kelantan.

KESIMPULAN

Apa yang diceritakan adalah sebahagian daripada usaha kerajaan negeri Kelantan dalam menjaga dan memperkasakan golongan belia di negeri ini. Usaha kerajaan negeri dalam aspek pembangunan belia menerusi pelbagai program yang telah dirangka perlu diberikan pujian. Program-program berkenaan bertujuan untuk mengangkat peranan anak-anak muda dengan hasrat memastikan mereka tidak terpinggir.

Semua usaha ini dilaksanakan kerana golongan belia merupakan pewaris yang akan menyambung legasi kepimpinan kerajaan Islam Kelantan yang telah bertapak selama 27 tahun di negeri ini. Tidak hairanlah jika golongan belia yang merupakan kelompok pengundi tertinggi di negeri ini perlu dipertahankan oleh kerajaan sedia ada. Telah terbukti sehingga kini bahawa kerajaan negeri Kelantan begitu cakna dalam soal kebijakan serta keperluan anak muda. ■



Keharmonian kaum memainkan peranan penting dalam memacu kestabilan dan kemajuan negeri.



ISLAM TERAJU KEHARMONIAN KAUM

Oleh: Ahmad Dhuha Foto: UKMB

Dominasi masyarakat Melayu (Islam) dalam populasi rakyat di negeri ini tidak pernah menjadi sekat atau halangan dalam aspek kehidupan masyarakat bukan Islam. Malah anggota masyarakat dari kaum Cina, India, etnik Thai dan lain-lain tetap mempunyai kebebasan untuk mengamalkan kepercayaan masing-masing di Tanah Serendah Sekebun Bunga ini.

Sepanjang 27 tahun mentadbir Kelantan, Parti Islam Se-Malaysia (PAS) amat menitik beratkan soal kesejahteraan semua kaum sebagaimana yang disyariatkan oleh Islam. Sebuah agama yang sangat mengutamakan keharmonian serta kesejahteraan dalam kehidupan.

Pentadbiran PAS adalah berpandukan al-Quran dan As-Sunnah serta corak pentadbiran Nabi Muhammad SAW. Ia dirlangkumkan menerusi dasar Membangun Bersama Islam (MBI) yang diperkenalkan oleh bekas Menteri Besar Kelantan, Aliahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat atau lebih mesra dengan panggilan Tok Guru.

HIDUP RUKUN DAN DAMAI

Dasar MBI telah membentuk gaya hidup tersendiri rakyat Kelantan serta membolehkan masyarakat majmuk di negeri ini hidup bersama dalam suasana rukun dan damai. Malah kerajaan negeri Kelantan mengamalkan sikap terbuka agar semua pihak dapat saling memahami antara satu sama lain.

Antara pendekatan diambil dalam aspek berkenaan adalah berdialog, berunding dan bertukar fikiran. Selain itu, pelbagai pihak digalakkan untuk berkongsi pengalaman dalam menjayakan program berorientasikan kesejahteraan dan keharmonian kaum.

Keadaan ini sekali gus memberikan satu bentuk pendedahan kepada masyarakat agar dapat memahami kebenaran dasar-dasar berteraskan agama di negeri ini. Umum sudah mengetahui perpaduan dan keharmonian kaum telah wujud sejak sekitan lama di Kelantan. Malah hubungan erat antara kaum di negeri ini bukan lagi menjadi satu rahsia.

Laporan Banci Pendudukan dan Perumahan Malaysia 2010 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan jumlah penduduk Kelantan adalah sekitar 1.5 juta. Pecahannya adalah 51,614 (3.3 peratus) kaum Cina, sebanyak 3,849 (0.2 peratus) kaum India dan sebanyak 9,188 (0.6 peratus) terdiri daripada lain-lain kaum. Walaupun bilangan penduduk bukan Melayu adalah kecil, namun mereka tidak pernah dipinggirkan dan suara mereka sentiasa didengari.

UNIKNYA KELANTAN

Jangan terkejut andai anda melihat orang Melayu boleh makan dan minum di kedai kopi milik orang Cina ketika berkunjung ke Kelantan. Itu adalah antara keunikan di negeri Cik Siti Wan Kembang. Premis kedai makan milik orang Cina sebenarnya mempunyai tukang masak dan pelayan yang terdiri daripada kaum Melayu.

Malahan di Kelantan, orang Cina dan Melayu boleh duduk semeja sambil menikmati makan dan minum. Ada juga antara mereka berbual mesra membincangkan perkembangan isu-isu semasa di negeri ini dalam suasana harmoni. Ini adalah budaya yang jarang dapat dilihat di bandar-bandar lain di Semenanjung Malaysia.

GENERASI SEJAHTERA KELANTAN (GENTERA)

Generasi Sejahtera Kelantan atau singkatannya Gentera adalah cetusan idea Menteri Besar Kelantan, Ustaz Dato' Ahmad Yakob. Ia selari dengan tema pentadbiran kerajaan negeri iaitu Kelantan Sejahtera Untuk Islam sekali gus merupakan kesinambungan dasar MBI.

MBI adalah dasar yang diamalkan oleh kerajaan negeri Kelantan sejak mula mengambil alih tumpukan pentadbiran negeri daripada Barisan Nasional (BN) pada tahun 1990. Secara automatik, generasi yang lahir selepas tahun berkenaan adalah generasi pewaris. Mereka telah melalui pembentukan nilai hidup yang terhasil daripada proses pembangunan kerajaan negeri berpandukan dasar MBI.

Kumpulan generasi pewaris ini ditampilkan ke tengah masyarakat dengan hasrat meneruskan dasar yang telah lebih dua dekad diperjuangkan oleh kerajaan negeri Kelantan. Kelompok anak muda yang menjadi ahli Gentera akan diberi tunjuk ajar agar menjadi penggerak rakan sebaya menerusi aktiviti anjuran kerajaan negeri berkonsepkan sukarelawan dan kesejahteraan rakyat.

TAMBAH BAIK DASAR MBI

Kelompok generasi pewaris akan membuat penambahbaikan MBI dengan merakyatkan dasar berkenaan berteraskan konsep Ubudiyyah, Masuliyyah dan Itqan (UMI). Ia adalah langkah bagi mencapai nilai-nilai pembangunan berteraskan tonggak keberkatan, kemakmuran dan kebajikan.

Generasi pewaris akan dididik sebaik mungkin agar mampu memahami, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai kesejahteraan hidup. Antara nilai diterapkan adalah amalan hidup berakhlik, berdisiplin serta mencintai kesejahteraan, keharmonian, kelestarian, kebersihan, keamanan dan ketenteraman hidup bermasyarakat.

Fokus Gentera adalah membina kefahaman teras UMI dalam skop kesejahteraan hidup. Selain itu, tumpuan

turut diberikan ke arah keupayaan menggerakkan nilai-nilai kesejahteraan dan pelaksanaan program ke arah melebarkan kefahaman, penghayatan dan pengamalan nilai-nilai hidup sejahtera dalam kalangan generasi pewaris.

PUSAT INTEGRASI ANTARA KAUM (PEKA)

Kemakmuran sesebuah negeri terhasil daripada keadaan hidup rakyat yang harmoni. Kerajaan negeri Kelantan tidak pernah melupakan sumbangan penduduk berbilang kaum termasuk juga masyarakat Orang Asli. Pusat Integrasi Antara Kaum (Peka) dilancarkan oleh Menteri Besar Kelantan dengan tujuan merangka, merancang dan melaksanakan agenda pembangunan pelbagai kaum.

Penubuhan Peka adalah usaha kerajaan negeri untuk memastikan kebebasan beragama dan masyarakat pelbagai kaum dapat terus mengamalkan budaya masing-masing. Peka juga telah diwujudkan di 13 kawasan Parlimen di negeri ini bagi memastikan agenda perpaduan kaum terus disuburkan. Malahan Pertubuhan Antara Kaum juga diwujudkan di 22 daripada keseluruhan 45 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN).

Inisiatif kerajaan negeri Kelantan dalam menjaga keharmonian kaum terus diperkasakan dengan lantikan Pegawai Khas Hubungan Antara Kaum di bawah Pejabat Menteri Besar. Antara peranannya adalah mengatur program-program yang boleh mengeratkan hubungan antara kaum di Kelantan. contohnya aktiviti pemimpin turun padang untuk beramah mesra dengan komuniti pelbagai kaum di seluruh negeri.



Perjumpaan Menteri Besar Kelantan bersama ketua-ketua kaum di Kelantan.

MEDIUM SALUR MASALAH DAN MAKLUMAT

Selain merancang dan melaksana agenda pembangunan, Peka mempunyai peranan lain yang tidak kurang pentingnya dalam memperkasakan hubungan antara kaum. Antaranya adalah sebagai medium menyalurkan bantuan kebajikan dan saluran rasmi untuk mendengar masalah di peringkat akar umbi.

Ia dianggap sebagai langkah penting bagi memastikan hubungan antara kaum di negeri ini terus dijaga dengan baik dan rakyat dapat hidup bersama dengan aman. Kesungguhan kerajaan negeri juga dapat dilihat melalui penyediaan peruntukan berjumlah RM1.88 juta khusus untuk program hubungan antara kaum. Peruntukan tersebut selari dengan dasar MBI tanpa mengetepikan soal kebajikan masyarakat bukan Islam di negeri ini.

GERBANG KEHARMONIAN

Pintu Gerbang Cheng Ho yang dibina di Jalan Kebun Sultan, Kota Bharu, menjadi mercu tanda keharmonian kaum di negeri ini. Ia turut menjadi simbol perpaduan pelbagai kaum, juga suatu pengiktirafan terhadap peranan komuniti peniaga Cina dalam pembangunan ekonomi Kelantan.

Selain itu, Pintu Gerbang Cheng Ho juga menjadi mercu tanda kepelbagaian seni kebudayaan dan adat

resam dalam kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu – Bandaraya Islam (MPKB-BRI). Pembinaannya merupakan hasil cetusan idea Allahyarham Tok Guru.

Ia dicetuskan ketika Tok Guru merasmikan pesta tanglung di Kota Bharu sekitar tahun 2013 dan namanya diambil bersempena nama Laksamana Cheng Ho yang merupakan tokoh lagenda dari Tanah Besar China yang datang ke rantau ini dan dikagumi oleh seluruh masyarakat.

Ketika merasmikan pintu gerbang tersebut, Dato' Ahmad telah menegaskan bahawa keharmonian hidup masyarakat pelbagai kaum di negeri ini pasti akan dicontohi oleh negeri-negeri lain. Apabila masyarakat pelbagai kaum dapat hidup bersama dengan aman, kedudukan ekonomi juga berada dalam keadaan baik. Ia akan membolehkan keharmonian terus berkekalan. Demikianlah nilai keberkatan yang dinikmati bersama oleh pelbagai kaum di Kelantan. ■



Menteri Besar Kelantan bersama kaum cina di bandar Kuala Krai.



Salah satu legasi Allahyarham Tok Guru yang diwarisi dan diteruskan oleh Menteri Besar, Dato' Ahmad Yakob ialah negeri berkebajikan.

SUBURNYA KEBAJIKAN DI BUMI SERAMBI MEKAH

Oleh: Ahmad Dhua

Foto: Ahmad Nal'me Muhammad

Legasi kepimpinan ulama yang dimulakan oleh Allahyarham Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat terus subur memayungi bumi Serambi Mekah. Sebalik sahaja menjawat jawatan Menteri Besar Kelantan pada 21 Oktober 1990, Allahyarham melaksanakan pelbagai pembaharuan berteraskan syariat Islam. Salah satu daripadanya adalah memperkenalkan konsep negeri berkebajikan.

Legasi kepimpinan ulama kini diwarisi dan diteruskan oleh Menteri Besar, Dato' Ahmad Yakob dengan beberapa penambahbaikan dibuat kepada konsep berkebajikan kepada rakyat. Langkah berkenaan adalah untuk memperkasakan lagi konsep berkenaan. Ia juga bagi memastikan rakyat terus menerima manfaat daripada kecekapan sistem pentadbiran kerajaan negeri Kelantan.

Usia pentadbiran kerajaan negeri di bawah kepimpinan PAS (Parti Islam Se-Malaysia) sudah menjangkau 27 tahun. Awalnya banyak suara sumbang mengatakan kepimpinan Nik Abdul Aziz atau lebih mesra dengan panggilan Tok Guru hanya mampu bertahan selama tiga bulan. Namun ia terus kukuh bertahan sehingga ke hari ini.

MEMBANGUN BERSAMA ISLAM

Dengan al-Quran dan hadis menjadi tunjang pentadbiran, kerajaan negeri Kelantan menjadikan Membangun Bersama Islam sebagai dasar peme-

rintahan. Kebijaksanaan ulama pula menjadi teras kepimpinan yang membolehkan kerajaan PAS terus diterima rakyat. Malah masyarakat bukan Islam cukup menyenangi dasar yang diperkenalkan sejak tahun 1990 itu.

Sejak era Tok Guru sehingga ke Menteri Besar sekarang ini, terdapat 21 agenda negeri berkebajikan telah diperkenalkan oleh kerajaan negeri Kelantan. Pelaksanaan agenda berkenaan adalah selaras dengan konsep pemerintahan yang disyariatkan oleh Islam.

Agenda berkenaan adalah: Tabung Serambi Mekah, Skim Takaful Kifalah Warga Emas, Sistem Pajak Gadai Islam (Ar-Rahn), Tabung Amanah Tok Kenali, kerja lima hari seminggu, pekerja wanita Islam menutup aurat, tutup premis judi, cuti bersalin 60 hari, Peraturan Rumah Tiga Bilik, Skim Rumah Dhu'afat, Skim Gerbang Az-Ziwaaj, Skim Beras Al-It'aam, Ladang Rakyat, Jihad Ternak, Dinar Emas, Baitul Taubah, Tabung Belia Niaga dan Siswazah Tani, Baja Subsidi, Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK), kemudahan paip sambungan serta Bantuan Armalah dan Anak Yatim.

KESAN MENDALAM

Dalam sedar atau tidak konsep negeri berkebajikan meninggalkan kesan mendalam kepada segenap lapisan masyarakat di Kelantan. Baik golongan muda, kanak-kanak, dewasa, malah warga emas telah

merasai manfaat daripada konsep tersebut. Maka tidak hairan jika apa yang dilakukan oleh kerajaan negeri Kelantan sering meniti dibibir masyarakat.

Skim Kifaalah Takaful Warga Emas atau khairat kematian untuk golongan berusia 60 tahun ke atas merupakan antara agenda yang cukup dekat dengan masyarakat. Ia banyak membantu wasi (waris) keluarga terutama dalam pengurusan jenazah yang merupakan sebahagian tuntutan agama yang perlu dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab.

Setiap wasi warga emas yang meninggal dunia akan menerima manfaat sebanyak RM1,500 hasil caruman dibuat oleh kerajaan negeri Kelantan menerusi syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd. Sebaik sahaja menerima perkhabaran kematian, kerajaan negeri akan menghulurkan sumbangan RM500 sebagai permulaan melalui Kifaalah Sdn. Bhd. iaitu salah satu anak syarikat Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK).

Sejak diperkenalkan pada 7 Februari 2007 sehingga November 2017, seramai 164,153 warga emas di Kelantan telah mendaftar di bawah Skim Kifaalah Takaful Warga Emas. Daripada jumlah itu, seramai 48,434 wasi telah menerima manfaat. Ia merupakan hasil gerak kerja dilakukan oleh kerajaan negeri Kelantan di semua 45 DUN melalui wakil rakyat, penghulu, pegawai halaqat serta ahli jawatankuasa DUN.

SERAMPANG TIGA MATA

Salah satu projek berskala besar demi kebajikan rakyat yang dilancarkan oleh Allahyarham Tok Guru semasa hayatnya adalah Projek Ladang Rakyat. Sebuah projek pertanian dengan strategi serampang tiga mata. Agenda yang diperjuangkan melalui projek ini adalah membasmi kemiskinan, meningkatkan ekonomi negeri dan menyelesaikan masalah penerokaan tanah secara haram.

Projek Ladang Rakyat dilancarkan secara rasmi pada tanggal 26 Januari 2006 setelah mendapat lampu hijau daripada DUN Kelantan. Keunikan projek ini adalah pesertanya terdiri daripada pelbagai kaum termasuk masyarakat Orang Asli. Peserta dipilih daripada kalangan mereka yang berpendapatan rendah, iaitu di bawah RM530 sebulan.

DIVIDEN TANPA PERLU KERJA

Kehebatan Projek Ladang Rayat adalah setiap peserta akan menerima dividen sebanyak RM200 setiap bulan tanpa perlu bekerja. Projek ini dimajukan oleh sebuah institusi dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Kelantan (PPLRK). Perbadanan yang merupakan agensi kerajaan negeri Kelantan ini bertanggungjawab merangka dasar dan strategi pembangunan ladang dengan pulangan hasil disalurkan kepada peserta Ladang Rakyat.

Bermula Julai 2006 sehingga kini, sejumlah 37,240.4 hektar tanah milik kerajaan negeri telah dimajukan

dengan Ladang Rakyat melakui aktiviti perladangan kelapa sawit. Projek ini membabitkan seramai 4,844 peserta.

Sepanjang tempoh Julai 2006 sehingga September 2017, PPLRK telah berjaya meletakkan Projek Ladang Rakyat dalam kelas tersendiri. Perbadanan itu telah berjaya mengagihkan dividen berjumlah RM113,944,200 kepada peserta. Malah melalui Manfaat Takaful Hayat, PPLRK telah mengeluarkan perbelanjaan berjumlah RM2,351,000 bermula Julai 2006 hingga September 2017 untuk membayar khairat kematian kepada peserta yang meninggal dunia.

KOPERASI PESERTA LADANG RAKYAT

Kerja keras kepimpinan kerajaan negeri Kelantan telah membolehkan PPLRK melebarkan sayapnya. Koperasi Peserta Ladang Rakyat Negeri Kelantan Berhad telah ditubuhkan dengan modal sebanyak RM456,000. Dengan keanggotaan seramai 5,408 orang, koperasi berkenaan telah berhasil mengumpulkan saham berjumlah RM2,756,495.

Tanpa disangka, kejayaan Projek Ladang Rakyat ini telah membuka mata negeri-negeri lain termasuk di bawah pentadbiran kerajaan yang berlawanan fahaman politik. Kerajaan negeri Terengganu di bawah kepimpinan Barisan Nasional (BN) telah mengikut jejak Kelantan dan mewujudkan projek sama di negeri tersebut.

TERUS BANTU RAKYAT

Kerajaan negeri Kelantan terus mengorak langkah dalam menjaga kebajikan rakyat di negeri ini, terutama untuk terus membantu golongan kurang berkemampuan. Skim Beras Al-It'aam diperkenalkan dan melaluiinya, seramai 100 penduduk kurang berkemampuan di setiap DUN akan menerima 10 kilogram beras.

Al-It'aam bermaksud menyediakan bantuan makanan ruji berupa beras kepada keluarga yang benar-benar memerlukan. Ia diperkenalkan pada Februari 2011 dan masih diteruskan sehingga kini. Skim ini juga merupakan salah satu skim yang dekat dengan hati rakyat.

Salah satu program kebajikan diperkenalkan oleh kerajaan negeri Kelantan yang meninggalkan kesan mendalam terutama kepada golongan muda adalah Skim Gerbang Az-Ziwaaj. Skim ini diperkenalkan bagi membantu golongan muda kurang berkemampuan mendirikan rumah tangga dengan setiap pasangan menerima bantuan RM1,000 sebagai wang hantaran.

Ia merupakan usaha kerajaan negeri Kelantan untuk menggalakkan golongan muda berkahwin sekali gus menyelesaikan masalah sosial seperti sumbang mahram dan kelahiran anak luar nikah. Langkah ini juga bertepatan dengan ajaran Islam yang menggalakkan perkahwinan bagi mengelakkan maksiat berleluasa.

Sebagai negeri berkebajikan, kerajaan negeri Kelantan turut berusaha merealisasikan impian golongan miskin tegar untuk memiliki kediaman selesa. Skim Rumah Dhuafa' diperkenalkan pada tahun 2007. Rumah-rumah yang dibina di bawah skim ini bernilai RM28,000 seunit dengan dilengkapi tiga bilik tidur, ruang tamu serta ruang dapur yang agak luas.

KEBAJIKAN PETANI

Dalam agenda menjadikan Kelantan sebagai Gerbang Makanan, kerajaan negeri tidak lupa menjaga kebajikan petani melalui Skim Subsidi Baja. Sebanyak RM3 juta setahun diperuntukkan untuk menyediakan subsidi baja sama ada organik atau kimia. Malah kerajaan negeri menyediakan peruntukan tambahan bagi menaik taraf prasarana pertanian.

Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa memberi perhatian kepada petani-petani di negeri ini dalam usaha mereka memajukan diri. Salah satunya adalah dengan menggalakkan mereka membangunkan tanah-tanah terbiar dengan projek tanaman seperti padi, tembakai, sayuran, buah-buahan dan kelapa.

CAKNA WANITA

Kebajikan golongan wanita juga tidak pernah dipandang sepi oleh kerajaan negeri Kelantan dan ia dibuktikan melalui kewujudan Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK). Sebuah badan yang ditubuhkan di semua 45 kawasan DUN pada tahun 2007 khusus bagi menjaga aspek pembangunan wanita di Kelantan.

PPWK berfungsi membekalkan ilmu kemahiran kepada golongan wanita. Contohnya kemahiran jahitan kepada beliananis, armalah dan suri rumah daripada kalangan penduduk miskin. Silibus digunakan oleh PPWK adalah mengikut piawaian yang ditetapkan Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK).

Usaha mengangkat martabat wanita melalui PPWK wajar diberi pujian apabila ada dalam kalangan pelatih sudah mempunyai kedai jahit sendiri.

Kelulusan cuti bersalin selama 60 hari telah memberi impak besar dan meninggalkan kesan besar kepada golongan wanita bekerja. Tempoh cuti panjang diberikan dengan tujuan memastikan golongan wanita mendapat rehat secukupnya sebelum kembali bertugas.

Usaha kerajaan negeri Kelantan sekali lagi mencuri tumpuan apabila kerajaan Persekutuan mengambil langkah mengikut jejak tersebut yang sebelum ini hanya memberikan cuti kepada kakitangannya selama 42 hari. Selain kerajaan Persekutuan, terdapat sesetengah pihak swasta turut mengikuti jejak langkah tersebut dengan memberikan cuti selama 60 hari untuk kakitangannya yang melahirkan anak.

KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN

Di sebalik segala pandangan negatif yang diberikan selama 27 tahun memerintah negeri ini, kerajaan

negeri Kelantan sebenarnya telah menerajui perubahan dalam negara ini. Manfaat daripada konsep negeri berkebajikan yang diperkenalkan sejak 27 tahun lalu telah dikehendaki oleh seluruh rakyat negeri ini.

Lebih penting, kerajaan negeri Kelantan tidak mengamalkan sikap 'pilih bulu' dalam menjalankan agenda berkebajikan kepada rakyat. Semua layak menerima manfaat tanpa mengira perbezaan fahaman politik, warna kulit atau agama, asalkan memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh kerajaan negeri, maka mereka layak menerima manfaat disediakan.

Inilah uniknya legasi kepimpinan ulama yang diterajui Allahyarham Tok Guru dan diwarisi oleh Ustaz Mad (Dato' Ahmad Yakob). Legasi kepimpinan yang sentiasa cakna dengan kebajikan rakyat ini selaras dengan syariat Islam seperti yang terkandung dalam kitab suci al-Quran.

Kejayaan demi kejayaan yang dikehendaki oleh kerajaan negeri Kelantan sepanjang 27 tahun mentadbir negeri ini telah dengan membawa pelbagai limpahan manfaat kepada rakyat dalam aspek fizikal mahupun rohani dalam kalangan masyarakat telah menjadi contoh dan ikutan kerajaan Persekutuan. Tidak cukup dengan itu, kerajaan-kerajaan negeri lain seperti Selangor dan Pulau Pinang turut menjadikan Kelantan sebagai contoh dalam melaksanakan negeri berkebajikan. Maka tidak hairanlah, jika ada yang mengatakan Kelantan menerajui perubahan dalam konsep negeri berkebajikan di Malaysia.

AMANAT MB

Memasuki tahun 2018, Menteri Besar telah menyampaikan amanatnya. Antara perkara yang ditekankan adalah kerajaan negeri Kelantan akan terus mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Ia termasuk melaksanakan agenda peningkatan taraf sosioekonomi rakyat melalui pembasmian kemiskinan, menyediakan peluang pekerjaan serta menjadikan golongan wanita dan belia usahawan berjaya. Malah nasib golongan kurang upaya juga diperjuangkan melalui penubuhan Majlis Perlindungan Orang Kelainan Upaya (MPON). 



Penyampaian bantuan kebajikan dalam Program Gerbang Az-Ziwaaj Perdana.



بازر توء ڭورو
BAZAR TOK GURU



**PUSAT JUALAN RUNCIT & BORONG TEKSTIL
PUSAT JAHITAN EKSPRESS
SELERA SIANG HARI**

**PASAR BUKU
PASAR SENI**

Bare Muroh

Ado Belako

Pakat Punggoh

Mari Belako



014-5382083



www.pmbk.gov.my



Bazar Tok Guru



bazarviralkelate



DATO' HJ. MOHD AMAR HJ. ABDULLAH SERTAI POLITIK **DEMI RAKYAT**

Oleh: M Faqih Foto: Ahmad Naime Muhammad | Ahmad Syafiq Mohd Rosli

Siapa tidak kenal cucu Tok Ayah Kedah yang membuka pusat pengajian pondok di Panchor, Kemumin, Kota Bharu. Lelaki berperawakan serius namun mudah diajak berbicara ini selesa berpakaian seperti orang kampung pada hari minggu disebalik status dirinya sebagai pemimpin. Kelibatnya sering kelihatan di kedai kopi atau tempat kenduri andai tidak sibuk dengan urusan rasmi.

Beliau mewarisi perjuangan Tuan Guru Haji Abdullah Tahir atau nama rasmiinya, Mohd Arshad yang dikenali dengan jolokan Tok Ayah Kedah. Penglibatan keluarganya dalam arena politik tempatan sudah bermula sejak awal penubuhan PAS. Ayahnya, Nik Abdullah Arshad atau dikenali sebagai Pak Nik Lah sudah bergelar wakil rakyat dengan mewakili kawasan Kota Bharu Pantai pada tahun 1959, iaitu tahun sama beliau dilahirkan ke dunia ini.



Semasa persidangan DUN.

SEJARAH AWAL

Timbalan Menteri Besar Kelantan, Dato' Mohd Amar bin Abdullah dilahirkan di Jalan Hulu Kota, Kota Bharu. Lokasinya adalah bersebelahan Bazar Siti Aishah dan kini menjadi tapak bangunan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Datuknya berasal dari Padang Menora, Tasik Gelugor, Pulau Pinang dan asal keturunannya adalah dari Patani, Thailand.

"Ketika menjejakkan kaki ke Kelantan dahulu, dia (Tok Ayah Kedah) beritahu orang ramai yang dia datang dari Kedah. Sebab itulah dia lebih dikenali sebagai Tok Ayah Kedah. Padang Menora ada Kampung Patani yang mana ramai penduduk di situ berasal dari Patani. Dia mengembara ke Kedah untuk menuntut ilmu agama dan berguru dengan Syeikh Jarum. Masa datang ke Kelantan, dia tinggal di Pondok Tok Kenali."

"Ayah saya pula terlibat dalam politik dan pernah berkhidmat sebagai wakil rakyat selama tujuh penggal bermula tahun 1959. Kawasan diwakilinya dahulu dikenali sebagai Kota Bharu Pantai yang kemudiannya diubah menjadi Sering sebelum ditukar kepada Kemumin dan sekarang dikenali sebagai Panchor. Ayah saya juga pernah berkhidmat sebagai Ahli Parlimen Pengkalan Chepa selama dua penggal," cerita Mohd Amar membuka bicara.

MENETAP DI PANCHOR

Menurut Mohd Amar, Tok Kenali telah menghantar datuknya untuk menggantikan beliau menyampaikan kuliah di Panchor. Datuknya berulang alik dari Kubang Kerian ke Panchor pada setiap minggu untuk menyampaikan kuliah pada ketika itu sehingga penduduk tempatan mencari calon isteri untuknya.

Selepas berkahwin dengan Raja Mariam binti Raja Daud, Tok Ayah Kedah membuka pusat pengajian pondok di Panchor untuk memudahkan penduduk tempatan belajar agama, terutama golongan tua. Bermula dari situlah ia dikenali sebagai Pondok Tok Ayah Kedah.

"Sejak pembukaan pondok itu, keluarga kami menetap di Panchor dan ayah saya pula belajar di Jami' Merbau. Ketika itu dia menumpang di Pondok Haji Abdullah Tahir di Bunut Payong dan belajar sehingga darjah tujuh di Jami' Merbau."

"Selepas itu ayah saya buka Sekolah Arab Panchor bersama abangnya, Mohd Salleh bin Arshad. Ketika itu sekolah berkenaan berstatus sekolah agama rakyat. Sebenarnya ayah saya usahakan sekolah tersebut ketika masih belajar di Jami' Merbau," katanya.



Sempat bergambar bersama keluarga di Universiti Fatoni.

Mohd Amar bertemu jodoh dengan seorang pendidik, Hasmani binti Husain dan dikurniakan empat orang anak, dua lelaki dan dua perempuan. Anak sulung bellau meninggal dunia semasa belajar dalam Tingkatan Enam Rendah di Maahad Tahfiz Pulai Chondong. Anak keduanya menamatkan pengajian dalam bidang Sains di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Manakala anak ketiganya kini menyambung pengajian di peringkat Sarjana dalam bidang Seni Bina di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam. Anak bongsu pasangan ini merupakan lepasan Diploma Pengajian Islam Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).

KARIER DAN POLITIK

Mohd Amar mendapat Pendidikan Rendah di Sekolah Melayu Majlis yang mana tapak sekolah itu kini dibina Maahad Muhammadi Perempuan. Sekolah berkenaan ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Beliau mempelajari Bahasa Arab bermula dari Darjah Empat.

Beliau mendapat pendidikan Peringkat Menengah di Madrasah Tarbiah Mardiah, Panchor sebelum berpindah ke Maahad Muhammadi untuk menduduki Sijil Tinggi Persekolahan (STP). Beliau melanjutkan pelajaran ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam.

Mohd Amar memulakan kerjaya sebagai Penguasa Kastam (Sangkut) di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Pulau Pinang selama 10 bulan. Beliau ditawar menjadi Penolong Pensyarah di UIAM pada tahun 1985, kemudian melanjutkan pelajaran ke University of Birmingham, England. Tahun 1988, beliau berjaya memperolehi Ijazah Master of Philosophy dari Universiti berkenaan dan dilantik sebagai pensyarah di Jabatan Ilmu Wahyu, UIAM.

"Saya letak jawatan sebagai pensyarah pada tahun 1995 kerana diminta bertanding di kerusi Parlimen Pengkalan Chepa dan mewakili kawasan itu selama dua penggal. Selepas itu saya bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Panchor pada tahun 2004 dan mewakili kawasan itu sehingga kini."

"Sejak dari kecil saya minat dengan politik dan selalu dibawa oleh ayah ke program-program parti hampir di seluruh Kelantan. Pendedahan sejak awal usia menyebabkan minat saya terhadap politik begitu mendalam. Sebab utama saya letak jawatan di UIA dan bertanding pada Pilihan Raya Umum (PRU) 1995 adalah kerana melihat ruang memberi sumbangan lebih besar kepada masyarakat dan negara melalui politik," katanya.

Semasa di UIAM, Mohd Amar ditugaskan sebagai Penyelaras Kursus Ilmu Teras di Pusat Matrikulasi Kampung Lembah Pantai. Beliau meminati sukan bola sepak dan menyertai pasukan bola sepak Jabatan Bahasa Arab semasa di UIAM.

BEZA AHLI PARLIMEN DAN ADUN

Peranan Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) adalah berbeza. Ahli Parlimen lebih banyak berperanan sebagai penggubal dasar. Manakala peranan ADUN lebih tertumpu kepada tugas-tugas dalam kawasan. Mohd Amar berpeluang merasai kedua-dua pengalaman berkenaan.

Bagaimanapun beliau menjelaskan, penglibatan ADUN bersama masyarakat adalah lebih berat dan lebih sibuk berbanding Ahli Parlimen. Menurut Timbalan Menteri Besar Kelantan ini, masyarakat di negeri ini akan mencari ADUN terlebih dahulu jika ada sebarang masalah.

"Siang malam penduduk cari ADUN dan itulah sebabnya wakil rakyat di peringkat negeri sangat sibuk. Ahli Parlimen hanya sibuk ketika berlangsung persidangan di Parlimen yang ambil masa sehingga berminggu-minggu. Namun bagi ADUN, terutama yang mentadbir kerajaan, kesibukan lebih terasa," jelas beliau.

BEZA SUASANA PARLIMEN

Suasana sidang Parlimen pada era 1990-an dengan masa kini memang berbeza mengikut pandangan Mohd Amar berikutan pertambahan kerusi milik pihak pembangkang. Pada tahun 1995, Barisan Nasional (BN) masih memiliki majoriti dua pertiga di Parlimen. Sekarang mereka telah hilang suara dua pertiga majoriti ditambah pula bilangan Ahli Parlimen pembangkang semakin ramai.

Katanya, suasana Parlimen panas pada tahun 1995 dengan adanya barisan pemimpin seperti Lim Kit Siang, Karpal Singh dan P Patto. Ketika itu Ahli Parlimen PAS hanya enam orang sebelum meningkat kepada 27 orang pada PRU 1999 dan mantan Presiden PAS, Allahyarham Dato' Fadzil Muhammad Noor dilantik sebagai ketua pembangkang.



Menziarahi dan membantu rakyat yang memerlukan menjadi rutin hidupnya.

PENCAPAIAN SEBAGAI EXCO KERAJAAN NEGERI KELANTAN

Mohd Amar memulakan tugas sebagai EXCO kerajaan negeri Kelantan pada tahun 2004 selaku Pengurus Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan. Antara kejayaan dicapai ketika itu adalah menaik taraf sekolah agama termasuk mewujudkan dua kategori sekolah, iaitu Maahad yang ditanggung penuh oleh Kerajaan dan Sekolah Menengah Agama sebagai Sekolah Bantuan Kerajaan.

Ketika itu banyak sekolah agama di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK) dinaikkan taraf menjadi Maahad sehingga setiap jajahan mempunyai Maahad masing-masing. Terdapat juga sekolah-sekolah bantuan kerajaan dinaikkan taraf menjadi sekolah tanggungan penuh kerajaan. Kejayaan lebih besar muncul apabila YIK berjaya membina Maahad Tahfiz Sains di Tanah Merah yang merupakan cetusan idea mantan Menteri

Besar Kelantan, Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat dengan kos RM11 juta.

Mohd Amar juga merupakan ahli jawatankuasa Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) sejak mula. Bekas Timbalan Menteri Besar Kelantan, Dato' Abdul Halim Abdul Rahman merupakan Pengurus KIAS pertama sebelum digantikan oleh Dato' Yahya Othman. Turut terlibat dalam jawatankuasa berkenaan adalah bekas Setiausaha Kerajaan (SUK) negeri Kelantan, Dato' Abdul Razak Salleh.

Antara kejayaan lain yang dicapai adalah penyerapan guru kontrak sebagai guru tetap YIK hasil cetusan idea Abdul Halim melalui pengenalan jawatan Guru Khas YIK. Mohd Amar juga merangka Pelan Pembangunan Lima Tahun Sekolah YIK.

SELESAI BANYAK MASALAH RAKYAT

Sebagai Timbalan Menteri Besar, Mohd Amar gembira dapat menyelesaikan banyak masalah pemilikan tanah. Melalui portfolio Pembangunan Wilayah dan Tanah. Beliau meneruskan usaha yang dimulakan oleh Menteri Besar Kelantan, Ustaz Dato' Ahmad Yakob ketika masih menjadi Timbalan Menteri Besar.

"Dato' Ahmad Yakob telah wujudkan Unit Taskforce yang kini berjalan lancar. Alhamdulillah banyak masalah tanah dapat diselesaikan. Sehingga kini lebih daripada 80,000 fail telah diluluskan oleh kerajaan."

"Kita turut selesaikan banyak masalah tanah di Felda. Baru-baru ini, Menteri Besar menyampaikan geran tanah kepada peneroka-peneroka di Felda Kemahang 3, Tanah Merah. Itulah antara usaha kita buat dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini," kata Mohd Amar menutup bicara. ■



TIKAR MENGKUANG

A HERITAGE IN NEED OF INHERITORS

By: Mustaqim Amir Azuari Mohamed Photo: Ahmad Na'time Muhammad

Uniqueness within the simplicity if its design captured the eyes of people from all over the globe as it became a Malays heritage that never once lost its popularity. From just a floor mats, it has become an eye capturing ornament not just in houses, but also in resorts and high classes hotels in Malaysia. Also being one of the chosen souvenir to be bought by tourist. However, this Malay heritage are facing a rather serious issues concerning its preservation and it could be said that tikar mengkuang is in need of inheritors.

Each year, demand towards tikar mengkuang keep increasing while the skilled labours are reducing in numbers. Worse yet, those who are still in the business are ageing and there is no telling how long they can keep on producing. Nik Asiah Nik Chik, 52, has been in the business for 31 years and she do agree on this matters. Likewise, she also expresses her concerns as the skilled labours working together with her have decrease to only 10 people with only four have the skills to produce tikar kelarai, which is tikar mengkuang with special colours and patterns. Also to take into accounts that all the skilled labours are reaching the age of late 40s up to late 60s.



Nik Asiah Nik Chik holding a piece of tikar mengkuang that she made in 1986.

Nik Asiah originally inherited the skills to produce tikar mengkuang from her mother, Siti Khatijah Mat Adam, 67, who is also the eldest skilled labours working with her. All her four siblings have the skills but only Nik Asiah are seriously involve in the business. She starts at the age of 17 and travelled to Terengganu to improve her skill under the training by Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan) Terengganu Branch. For the basic of producing tikar mengkuang, she undergoes training for a year and half starting from 1985 to 1986 before continuing with advance training for six months in Terengganu and another six months at Ibu Pejabat Kraftangan in Kuala Lumpur, ending in June 1987.

She didn't go straight into tikar mengkuang's production business after the training but working as a community instigator under Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Pasir Puteh from 1987 to 1994. She then quit her job to fully concentrate on this business as she has built a factory in her home area in 1994. From that day forth, Nik Asiah has never look back and strive to make the business a successful one.

INCOME PLAYS MAJOR ROLES

Upon the issues of reduction in the numbers of skilled labours, Nik Asiah says that income level plays a major role besides the lack of interest from younger generations. When other industries offer better income, people will leave the tikar mengkuang's production and goes for jobs that can give them more money. In the end, only those with real interest in keeping this Malay heritage alive were left behind.

"Nobody are to be blame because it's their right to choose. There is nothing we can do to stop them. People goes for jobs that pays them better because they certainly want the best for them and their family. So we just have to make do with what we got and Alhamdulillah, praise be to Allah SWT because by His blessing, we are still able to meet the increasing demands from our customers."

"Here in Kampung Bukit Tanah, Pasir Puteh, Kelantan, we still produce tikar mengkuang using 100% traditional method. I think the same goes everywhere because up until now, there are no technologies or machines being developed to modernize tikar mengkuang's production. I remember during my training days. There are some experts from Japan, Europe and even the western being called to help developing the technologies needed. But in the end all of them gave up. I do not know the real reason but I think it's due to the complexity of the mengkuang leaves," says Nik Asiah.

TIME CONSUMING AND COMPLICATED

Tikar mengkuang industries are racing with times to meet increasing demands of the market due to its time consuming and complicated process, also the decreasing number of skilled labour involved. It is not

a new problem for Nik Asiah and her friends. That is why time management is very important to fulfill order and maintaining customers' satisfaction. One of it was to notify all customers that orders for tikar mengkuang must come early, for example, tikar mengkuang stocks to be used next year must be ordered early this year or Nik Asiah and her friends will be forced to reject late orders.

As explained by Nik Asiah, the production process is totally done in traditional method starting from gathering the raw materials, which is the mengkuang leaves. This process alone will take up to one day. Another one day is needed to take out the thorns from the mengkuang leaves, cutting it into the sizes needed and to poach the leaves. After that the leaves must be dried and this process will take up to a week to ensure that all leaves are totally dried, so the tikar mengkuang will be long lasting. The process of making tikar mengkuang also will take up to a week. In total, two weeks are needed just to produce one unit of tikar mengkuang.



First process in the making of tikar mengkuang is gathering the mengkuang leaves.


"Demands for tikar mengkuang actually exceeded the power to produce and our customers comes from all over Malaysia including Sabah and Sarawak. The market however doesn't include Kelantan for tikar mengkuang is more popular outside of this state. Orders has never stop and keep on rising. So we need not to worry about the market for tikar mengkuang."

"In Kampung Bukit Tanah, we turn tikar mengkuang's productions into a local industry in order to fulfill orders from our customers. Orders may come through me and will be divided accordingly to still active skilled labours. The income from the tikar mengkuang produced will go totally to skilled labours who make them. That way everybody can gain equal shares," she said.

FACING THE MONSOON

Managing the ongoing orders for tikar mengkuang is never an easy task for Nik Asiah and her friends because this business is non-seasonal. Demands for this beautiful Malay heritage will keep on going although in Kelantan, Nik Asiah and her friends are facing up with the monsoon season which comes in November until January every year. Throughout the monsoon season, heavy rains and flood will be a major problem. But by any means, they must keep working and must have plans to face these problems.

Her 31 years of experiences in this business have thought Nik Asiah to be ready in all situations and for monsoon season, she and all the skilled labours knows that they must have stocks of mengkuang leaves ready to be used. Before the monsoon came, they will gather as many mengkuang leaves as possible to be dried and fully processed for storage. With this steps taken, they will not need to gather mengkuang leaves in heavy rains or worries about the drying process which is impossible to be done as scheduled in the monsoon season.



The mengkuang leaves that had been processed and dyed in colour are tied separately.

"For monsoon season we do have stocks ready to be used and do not need to worry about disruptions in the production process. Alhamdulillah, the stocks of mengkuang leaves in our storage is sufficient."

"The ongoing orders proves that this Malay heritage still have its place in the local market and if given full effort, it can reach up into the global market and give us a satisfying income. It doesn't come cheap. That I can tell for I myself has striven to make it in this industry and to popularized tikar mengkuang," Nik Asiah explained.

LONG LASTING LIFESPAN

Despite being made by dried mengkuang leaves, it is proven that tikar mengkuang do have a long lifespan. Nik Asiah herself have been keeping a 31 years old tikar mengkuang that was made in 1986. One interesting thing about that particular tikar mengkuang is that, it still stays in a very good condition and could be used whenever needed.

"Everything will last longer if we take good care of it. We ourselves as humans, can stay in health longer if we took good care of ourselves and the same goes to tikar mengkuang. It's not about what it is made of but how well we cared for them."

"Steps to take care of tikar mengkuang is so easy that we actually don't have to put any effort to it. The only thing that needed to be done is making sure it stays dry and kept away from watery places or damp condition. For the colours to be everlasting, we just have to make sure the tikar mengkuang is not exposed to sunlight," she says.

NEED TO BE INHERIT

With all that being said, what is left to worry is the inheritance issues where younger generations are not keen on doing. The one and only problem that threatening the survival of this beautiful heritage of the Malays. As being said before, it is all due to lack of interest, lower income, time consuming and the complexity in the production process. Nik Asiah personally have the dream of seeing tikar mengkuang being inherited by Malaysia's younger generations including her five offspring and will become a national treasure.

"Up to this days, only my eldest daughter, Nur Zulaikha, 26, have the knowledge to produce tikar mengkuang. However, her skills are not enough to produce tikar kelarai. Yes, high skills are needed in producing a high quality tikar mengkuang because it does involve a complex process. Nur Zulaikha however doesn't get involved in the business because her concentrations are more towards her career and family."

"It will be such a waste to see tikar mengkuang vanished in the Malay world and personally, I think this beautiful heritage has only 20 to 50 years to survive. I really hope our young ones can inherit all the skills needed to produce tikar mengkuang and have always been inviting people to come and learn from me free of charge. Just to see this beautiful heritage being persevered for as long as it possibly can," says Nik Alshah rounding up the conversation. 



One of the uniqueness of tikar mengkuang is its colourful presentation.

Sesungguhnya tiadalah segala perkara di dunia ini yang ditakdir mubramkan Allah SWT itu sia-sia sahaja melainkan sarat pengajaran tersurat dan tersirat. Demikian juga bukanlah bijak seseorang manusia atau sesebuah bangsa yang cerdik akal jasmani dan celik akal budi untuk melakukan sesuatu perkara tanpa sebab-musabab yang munasabah.

Itulah pegangan orang-orang Melayu-Islam berlandaskan pemahaman intisari firman Allah SWT "tidak Kujadikan sesuatu hal itu sia-sia."

Berpandukan wahyu itulah moyang Melayu-Islam kita yang bijak lagi warak, amat tertib lagi teliti dalam melaksanakan hal ehwal kehidupan terutamanya dalam menentukan halal haram dalam aspek makan minum yang menjadi darah dan menumbuhkan daging yang menegakkan belikat sosok jasad anak cucu mereka demi beramal ibadat bagi meraih rahmat Tuhan sekalian alam.

Bertolak daripada premis di atas, sebuah wadah dakwah berupa juadah butir nangka direka cipta oleh nenek moyang terdahulu sebagai makanan jasmani dan hikmah pengajarannya menjadi santapan rohani anak cucu generasi baharu.

Perihal kekuasaan Allah SWT melangkaui akal pemikiran manusia biasa dikisahkan menerusi resipi enak pembasah tekak. Lazat bertambah nikmat apabila kuih tradisi negeri Cik Siti Wan Kembang yang ada butir tanpa buah diklaskan dengan menyitir sifir berformula luar biasa al-Khalik hamba-Nya, dengan kejadian Nabi Isa a.s yang lahir tanpa ayah.

Bagi mencernakan hadaman menu ini bersama ibrah di sebalik falsafah penciptaan, nenek yang bijak lagi warak, mengajak anak dan cucunya bersama-sama menyediakan butir nangka (orang Kelantan menyebutnya sebagai butir nako), sambil bercerita mengenai ciptaan resipi ini yang diawali dengan kaedah memasukkan sedikit air masak ke dalam mangkuk, diikuti secalit kapur makan bersama secubit garam.



1 Bahan-bahan yang diperlukan.

BUTIR NAKO MENYITIR SIFIR ANTILOGIKA

Oleh: Zanazanzaly Foto: Ahmad Naime Muhammad



2 Tepung beras yang diuli sebatik ke dalam campuran air tadi.



3 Campuran ekstrak pati daun pandan.



4 Doh yang digentel menjadi bentuk bijur.

Kemudian disusuli dengan empat cawan tepung beras digaulkan sedikit demi sedikit dan diuli hingga sebatik. Kombinasi tiga bahan makanan berwarna putih dan air masak jernih mewakili refleksi kesucian yang benar-benar telus pandang bagaikan kristal, bergerak sebagai pemula ceritera benar dan popular biarpun tidak masuk akal.

Perlambangan kesucian aura putih bersih terpancar pada tekstur tepung beras pulut, kapur makan dan garam debu itulah simbolik daripada peristiwa kedatangan postur makhluk suci tanpa jisim, daripada unsur Cahaya iaitu malaikat dalam bentuk sosok tubuh manusia menemui Maryam, seorang dara yang tinggal di kamarnya di Baitul Maqdis.

Maryam menyangka malaikat itu adalah lelaki yang hendak menggodanya. Namun sangkaan Maryam meleset apabila malaikat berterus-terang bahawa dia merupakan utusan Allah untuk menyampaikan khabar benar bahawa Maryam bakal memperoleh seorang putera.

Bagi Maryam, ianya sebuah khabar mustahil kerana dirinya seorang perempuan suci yang tidak pernah berhubungan intim dengan mana-mana lelaki. Mendengar jawapan itu, Malaikat (Ruhul Kudus) itu pun berkata: Demikianlah halnya; Tuhanmu telah berfirman: Perkara itu amat mudah bagi-Ku, supaya Kujadikan itu tanda kekuasaan-Ku untuk manusia dengan rahmat-Ku. Kejadian itu bukanlah satu hal yang tidak dapat diluluskan. (Ingatlah), ketika Malaikat berkata: "Hai Maryam, sesungguhnya Allah menggembirakan kamu (dengan kelahiran seorang putera yang diciptakan) dengan kalimat (yang datang) daripada-Nya, namanya Al-Masih Isa putera Maryam, seorang terkemuka di dunia dan di akhirat dan termasuk orang-orang yang didekatkan (kepada Allah)." (surah Ali Imran: 45).

Setelah mendengar penjelasan tersebut, terbitlah rasa ketenangan dalam jiwa Maryam. Aura ketenangan itu diterjemahkan ke dalam resipi melalui siraman ekstrak pati daun pandan berwarna hijau mengikut keperluan ke dalam adunan doh butir nako yang diuli oleh

anaknya tadi bersebatii sehingga adunan menjadi doh kental dan tidak melekat di tangan.

Berminat dengan kisah yang sarat ibrah itu, lalu cucu pun berasa terpanggil mahu mengambil bahagian dalam penyediaan kuih tradisional yang sarat nilai intelektual.

Neneh mencuit anaknya agar mencubit sedikit doh hijau tersebut dan meletakkannya di atas telapak tangan kiri sementara telapak tangan kanan pula diputarkan ke atas doh tersebut bagi maksud menunjuk contoh doh perlu digentel sekecil gula-gula menjadi bentuk membujur menyerupai biji buah nangka. Seraya menyua contoh siap sebiji doh, neneh berseloroh, "molek bujur butir ini semolek sangka baik Maryam terhadap Tuhan."

Anak dan cucu neneh makin menunjuk minat menyelongkar khazanah hikmah dan falsafah di sebalik resipi tradisi bahari. Neneh pun teruslah berkisah akan natijah daripada insiden penerimaan perkhabaran aneh tersebut mencetuskan kontroversi luar jangka. Gambaran kekecohan itu ditamsikkan dengan aksi neneh memanaskan air hingga mendidih.

"Nah, itulah gejolak yang bergelegak dalam perasaan Maryam hingga terpaksa meninggalkan pondok tempat dia mengasingkan diri selama ini, berjalan meninggalkan desa terpencil demi mencari lokasi yang lebih袖和isolasi yang semakin sepi lagi.

Maryam berhenti di bawah sebatang pokok tamar di tengah-tengah padang pasir, menyendiri menanti takdir tanpa seorang kawan atau tabib yang hadir.

"Kemudian rasa sakit akan melahirkan memaksanya (bersandar) pada pangkal pohon tamar, dia (Maryam) berkata "Wahai, betapa (baiknya) aku mati sebelum ini, dan aku menjadi seorang yang tidak diperhatikan dan dilupakan," (surah Maryam: 23).

"Maka dia (Jibril) berseru kepada dia dari tempat yang rendah" Janganlah engkau bersedih hati "Sesungguhnya Tuhanmu telah menjadikan anak sungai di bawahmu," (surah Maryam: 24).

"Dan goyanglah pangkal kurma itu ke arahmu, nescaya (pohon) itu menggugurkan buah tamar yang masak kepadamu," (surah Maryam: 25).

Dalam keadaan demikian, di bawah gawang langit terbuka, di tengah sawang padang pasir nan luas terbentang, tanpa ditemani manusia pun hatta seorang, melainkan takwa yang menyambut kelahiran seorang anak bayi lelaki suci di Bethlehem, Palestin.

Kelahiran manusia luar biasa yang ketiga selepas kejadian Nabi Adam a.s tanpa ibu dan bapa, disusuli penciptaan Hawa a.s tanpa ibu dan kelahiran Isa a.s anak Maryam tanpa bapa sememangnya melengkapkan formula sifir tanpa usur sihir yang menyitir hakikat kejadian insan-insan hebat dan berpengaruh besar dalam jagat dunia.

Generasi Melayu baharu dididik berjiwa kental melalui resipi butir nako ini persis kekentalan jiwa Maryam berdepan dengan qada' mubram. Tindakan nenek memasukkan satu per satu doh bundar berwarna hijau ke dalam periuk berisi air panas untuk direbus sehingga empuk diperhatikan dengan teliti oleh cucunya dengan mata yang tertanya-tanya bagaimakah cara untuk mengetahui ia sudah masak?



5 Doh yang telah masak akan terapung.

"Kebenaran pasti terapung." Jawapan nenek diikuti oleh butir-butir hijau itu timbul satu demi satu di permukaan didihan air. Itulah keyakinan Maryam akan hak mengatasi batil yang dihakimi oleh Allah Maha Adil.

Apabila butir-butir doh hijau itu sudah timbul, ia terus dicedok dan dimasukkan ke dalam bekas yang berisi air suam sementara kuah butir nako disiapkan.

Arca kesucian Maryam sekali lagi digaris bawahkan dengan pantulan warna putih bersih secawan santan pekat, secubit garam, satu setengah sudu teh halba dan gula sesedap rasa dibaurkan bersama-sama dan dimasak hingga mendidih dengan api perlahan agar tidak sampai pecah minyak. Ya, sekali lagi metafora kepanasan ditekankan bagi maksud memperincikan buat kesekian kali akan kegetiran perasaan Maryam ketika berhadapan ujian.



6 Doh yang telah masak dimasukkan ke dalam bekas berisi air suam.

7 Santan, halba, gula dan garam dibaurkan bersama.

Setengah sudu teh halba itulah simbolik titik-titik kegundah-gulanaan Maryam bermukim dijiwa. Semakin dekat waktu bersalin, semakin hebat penderitaan batin yang dideritanya, sehingga makan dan minum tidak berasa enak lagi bak duri menyekam. Maryam pun memilih diam sebagaimana difirmankan Allah SWT:

"Maka makan, minum dan bersenang hatilah engku. Jika engku melihat seseorang (yang datang) maka katakanlah, "Sesungguhnya aku telah bernazar berpuasa untuk Tuhan yang Maha Pengasih, maka aku tidak akan berbicara dengan sesiapa pun pada hari ini." (surah Maryam: 26).

Apabila aroma dua helai simpulan daun pandan meruap-ruap itu petanda kuah sudah masak. Nenek meminta tolong cucunya mencedok dan mengetoskan butir-butir nako lalu dimasukkan ke dalam kuah santan berhalba yang sudah pun disediakan di dalam mangkuk nan elok untuk dihidangkan.

Sempurna satu resipi tradisi pusaka warisan bahari orang tua-tua yang warak lagi bijak bestari menjadi hidangan sampingan dalam apa jua acara santai mahupun rasmi, untuk dinikmati kelazatan jasmani dan untuk dimanfaatkan pengajaran rohani demi memurnikan akal bestari dan akal budil watan kontemporari. ■



8 Butir-butir nako dimasukkan ke dalam kuah untuk dihidangkan.

MIN HOUSE CAMP

KEM PENGINAPAN SURI LESTARI

Oleh: Mustaqim Amir Azuari Mohamed
Foto: Ahmad Na'ime Muhammad

Kampung Pulau, Kubang Kerian, Kelantan masih dikelilingi kedamaian desa serta keindahan alam semulajadi. Di situ juga terletaknya Min House Camp, sebuah kem penginapan yang sesuai bagi warga kota melepaskan tekanan dan mencari ketenangan. Penginapan yang disediakan membolehkan mereka berasa seperti berada di rumah sendiri kerana dilengkapi peralatan rumah seperti dapur dan mesin basuh.

Kem penginapan yang diusahakan oleh Wan Noriah Wan Ramli bersama suaminya, Muhamad Zanini Mahamood ini dibuka pada tahun 2010, namun mula beroperasi secara aktif pada tahun 2012. Pada awalnya, Min House Camp dibina untuk penginapan keluarga tanpa niat menjadikannya sebagai perniagaan keluarga. Ia ditubuhkan demi anak kelima mereka iaitu Abdul Muhammin yang merupakan orang kelainan upaya (OKU).

"Sebenarnya kami bina penginapan bagi membolehkan kami tinggal bersama Min (Abdul Muhammin) di tanah pusaka ini. Sebab dia lebih suka habiskan masa di sebuah dangau di sini berbanding di rumah kami. Selepas letak jawatan di Universiti Sains Malaysia (USM) Kubang Kerian, saya dan suami ambil keputusan bina penginapan di sini."

"Pada mulanya saya terima pengunjung sebab mahu bantu keluarga pesakit yang hadapi masalah cari penginapan sepanjang pesakit dirawat di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM). Namun selepas ramai rakan beri cadangan untuk buat kem penginapan, maka tertubuhlah Min House Camp. Kebanyakan kenalan akan cakap 'mahu ke rumah Min' jika mahu ke sini, dan dari situlah datangnya nama kem penginapan ini," kata bekas Penolong Pegawai Tadbir Kanan, USM, Kubang Kerian ini.

Wan Noriah
Wan Ramli





Melihat kelip-kelip merupakan satu tarikan dan aktiviti yang disediakan.



Jeti disediakan bagi memudahkan aktiviti sungai.

Min House Camp menyediakan pakej penginapan fleksibel untuk golongan berpendapatan tinggi, sederhana atau rendah. Kemudahan penginapan yang disediakan adalah dua unit rumah tiga bilik, dua unit rumah dua bilik, tiga unit chalet, dua unit chalet buluh dan empat unit dormitori. Turut disediakan adalah dua tapak perkhemahan berasingan untuk lelaki dan wanita yang mampu menampung sehingga 250 pengunjung pada satu-satu masa secara keseluruhan. Lain-lain kemudahan adalah seperti surau, tandas dan tempat makan dengan pemandangan sungai yang mendamaikan jiwa.

AKTIVITI

Kebanyakan aktiviti darat dan sungai disediakan di Min House Camp adalah berkaitan alam semulajadi dan kehidupan desa yang boleh dilakukan secara berkumpulan atau bersendirian. Aspek keselamatan amat dititik beratkan dalam setiap aktiviti dan pihak kem telah menetapkan beberapa peraturan yang perlu dipatuhi. Antaranya, pengunjung perlu mendaftar dengan Min House Camp jika mahu menjalani aktiviti di sungai. Pengunjung akan diberikan taklimat keselamatan terlebih dahulu termasuk pemakaian jaket keselamatan dengan betul sebelum turun ke sungai. Pengunjung juga mesti diiringi oleh kakitangan kem penginapan ini ketika melakukan apa-apa aktiviti sama ada di darat atau di sungai.

Aktiviti sungai dikawal selia oleh anak ketiga Wan Noriah iaitu Zul Aiman yang memiliki Lesen Penyelamat




Kelemasan Malaysia serta mendapat kerjasama dari-pada Persatuan Kayak Negeri Kelantan dan penduduk kampung. Antara aktiviti yang disediakan adalah kutip lokan dan pucuk tumbuhan. Pengunjung juga berpeluang mengenali pokok nipah serta sagu, malah boleh belajar membuat atap nipah.

"Melalui aktiviti darat pula, pengunjung boleh mengenali pokok beluru yang boleh digunakan sebagai syampu tradisional dan bijinya boleh dibuat permainan seperti yoyo. Kakitangan kami boleh ajar mereka bagaimana untuk membuatnya. Mereka juga boleh melawat kebun sayur organik dan mengenal pokok-pokok sayuran yang ditanam menggunakan bahan kompos sepenuhnya. Untuk aktiviti perkhemahan, kami banyak dibantu oleh Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Kelantan," jelas Wan Noriah.

KELIP-KELIP

Antara aktiviti sungai yang popular di Min House Camp adalah melihat kelip-kelip bermula selepas waktu Isyak dan berakhir sebelum pukul 11 malam pada bulan November hingga Oktober setiap tahun. Aktiviti ini ditutup sepanjang musim tengkujuh, iaitu November hingga Januari atas faktor semulajadi dan keselamatan sama seperti dilaksanakan di Pulau Perhentian.

"Februari merupakan waktu paling sesuai melihat kelip-kelip kerana ketika itu serangga ini membiak. Kebiasaan kelip-kelip membiak di kawasan berselut di pangkal pokok berembang.



Sudut beristirahat di bawah rimbunan hijau.

Laman perkhemahan disediakan bagi aktiviti darat.

"Pada tahun 2013, kerajaan negeri Kelantan menganjurkan gotong-royong menanam pokok berembang di kampung ini, melibatkan semua jabatan. Alhamdulillah, kelip-kelip makin meriah selepas itu dan kami juga tanam sendiri pokok berembang di sekitar kawasan ini," katanya.

Menurut Wan Noriah, pakej melihat kelip-kelip secara tidak langsung mewujudkan persaingan sihat di antara Pulau Perhentian dan Min House Camp. Bagaimanapun aktiviti berkaitan alam semulajadi, kehidupan desa dan perusahaan lebah kelulut memberi kelebihan kepada Min House Camp. Ia juga mendorong Pulau Perhentian menjadikan Min House Camp sebagai rakan industri.

"Kebanyakan pengunjung yang datang adalah pelancong luar negara yang menuju ke Pulau Perhentian. Mereka singgah di Min House Camp untuk menjalani aktiviti dan selepas menginap beberapa hari, kami akan hantar ke Pulau Perhentian. Ada juga pelancong singgah di sini untuk menjalani aktiviti selepas menginap di Pulau Perhentian. Alhamdulillah, kerjasama yang dijalankan dengan Pulau Perhentian dan penduduk kampung menyumbang sesuatu yang lebih positif dalam industri pelancongan negara," tambah Wan Noriah.

HOTEL HIJAU

Amalan kitar semula secara konsisten di Min House Camp membolehkan amaun sisa buangan diminimumkan dan diurus secara sistematis.

Kem penginapan ini pernah ditawarkan kemudahan tong sampah besar namun menolak kerana dirasakan tidak perlu berikutan amaun sisa buangan sangat kecil. Di samping itu, pihak kem dapat menggalakkan pengunjung menjadikan kitar semula sebagai amalan hidup mereka.

Wan Noriah menjelaskan, kebanyakannya sisa buangan dikitar semula sebagai bahan kompos untuk penanaman sayuran di kebun sayur organik. Sisa buangan yang tidak boleh dikitar semula dibuang dalam tong sampah di luar kawasan kem penginapan. Min House Camp turut mengelak pembakaran terbuka untuk menjaga keselamatan lebah kelulut yang diternak di sekitar kem penginapan ini serta memastikan kualiti udara sentiasa berada pada tahap terbaik.

"Amalan kitar semula secara konsisten membolehkan Min House Camp menerima pengiktirafan Green Hotel daripada Kementerian Pelancongan pada tahun 2016. Ia merupakan penerapan Green Hotel di Kelantan sekali gus yang pertama di bawah kategori hotel bajet. Kami turut menerima pengiktirafan Suri Lestari daripada kerajaan negeri Kelantan yang disampaikan oleh Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan, Hjh. Mumtaz Md Nawi serta Ikon Usahawan daripada Menteri Besar Kelantan, Dato' Ahmad Yakob pada awal tahun 2017," katanya.

MESRA OKU

Bersesuaian dengan sejarah penubuhannya, Wan Noriah dan Muhamad Zanini berusaha menjadikan Min House Camp mesra OKU. Ini termasuk menyediakan pakej khas untuk OKU termasuk pelajar-pelajar OKU dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) untuk menjalani latihan praktikal. Laluan berbatu disediakan di kebun sayur organik agar boleh dilalui oleh OKU walaupun berkerusi roda atau bertongkat.

"Kami mempunyai pekerja tetap OKU termasuk Min. Bagi saya Min boleh menjadi contoh kepada anak-anak OKU lain kerana beliau ada kebolehan serta kelebihan tersendiri, terutama naluri ke-prihatinan tinggi selain boleh mengendalikan kayak. Pesanan saya kepada ibu bapa yang ada anak OKU, berilah peluang untuk anak-anak kita menunjukkan kebolehan mereka dan anggaplah mereka seperti anak normal yang lain. Kita cuma perlu perhati dan kenal pasti kelebihan itu dan latih anak-anak OKU untuk menggunakan ke arah yang bermanfaat," pesan Wan Noriah.

PERUSAHAAN LEBAH KELULUT

Perusahaan madu kelulut merupakan produk terkenal Min House Camp di peringkat global dan Persatuan Lebah Dunia dan peminat-peminat lebah seluruh dunia telah berkunjung ke kem penginapan ini untuk melihat sendiri lebah kelulut. Ini kerana lebah kelulut hanya terdapat di negara beriklim khatulistiwa dan tidak dapat hidup di negara empat musim. Satu lagi keunikan lebah kelulut yang membuatkan ramai pelancong luar negara teruja untuk melihatnya adalah ia tidak menyengat seperti manfaat lebah biasa.



Lebah kelulut mampu menghasilkan madu yang berkhasiat dan bermanfaat.

Menurut Wan Noriah, Min House Camp merupakan antara pengusaha terawal madu kelulut di Kelantan dan ia sebenarnya bermula daripada usaha USM, Kubang Kerian. Pada September 2010, Prof. Siti Amrah Sulaiman telah menjemput Ketua Jabatan Kehutanan Universiti Hassanuddin Sulawesi, Prof. Mappatoba Sila untuk menjalankan kajian berkaitan madu tualang bersama-sama USM, Kubang Kerian, Agromas dan FAMA Kelantan. Sepanjang tiga bulan berada di Kelantan, Prof. Mappatoba bersama isterinya, Ibu Maryam telah ditempatkan di Min House Camp bersesuaian dengan permintaannya sendiri.

"Sepanjang menginap di sini, Prof. Mappatoba ajar saya cara menternak lebah kelulut dan Ibu Maryam ajar cara memproses madu kelulut. Bila saya berjaya, beliau minta saya ajarkan kepada orang lain dan dari situ kami bekerjasama dengan USM Kubang Kerian serta MARDI Serdang untuk beri kursus kepada 30 penduduk dengan dikendalikan sendiri oleh Prof. Mappatoba," ujar Noriah.

"Prof. Mappatoba berkunjung ke sini pada setiap tahun dan semasa kunjungannya pada tahun 2011, beliau minta saya mohon status halal daripada JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia). Alhamdulillah, pada tahun 2012 kami menerima pengiktirafan Halal untuk madu kelulut keluaran Min House Camp. Kami juga terima pengiktirafan MeSTI daripada Kementerian Kesihatan dan 1Malaysia Best daripada FAMA," katanya.

Kini madu kelulut keluaran Min House Camp telah diserap untuk kajian terhadap pesakit di USM, Kubang Kerian. Manakala dalam sudut perniagaan, produk madu kelulut Min House Camp hanya dijual di kem penginapan ini termasuk disertakan dalam pakej penginapan. Ia banyak dibeli oleh pelancong luar negara kerana tidak terdapat di negara mereka.



BANTU EKONOMI SETEMPAT

Operasi Min House Camp diasaskan untuk membantu ekonomi setempat dan kerana itu ia tidak mempunyai kafe sendiri. Masakan dihidangkan buat pengunjung diambil daripada penduduk kampung seperti menu nasi kerabu. Andai pengunjung mahu lauk seperti ketam dan udang, pengurusan kem penginapan ini akan minta penduduk kampung mencarinya dan dijual di Min House Camp. Bagi yang ingin menikmati lokan tanpa menyertai aktiviti, penduduk kampung akan diupah untuk kutip lokan.


"Jika pengunjung mahu bersarapan, kami cadangkan mereka ke kedai makan di sekitar kampung ini supaya mereka dapat merasai sendiri kehidupan kampung. Kami siapkan basikal jika tiada kenderaan sendiri. Kedai-kedai di kampung ini juga boleh disinggah melalui jalan air, iaitu dengan menaiki perahu dan ia sangat digemari oleh pelancong luar negara."

"Kami kurangkan pencahayaan daripada sumber elektrik di kem penginapan ini. Hanya pasang lampu ketika perlu. Jadi suasana malam di Min House Camp sentiasa suram untuk menjaga pembiakan kelip-kelip dan lebah kelulut. Kami juga guna sistem solar yang dibina oleh Zul Aiman dan ia memang menjimatkan. Selain itu, kami juga memiliki lima motosikal serta satu 'tut tut' yang menggunakan kuasa elektrik. Pelancong yang datang dengan bas akan turun di kawasan masjid dan kami ambil mereka dengan 'tut tut'. Ia memberi satu pengalaman baharu kepada mereka," katanya.

DATO' NIK ABDUL KADIR NIK MOHAMAD

Perjalanan hidup bersulam agama

Oleh: M Faqih Foto: Ahmad Na'ime Muhammad



Membesar dalam keluarga yang kuat pegangan agama telah membentuk peribadi Timbalan Mufti Negeri Kelantan, Dato' Nik Abdul Kadir Nik Mohamad sebagai muslim cemerlang. Datuknya merupakan imam di masjid Pasir Pekan, manakala bapanya, Nik Mohamad Wan Abdul Rahman adalah guru agama.

Nik Mohamad pernah menuntut di Masjid Muhammadi dan pernah berguru dengan dua tokoh ulama terkenal di negeri ini iaitu Haji Muhammad Yusuf Ahmad atau Tok Kenali dan Haji Mohd Ali Solahuddin atau Tok Pulau Pisang. Bapa kepada Timbalan Mufti ini juga merupakan guru agama yang menerima tauliah dari Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan dan pernah mengajar di sekolah agama Arab Lati Pasir Mas, dan Sekolah Arab Falahiah Pasir Pekan (sebelum diambil alih oleh Kementerian Pelajaran Malaysia).

Nik Abdul Kadir dilahirkan pada 19 Mei 1940 di Kampung Pasir Pekan dan kini menetap di Kota Kubang Labu, Wakaf Bharu, Kelantan. Beliau menerima Pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Pasir Pekan sehingga darjah lima, kemudian menyambung pelajaran di Jamie' Merbau bermula darjah satu pada tahun 1955 sehingga ke darjah Sembilan pada tahun 1962.

Antara pencapaian beliau adalah dinobatkan sebagai Tokoh Hijratul Rasul Negeri Kelantan pada tahun 2009 dan menerima pingat yang membawa gelaran Dato' daripada Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V pada tahun 2010.



Sikap peramah Dato' Nik Abdul Kadir begitu jelas ketika ditemuramah oleh krew Qiadah.

NAIK KAPAL LAUT KE MEKAH


Selepas menerima sijil thanawi, beliau mengajar sementara di Sekolah Kebangsaan Kutan. Tidak lama kemudian Nik Abdul Kadir melanjutkan pengajian ke Mesir dalam bidang Usuluddin bermula tahun 1964 sehingga tahun 1968.

"Saya ke Mekah dalam perjalanan ke Mesir menaiki kapal laut dan pelayaran bermula di Pulau Pinang ketika musim haji. Jadi saya berkesempatan untuk singgah di Mekah bagi menunaikan ibadat haji dan bersama beberapa rakan yang berada di Arab Saudi

berkesempatan melawat Baitulmaqdis di Palestin. Ketika itu Palestin di bawah kuasa Jordan. Tiga hari saya berada di Baitulmaqdis dan saya lihat tidak ramai penduduk Palestin mengimarahkan Masjid al-Aqsa. Hanya imam, bilal dan beberapa ahli rombongan Malaysia menunaikan solat berjemaah di Masjid al-Aqsa ketika itu," kata Nik Abdul Kadir membuka cerita.

Berdasarkan pemerhatiannya, Timbalan Mufti ini berpendapat, amalan Islam lebih kuat di Nusantara berbanding Tanah Arab. Keadaan di Palestin tidak jauh berbeza dengan Mesir yang ketika itu diperintah oleh presiden keduanya, Gamal Abdel Nasser.

"Keadaan di Mesir ketika itu tidak sebagaimana disangka. Suasana beragama hanya boleh ditemui di Universiti al-Azhar dan rakyat tempatan lebih banyak menghabiskan masa di panggung wayang. Bagaimanapun suasana di kawasan kampung agak berbeza dengan lebih ramai penduduk menghidupkan amalan Islam," katanya.



Buku sentiasa menjadi teman karib dalam membuat rujukan bagi menjawab persoalan agama.

MUDIR PALING LAMA BERKHIDMAT

Selepas kembali ke tanah air, Nik Abdul Kadir memulakan karier perguruan di Maktab Pengajian Islam Jalan Bayam yang ketika itu masih berstatus Sekolah Agama Rakyat (SAR). Kemudian beliau bertukar ke Sekolah Naim Lilbanat selama setahun lebih. Selepas itu, beliau menabur bakti pula di Sekolah Menengah Ugama Sulaimiah, Bunut Payong.

Pada pertengahan tahun 1972, Nik Abdul Kadir dilantik sebagai guru di Maahad Muhammadi di Jalan Merbau, Kota Bharu. Ketika itu Maahad Muhammadi masih digabungkan antara lelaki dan perempuan. Dua tahun selepas mengajar di sekolah tersebut, beliau telah dilantik sebagai pemangku Mudir Maahad Muhammadi.

"Ketika saya jejak kaki ke Maahad Muhammadi, peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) baru diperkenalkan. Sebelum itu pelajar hanya belajar mata pelajaran agama dan Bahasa Arab bermula darjah satu hingga sembilan dan mereka boleh dapat sijil empat thanawi.

Selepas itu pelajar boleh menyambung pelajaran ke Mesir. Pelajar yang mahu menduduki SPM terpaksa ambil secara persendirian dan ketika itu, pelajar Maahad Muhammadi juga boleh melanjutkan pelajaran ke Madinah dengan mendapat perakuan daripada Yayasan Islam Kelantan (YIK)," katanya ketika ditemui di Jabatan Mufti Negeri Kelantan di Balai Islam, Lundang.

Nik Abdul Kadir mencatat sejarah sebagai mudir dan tenaga pengajar paling lama berkhidmat di Maahad Muhammadi. Ketika Maahad Muhammadi Lelaki dipindahkan ke Jalan Pengkalan Chepa bermula 6 Januari 1984, Nik Abdul Kadir diberi tanggungjawab untuk mentadbir sekolah itu. Beliau kekal sebagai mudir Maahad Muhammadi Lelaki sehingga tahun 1994.

DILANTIK SEBAGAI TIMBALAN MUFTI

Selepas 11 tahun bersara daripada perkhidmatan kerajaan dan memberi tumpuan penuh dalam bidang dakwah, Nik Abdul Kadir telah mendapat perkenan Sultan Kelantan untuk dilantik sebagai Timbalan Mufti Negeri Kelantan pada tahun 2010.

"Saya tidak menyangka dilantik sebagai Timbalan Mufti yang bertanggungjawab sebagai pembantu mufti dalam semua perkara berkaitan fatwa-fatwa agama dan sebagainya. Selain itu, saya turut menjadi pembantu menyelesaikan menjawab persoalan agama. Setiap hari ada orang datang ke Jabatan Mufti untuk bertanya masalah agama terutama berkaitan percerai dan masalah rumah tangga. Saya perlu selesaikan dan beri kaunseling kepada pasangan yang

"Apabila Allahyarham Tok Guru (Nik Abdul Aziz) jadi Menteri Besar, beliau amal syariat Islam dalam pentadbiran kerajaan negeri. Cuma orang ramai tidak sedar kerana hanya nampak hudud sebagai pelaksanaan Islam sedangkan banyak aspek lain telah dilaksanakan. Saya kagum dengan Tok Guru dan saya gelar beliau sebagai mujadid kerana beliau telah mengembalikan pelaksanaan hukum Fiqah dalam pentadbiran yang sebelum ini ditinggalkan. Beliau utamakan soal halal dan haram dan apa yang wajib dilaksanakan oleh pemerintah mengikut Islam."

Selepas 22 tahun berkhidmat, beliau dilantik sebagai Penolong Pengarah YIK bermula tahun 1995 sehingga beliau mengambil pencen wajib pada tahun 1995 ketika berusia 55 tahun. Namun YIK enggan melepaskan beliau dan perkhidmatannya disambung sehingga tahun 1999.

BANGGA DENGAN PENCAPAIAN MAAHAD MUHAMMADI

Ketika aliran sains mahu diperkenalkan di Maahad Muhammadi, ada pihak tidak bersetuju kerana bimbang matlamat melahirkan ustaz dan ulama, terencat dengan pengenalan subjek selain berteraskan agama. Namun idea itu diteruskan dengan sokongan mantan Menteri Besar, Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat dan ia direalisasikan pada tahun 1992.

"Hasilnya kita boleh lihat sendiri pada hari ini. Ramai pelajar lepasan Maahad Muhammadi menjadi golongan profesional termasuk doktor perubatan. Tidak kurang pula mereka yang menjadi pensyarah di Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan banyak universiti lain. Maahad Muhammadi memberi sumbangan besar kepada perkembangan syiar Islam dan saya puas hati dengan kejayaan itu." katanya.

datang. Saya puas hati mereka datang dengan masalah dan pulang dengan perasaan gembira dan senyum," jelas beliau.

SERAMBI MEKAH

Ditanya berkenaan jolokan Kelantan Serambi Mekah, Nik Abdul Kadir mengatakan ia semakin marak dilaksanakan oleh kerajaan negeri Kelantan di bawah kepimpinan ulama. Walaupun jolokan itu sudah lama diberikan, namun sekarang ini syiarnya dilihat semakin rancak disebabkan sistem pentadbirannya berteraskan Islam.

"Apabila Allahyarham Tok Guru (Nik Abdul Aziz) jadi Menteri Besar, beliau amal syariat Islam dalam pentadbiran kerajaan negeri. Cuma orang ramai tidak sedar kerana hanya nampak hudud sebagai pelaksanaan Islam sedangkan banyak aspek lain telah dilaksanakan. Saya kagum dengan Tok Guru dan saya gelar beliau sebagai mujadid kerana beliau telah mengembalikan pelaksanaan hukum Fiqah dalam pentadbiran yang sebelum ini ditinggalkan. Beliau utamakan soal halal dan haram dan apa yang wajib dilaksanakan oleh pemerintah mengikut Islam."

“Suasana di Kelantan lebih baik berbanding tempat lain dalam pelbagai aspek terutama dalam aspek pemakaian wanita yang rata-rata bertudung dan kita dapat lihat bilangan perokok sudah berkurangan di negeri ini. Bermakna sudah ada kesedaran dalam kalangan rakyat. Ia memerlukan keazaman yang tinggi bagi membolehkan Islam terus berkembang dalam pentadbiran kerajaan.”

“Usaha memperkasa pelaksanaan Islam di negeri Serambi Mekah pada era pentadbiran Tok Guru begitu hebat tetapi ramai tidak sedar dan menganggap sebagai perkara kecil. Antaranya langkah memindah akaun simpanan tetap kerajaan negeri daripada bank konvensional kepada Bank Islam. Tok Guru cukup yakin dan berani melakukan perubahan mengikut acuan Islam dan itu melayakkan beliau digelar seorang mujadid,” katanya.

KERJASAMA DEMI MANFAAT RAKYAT

Pertikaian mengenai hubungan kerjasama antara kerajaan negeri Kelantan dengan kerajaan Pusat turut menarik perhatian Nik Abdul Kadir yang berpandangan, ia adalah wajar demi manfaat rakyat. Menurutnya, Menteri Besar, Dato' Bentara Kanan Haji Ahmad Yakob dilihat tidak beremosi dan bersederhana. Aspek berkenaan menjadikan beliau orang paling layak mewarisi legasi kepimpinan Allahyarham Tok Guru.

Timbalan Mufti Kelantan itu turut menyifatkan Ahmad sebagai mempunyai latar belakang Islam yang kuat. Beliau memberitahu, ayah kepada Menteri Besar Kelantan dikenali sebagai Tok Guru Haji Kob dan mempunyai sebuah pondok pengajian Islam.

“Saya lihat beliau sebagai seorang pemimpin yang ikhlas. Saya harap di bawah kepimpinan beliau, kerajaan negeri dapat mempertingkatkan usaha mengatasi gejala sosial termasuk penyalahgunaan dadah di Kelantan. Selain itu saya cadangkan program Bulan Sembahyang dipertingkatkan dengan penglibatan anggota masyarakat secara lebih menyeluruh. Ada kesan apabila pemimpin utama negeri ambil berat mengenai solat. Boleh juga pertimbangkan supaya imam masjid daftar ahli jemaah yang boleh menyemarakkan peranan institusi masjid,” katanya.

Beliau turut menyeru kerajaan negeri dapat mempertingkatkan aspek penguatkuasaan, misalnya pihak berkuasa tempatan boleh ambil tindakan terhadap perlakuan kurang sopan berdasarkan bidang kuasa sedia ada. Tindakan berkenaan perlu dilakukan secara berterusan.

SEJAHTERA BERSAMA ISLAM

Beliau mengakui kerajaan negeri sedang bergerak ke arah Sejahtera Bersama Islam dan agensi pelaksana perlu menguatkuaskan peraturan sedia ada. Katanya, dasar yang ditetapkan oleh kerajaan negeri sudah cukup cantik, maka kempen kesedaran amat penting dijalankan bagi membolehkan orang ramai faham tentang kebaikan Islam.

“Suasana di Kelantan lebih baik berbanding tempat lain dalam pelbagai aspek terutama dalam aspek pemakaian wanita yang rata-rata bertudung dan kita dapat lihat bilangan perokok sudah berkurangan di negeri ini. Bermakna sudah ada kesedaran dalam kalangan rakyat. Ia memerlukan keazaman yang tinggi bagi membolehkan Islam terus berkembang dalam pentadbiran kerajaan,” kata beliau ketika mengakhiri perbualan.

KEHIDUPAN KELUARGA

Perkongsian hidup Nik Abdul Kadir bersama isteri, Nik Azizah binti Daud telah diserikan oleh lima orang cahaya mata yang berpendidikan Islam. Nik Abdullah yang merupakan anak sulung, berkelulusan dalam bidang lughah (bahasa) dari Jordan dan kini menjadi pensyarah di Institut Aminuddin Baki. Anak kedua pasangan ini, Nik Abdul Rahman juga berkelulusan dalam bidang lughah dari Mesir dan kini mengusahakan kedai seni khat di Jalan Merican, Kota Bharu.

Anak ketiga pula, Nik Munir mempunyai kelulusan dalam bidang agama dari Jordan dan kini bertugas sebagai guru di Maahad Amir Indra Petra, Bachok. Anak keempat, Nik Fatimah Azzahra pula merupakan seorang graduan pengajian Islam, UM dan bertugas sebagai guru di Maahad Muhammadi, Pasir Pekan. Anak bongsu mereka, Nik Muhammad adalah graduan Akademi Islam, UM dan kini mengusahakan perniagaan dalam bidang teknologi maklumat (IT). ☩



Oleh: Mustaqim Amir Azuari Mohamed
Foto: Ahmad Nai'me Muhammad



Kesukaran dihadapi rakan sekerja yang terhimpit dengan kesibukan kerja sehingga membataskan masa untuk memasak juadah buat keluarga mendorong niatnya untuk menghulurkan bantuan. Malah dalam tidak sedar, ia turut menjadi penyuntik kepada kelahiran sebuah jenama pes masakan yang kini semakin dikenali. Chef Ustazah lahir daripada rasa simpati yang disulami minat serta keringat dengan membawa matlamat selari dengan slogannya, iaitu 'Kini Semua Boleh Memasak'. Bukan hanya golongan profesional dalam kesibukan kerja, malah golongan bujang turut menerima manfaatnya.

Pada tahun 2009, berlaku krisis kewangan global dan Malaysia turut merasa tempiasnya. Ketika itulah pes masakan Chef Ustazah diperkenalkan dan sememangnya ia membantu banyak pihak terutama mereka yang telah berkeluarga untuk berjimat cermat dengan menyediakan sendiri masakan di rumah.

Di sebalik nama yang semakin dekat di hati masyarakat dan manfaat dibawa, jenama Chef Ustazah mempunyai cerita tersendiri yang perlu diketahui serta diteladani. Kisah jerih perih dan kekentalan jiwa seorang bekas pensyarah bersama suaminya dalam usaha mereka menaikkan jenama serta membina sebuah perniagaan. Bagaimana mereka terus berjuang di saat hampir mengalah serta pengorbanan mereka untuk menjadikan Chef Ustazah sebagai jenama yang dikenali.

ASAL USUL

Nama Chef Ustazah dilinspirasikan oleh Wan Habsah binti Wan Ahmad. Perkataan Chef secara jelas merujuk minat serta penglibatannya dalam bidang masakan yang mana beliau turut mengendalikan beberapa kelas masakan dengan menyediakan beberapa modul untuk dipelajari. Ustazah pula merujuk kerjaya asalnya iaitu pensyarah dalam bidang keagamaan dan penglibatannya dalam bidang dakwah Islamiah. Secara tidak langsung nama Chef Ustazah membawa mesej, duniawi dan ukhrawi tidak boleh dipisahkan serta perlu bergerak seiring dalam apa juga keadaan.

Menurut Wan Habsah, idea untuk membuat pes masakan sebenarnya bermula ketika beliau mengikuti pengajian di Universiti Mu'tah, Jordan berikutan kesukaran mendapatkan bahan-bahan mentah untuk memasak masakan Melayu di negara itu. Salah satu jalan penyelesaiannya adalah dengan mengeringkan bahan-bahan seperti serai dan bawang untuk dibawa ke negara berkenaan. Ia turut disuntik oleh kepakaran ibunya, Rokiah Che Seman dalam menyediakan bekalan untuk orang yang ingin ke luar negara.

Dengan kata lain, ibunya sudah lama membuat pes masakan dan uniknya, bekalan disediakan lengkap dengan lauk-pauk seperti kerutuk, tumis nasi kerabu, gulai kawah atau gulai kurma yang dibekukan dan tahan lama. Dari situ beliau terfikir, kenapa beliau tidak



Proses pembungkusan sedang dijalankan.



Penglibatan Wan Hasbah dalam dunia penerbitan siaran media telekomunikasi.



membuat produk seperti itu untuk diniagakan sedangkan ibunya sendiri sudah lama mempunyai kepakaran untuk menghasilkan produk berkenaan.

"Dulu saya buat produk pes masakan secara 'home-made' dan pada suatu ketika saya terfikir, sampai bila ia akan berada pada tahap itu. Tambahan pula tanpa pensijilan halal, produk saya tidak dapat masuk pasar raya sekali gus menyukarkan pengguna untuk mendapatkannya. Keadaan itu menyukarkan produk saya menembusi mana-mana pasaran komersial dan hanya boleh dijual melalui ejen serta dalam talian (online)," katanya memulakan cerita.

Nama Wan Habsah dan Chef Ustazah mula dikenali selepas seorang penerbit rancangan Selamat Pagi Malaysia siaran RTM membeli pes masakannya dan cuba memasaknya di rumah. Ia menjadi dan ternyata mudah untuk disediakan sekali gus menggembirakan penerbit itu. Dari situ Wan Habsah menerima tawaran untuk muncul dalam slot 10 minit rancangan Selamat Pagi Malaysia. Itu merupakan kali pertama beliau muncul di kaca televisyen dan selepas ia tersiar, beliau menerima 45 panggilan dalam masa sejam daripada orang ramai yang ingin tahu berkenaan produknya.

"Masa itu orang ingat saya sudah ada kilang besar sedangkan saya hanya memasak di rumah. Bermula dari situ saya dapat tawaran untuk muncul buat kali kedua dalam Selamat Pagi Malaysia, kemudian ditawarkan untuk mempunyai rancangan sendiri, iaitu Serambi Ustazah yang ditayangkan di RTM 1 pada tahun 2000 dalam bulan Ramadan. Kelainan dalam program masakan kendalian saya ialah memasak sambil berdakwah yang mana saya memberi tazkirah serta berkongsi doa-doa sambil memasak. Ternyata ia disukai ramai dan membawa banyak manfaat.

"Alhamdulillah rancangan yang disiarkan pada tahun 2010 itu mendapat sambutan dan permintaan tinggi serta diulang tayang sehingga tahun 2016. Cuma kekangan bajet pihak berkenaan menjadi halangan untuk pembikinan musim baharu Serambi Ustazah. Selain itu, saya pernah muncul dalam rancangan Apa Kata Wanita, Forum Perdana Hal Ehwal Islam, Ceramah Pilihan siaran Radio Malaysia Kota Bharu (RMKB), Laziz Jiddan sebanyak 13 episod siaran TV Al-Hijrah pada tahun 2016, Malaysia Hari Ini siaran TV3 dan Assalamualaikum juga disiarkan di TV Al-Hijrah," katanya.

LATAR BELAKANG

Wan Habsah dilahirkan di Bunut Payong dalam sebuah keluarga yang mementingkan aspek keagamaan. Kemudian keluarganya berpindah dan menetap di Seri Cemerlang, Kota Bharu. Beliau mula menerima pendidikan agama secara formal di Sekolah Menengah Agama (Arab) Ma'had Muhammadi (Perempuan) sebelum menerima pendidikan tinggi di Maktab Perguruan Mohd Khalid, Johor Bahru. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Universiti Mu'tah, Jordan dalam bidang Syariah dan Pengajian

Islam dan seterusnya meneruskan pengajian pada peringkat Master di Universiti Malaya, juga dalam bidang Syariah dengan pengkhususan Ilmu Fiqh.

Selepas menamatkan pengajian, beliau bergiat aktif dalam NGO Islam sebagai penganalisis dan pernah menjawat jawatan pensyarah dalam bidang agama di Universiti Teknologi Mara (UITM) selama empat tahun sebelum mengambil keputusan meletakkan jawatan bagi memberi fokus kepada perniagaan Chef Ustazah. Wan Habsah juga merupakan pendakwah bebas dan penceramah tetap di Menara TM sehingga kini. Di facebook, beliau dikenali sebagai sifu atau mentor nasi arab dan melalui kelas serta modul masakannya, beliau telah melahirkan beberapa usahawan berjaya termasuk pemilik restoran Aroma Hijrah dan Nurul Izzah Katering.

Perkongsian hidupnya selama 21 tahun bersama Wan Abdul Fattah telah diserikan dengan kehadiran enam orang cahaya mata, 4 lelaki 2 perempuan.

PAHIT GETIR

Tiada jalan senang untuk berjaya. Wan Habsah dan suaminya, Wan Abdul Fattah bin Hassan pernah hampir mengalah apabila pada suatu ketika, mereka menanggung beban hutang mencécah RM300,000 demi menaikkan nama Chef Ustazah. Namun segalanya dihadapi dengan penuh kesabaran serta sentiasa positif dengan mengatakan "sabar, sedikit lagi mahu berjaya, tabah dan teruskan." Semuanya kerana memikirkan perusahaan ini amat penting bagi mereka terutama setelah kedua-duanya berhenti kerja demi memperjuangkan jenama Chef Ustazah.

"Sebenarnya bermula tahun 2009, kami sudah menghabiskan lebih setengah juta ringgit untuk memajukan perusahaan ini. Semua hasil pendapatan kami dihabiskan untuk meneruskan perusahaan ini. Untuk dapatkan sijil halal sahaja kami terpaksa berbelanja sehingga RM40,000. Bayaran untuk pensijilan halal tidaklah mahal cuma kos yang dikeluarkan untuk ubah suai kilang sehingga menepati spesifikasi yang ditetapkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) agak tinggi. Untuk dapat sijil MeSTI daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) lebih sukar dan menelan kos lebih tinggi kerana melibatkan Standard Operation Procedure (SOP), gerak kerja, aspek kesihatan dan paling penting ialah aspek kebersihan."

TAHUN CEMERLANG

"Alhamdulillah kami berjaya mendapatkan sijil Halal dan MeSTI pada tahun 2017. Pada tahun sama kami berjaya langsahkan semua hutang. Jadi, tahun tersebut merupakan tahun untuk kami mula meraih keuntungan. Sehingga kini 23 daripada 30 produk kami telah menerima sijil Halal dan selebihnya mungkin diperoleh pada Februari 2018. Tahun 2017 merupakan tahun cemerlang bagi Chef Ustazah yang mana kami berjaya menembusi pasaran Singapura. Baru-baru ini kami

berpeluang membawa enam produk untuk proses 'screening' dan kesemuanya diluluskan untuk dipasarkan di negara itu," katanya.

Selain itu, Chef Ustazah turut menerima beberapa anugerah dan pengiktirafan seperti Anugerah Ikon Usahawan daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) pada tahun 2016, memenangi tempat kedua (pes kerutuk) dan tempat ketiga (pes gulai kawah) pada Pertandingan Hasil Asas Tani anjuran Jabatan Pertanian pada tahun 2017. Chef Ustazah juga dipilih sebagai usahawan bimbingan MARDI untuk menyertai Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2017 sebagai salah satu daripada dua calon bagi mewakili Kelantan untuk anugerah inovasi. Namun nasib tidak menyebeli mereka dan Wan Habsah kekal positif dengan mengatakan peluang masih terbuka buat mereka pada tahun 2018.

USAHA MEMPERLENGKAPAN DIRI

Bapanya, Allahyarham Wan Ahmad Wan Yusoff bijak berniaga dan pernah membuka kedai runcit di Bunut Payong, manakala ibunya merupakan pemilik Restoran Berjaya yang pernah beroperasi selama 20 tahun di Kota Bharu. Bagaimanapun menurut Wan Habsah, ibunya tidak mempunyai ilmu untuk menguruskan perniagaan sepertimana dimiliki oleh arwah bapanya.

Kini apabila sudah memiliki perniagaan sendiri, beliau menyedari betapa pentingnya mempunyai ilmu dalam kedua-dua bidang iaitu membuat produk (memasak) dan pengurusan perniagaan. Kerana itu beliau berusaha menimba ilmu dengan memasuki kelas-kelas perniagaan serta belajar menerusi dalam talian. Beliau juga pernah menerima latihan daripada Irfan Khairi dalam teknik perniagaan dalam talian.

Menyedari dirinya tidak mempunyai sijil kulinari, sehingga kini Wan Habsah masih mencari mentor-mentor masakan untuk menambah ilmu dalam pelbagai bidang masakan untuk memperlengkapkan dirinya sebagai seorang chef. Begitu juga dengan produk Chef Ustazah yang mana beliau bersama suami berusaha mempelbagaikan produk. Dan kini dengan kolaborasi bersama seorang pakar homeopathy dari Perak, Chef Ustazah memperkenal IQ Jelly, iaitu makanan kesihatan kanak-kanak yang telah memperoleh pensijilan Halal serta diakui keberkesanannya melalui testimoni pengguna. Turut diperkenalkan adalah produk minuman koko sebagai pelengkap kepada produk Chef Ustazah. 🇲🇾



Pengiktirafan produk halal dan selamat oleh JAKIM dan KKM.



AIR KELANTAN SDN BHD



AKSB

Menerajui
Teknologi Ozon
dalam rawatan air minum

KELEBIHAN:

- # air lebih sedap diminum
- # kandungan oksigen yang tinggi
- # kualiti air minum sangat tinggi
- # tiada penggunaan kimia

Nikmati air minum yang berkualiti tinggi dibangunkan kepada anda oleh
Air Kelantan Sdn Bhd

AIR KELANTAN SDN BHD
Wisma Air Kelantan, Lot 188,
Jalan Kuala Krai,
15050 Kota Bharu,
Kelantan.
Tel: 09-743 7777
Faks: 09-747 2030

@airkelantan

Talian Aduan Pintas:
15777

Pengedar Malaysia Wedeco/ Xylem : Dagang Ekar Sdn Bhd

T: 03-6140 3688

E: dagangekarsb@gmail.com

PEMBINAAN:

- * PERTAMA di Malaysia & ASEAN (Telaga Jejari & Proses Rawatan Ozon)
- * Loji Air Pintu Geng untuk kawasan Kota Bharu Selatan
- * Kos binaan & operasi yang menjimatkan
- * Penjana Ozon berkualiti dari

WEDECO
a xylem brand
(Jerman)

* Teknologi Hijau

www.airkelantan.com.my

Kelantan Sana Sini

STIMBOT

MAKAN SAMPAI KENYANG BERSAMA KELUARGA DAN RAKAN

Oleh: Mustaqim Amir Azuri Mohamed

Pemakanan boleh menjadi satu gaya hidup tidak kira di mana-mana negara dan trend pemakanan boleh berubah dari semasa ke semasa. Di Kelantan, trend pemakanan terkini yang sedang menjadi ikutan adalah buffet stimbott atau chim chum.

Anda mungkin biasa mendengar buffet stimbott, namun chim chum mungkin kedengaran agak asing. Mungkin juga timbul persoalan mana satu nama yang sebetulnya dan kenapa ada dua nama sedangkan set makanannya seakan-akan sama.

Namun pengurus Food Village Restaurant, Sarah Malik menjelaskan, ia sama tetapi tidak serupa yang mana buffet stimbott dikatakan berasal dari Mongolia manakala chim chum merupakan makanan jalanan popular di Thailand dan dikatakan berasal dari Laos atau Kembuja.

FOOD VILLAGE RESTAURANT, PENGKALAN CHEPA

Chim Chum diperkenalkan kepada rakyat Kelantan sekitar 12 tahun lalu oleh Food Village Restaurant. Boleh dikatakan restoran ini menjadi restoran pertama merintis perniagaan berdasarkan stimbott di Malaysia. Ia turut menjadi rujukan bagi pengusaha perniagaan chim chum di Wilayah Selatan Thailand seperti di Yala, Narathiwat dan Pattani.



Sarah (kiri) bersama dua kakitangan Food Village Restaurant menunjukkan lauk-pauk yang disediakan.

Menurut Sarah, chim bermaksud mencelup manakala chum adalah memasukkan sesuatu dengan cepat ke dalam cecair panas. Boleh dikatakan chim chum dan stimbott berada dalam kategori pemakanan yang sama namun terdapat sedikit perbezaan terutamanya seleksi lauk-pauk.

Chim chum dibawa ke Kelantan oleh pemilik Food




Village Restaurant, Ibrahim Liki yang memulakan perniagaan berkenaan pada penghujung tahun 2005. Beliau mendapat ilham selepas menikmati chim chum di Bangkok, Thailand lalu membuka Food Village Restaurant di Baung, Pengkalan Chepa, Kelantan.



Ibrahim telah mempelajari resipi chim chum di Bangkok dan mengolahnya semula agar sesuai dengan citarasa masyarakat tempatan dan memastikan ianya halal untuk orang Islam. Resipi dipelajarinya termasuk sos pedas dan manis yang menjadi identiti tersendiri Food Village Restaurant sehingga kini.

Sekarang sudah ada banyak restoran chim chum atau buffet stimbott bukan sahaja di Kelantan, malah di seluruh negara. Kerana itu setiap restoran perlu ada keunikan tersendiri sebagai daya penarik atau identiti restoran masing-masing.

"Sos manis dan pedas inilah menjadi identiti serta daya penarik Food Village Restaurant sejak 12 tahun lalu. Sehingga kini, rasa unik kedua-dua sos berkenaan tidak dapat ditiru oleh mana-mana restoran chim chum atau buffet stimbott lain," jelas Sarah.



Lauk-pauk

yang disediakan di Food Village

Restaurant adalah daging, ayam, sotong, udang, lala, bebola ikan serta 15 jenis bahan asas stimbot termasuk sayuran dan maggi. Menu tambahan bahan adalah laksa lemak, laksa penang, laksam dan laksa Thai yang disediakan setiap hari kecuali pada bulan Ramadan.

Masakan panas yang terdapat di restoran ini adalah nasi goreng, mi goreng, kuetiau dan mi celup. Pencuci mulut yang disediakan pula adalah colek buah, somtam, butir nako, sang gupal, cendol dan air batu campur (ABC). Terdapat tiga jenis minuman yang boleh dipilih oleh pelanggan untuk dinikmati bersama hidangan chim chum mereka.

Food Village Restaurant dibuka setiap hari kecuali Selasa dan waktu operasinya bermula pukul 5 petang sehingga 12 tengah malam. Harga yang dikenakan pula adalah RM25 bagi golongan dewasa dan RM15 bagi kanak-kanak berusia enam hingga 10 tahun.

"Alhamdulillah, sejak mula dibuka sehingga kini, sambutan pelanggan menggalakkan dan rata-ratanya puas hati. Chim chum atau buffet stimbot boleh menjadi produk pelancongan di Kelantan khususnya dan Malaysia amnya," kata Sarah.

DAMIA CAFE - STEAMBOAT AND GRILL, KAMPUNG KOTA

Damia Cafe diusahakan oleh anak jati Kampung Kota, Amalina Abd Majid bersama suaminya, Mohd Nor Zakaria yang berasal dari Pantai Sabak. Ia dibuka sejak dua tahun lalu apabila perusahaan runcit dijalankan sebelum ini kurang berjaya. Idea untuk membuka restoran stimbot timbul selepas pasangan ini menikmati hidangan chim chum di Food Village Restaurant.

Menurut Amalina, restoran Damia Cafe asalnya dibuka



Amalina (tengah) bersama dua pekerja jaya menunjukkan lauk-pauk yang disediakan untuk hidangan buffet stimbot di Damia Cafe.

di Pasir Hor. Ia mempunyai ruang agak terhad dan ramai pelanggannya menyuarakan rasa tidak puas hati kerana lama menunggu giliran untuk makan. Selepas itu mereka berpeluang membuka restoran di Kampung Kota yang mempunyai kawasan agak luas. Peluang itu digunakan sebaik mungkin dan cawangan di Pasir Hor juga dipindahkan ke Kampung Kota.

"Alhamdulillah, sejak mula buka restoran yang dinamakan sempena nama anak kami ini, sambutan pelanggan cukup positif. Tambahan pula di kawasan Kampung Kota ini belum ada restoran buffet stimbot. Jadi ia satu kelebihan buat kami dan kami bersyukur kerana perniagaan ini semakin maju."

"Pada hari Khamis dan Jumaat, ruang restoran ini memang akan penuh dengan pelanggan kerana pada hari berkenaan kami hidangkan menu istimewa iaitu kambing golek. Harga dikenakan adalah sama seperti hari-hari biasa, iaitu RM20 untuk dewasa, RM15 untuk kanak-kanak (6-12 tahun) dan warga emas (60 tahun ke atas). Manakala untuk orang kurang upaya (OKU) kami hanya kenakan bayaran RM10. Untuk individu yang menyambut hari lahir, kami beri percuma dengan syarat, perlu tunjuk MyKad untuk pengesahan tarikh lahir dan datang pada tarikh sambutan hari lahir," jelas Amalina.

Katanya, waktu operasi Damia Cafe adalah pada pukul 5 petang hingga 12 tengah malam pada setiap hari. Mereka yang ingin datang pada hari Khamis dan Jumaat disarankan agar membuat tempahan terlebih dahulu bagi mengelakkan mereka terpaksa menunggu lama untuk menikmati hidangan.



Antara lauk yang disediakan untuk hidangan stimbot adalah siput buluh atau pepahat, lala, lala batik, kupang hijau, ketam, udang, sotong, kerang, lokan, belut (bergantung kepada stok), oblong serta ikan pari. Hidangan ayam dan daging pula disediakan dalam empat perapan iaitu *black pepper*, tomyam, sos barbeku (BBQ) dan sos tiram.

"Kami sediakan enam jenis bebola iaitu bebola ikan, ketam, sotong bersayur, sotong, udang dan daging burger. Sos disediakan sebanyak empat jenis, iaitu manis, pedas, *black pepper* dan sos Thai. Pelanggan boleh memilih sama ada sup atau tomyam untuk kuah stimbot. Selain itu kami sediakan mi, bihun dan kuetiau untuk celur."

"Untuk masakan panas pelanggan boleh pilih nasi goreng biasa, nasi goreng tomyam, nasi goreng cina, kuetiau goreng, bihun goreng dan mi goreng. Sayur juga disediakan sebanyak empat jenis iaitu pak choi, jagung, sawi dan kulat. Terdapat lima jenis minuman disediakan untuk dipilih pelanggan. Selain itu pada hari Khamis, kami ada sediakan sup kambing tetapi bergantung kepada keadaan," katanya.

MSR STEAMBOAT, PANTAI SENOK, BACHOK

Salah satu kelebihan MSR Steamboat, Pantai Senok di Bachok adalah lokasinya berdekatan dengan pantai. Restoran bufet stimbot ini diusahakan oleh anak jati Kampung Pantai Senok iaitu Mohd Masri Mahamood. Ia mulai operasi pada 27 Januari 2017 dan sejak itu ia mendapat sambutan memberangsangkan daripada pelanggan dalam kalangan penduduk setempat, penduduk luar Kelantan dan juga pelancong asing.

Restoran bufet stimbot ini merupakan perniagaan sampingan Mohd Masri yang merupakan seorang peniaga ikan serta hidupan laut segar dan sejuk beku di Tok Bali, Pasir Putih. Beliau mula berkecimpung dalam perniagaan ikan sejak tingkatan 4 dan ketika berusia 18 tahun, iaitu pada tahun 1998, beliau mula serius dalam perniagaan ikan serta hidupan laut segar dan sejuk beku. Perniagaan itu masih diteruskan sehingga kini walaupun MSR Steamboat semakin maju.

Mohd Masri mendapat ilham untuk mengusahakan restoran bufet stimbot selepas melihat potensinya ketika melancong ke Narathiwat, Thailand bersama keluarganya. Pada peringkat awal operasi, beliau menghebahkan restorannya ini di Facebook. Selepas itu rata-rata pelanggan yang berkunjung akan menularkan MSR Steamboat di laman sosial masing-masing.

"Restoran ini dibuka setiap hari bermula pukul 4 petang sehingga 12 tengah malam. Harga yang ditawarkan adalah RM20 untuk golongan dewasa, RM12 untuk kanak-kanak berusia enam hingga 12 tahun dan RM15 untuk warga emas berusia 60 tahun ke atas. Kami juga menawarkan

makan percuma kepada pelanggan yang menyambut hari lahir dengan syarat mereka tunjukkan MyKad sebagai bukti tarikh lahir."

"Purata bilangan pelanggan yang mengunjungi restoran ini adalah sekitar 150 orang sehari dan bilangannya bertambah pada hari minggu dan cuti sekolah atau cuti umum. Sehingga kini, kami terima respons positif daripada semua pelanggan dan mereka sangat puas hati," kata Mohd Masri.

MSR Steamboat menawarkan banyak pilihan lauk terutama makanan laut. Antara lauk 'mesti' di restoran ini adalah ayam perap kunyit, ayam perap *black pepper*, daging perap kunyit, daging perap *black*



Mohd Masri (tengah) bersama beberapa pekerjaannya menunjukkan pelbagai pilihan lauk untuk hidangan bufet stimbot di MSR Steamboat.

pepper, ketam, udang, sotong, lokan, lala, kepah dan udang lipan (bergantung kepada stok). Turut disediakan adalah bahan-bahan asas menu stimbot sebanyak 12 jenis, lima pilihan sayuran dan lima pilihan minuman.

Menyediakan banyak pilihan makanan laut bukan satu masalah buat Mohd Masri kerana ia sememangnya berada dalam stok simpanan perniagaan tetapnya. Ia menjadi satu lagi kelebihan buat MSR Steamboat kerana dapat menyediakan begitu banyak pilihan makanan laut.

Restoran ini juga menyediakan pemanis mulut tradisional seperti bubur, pengat ubi, pengat pisang, butir nako, gerodok telur, sagu, sagu manisan dan onde-onde yang dibuat sendiri.



Masakan panas juga boleh didapati di restoran ini antaranya mi goreng, nasi goreng, kuetiau, nasi paprik dan nasi dagang. Menu masakan panas dan pemanis mulut ini sentiasa digilirkan dengan minimum tiga hidangan bagi satu-satu masa bagi mengelak pelanggan berasa bosan.

"Kami juga sediakan buah-buahan tempatan sebagai pencuci mulut. Antara yang wajib ada adalah tembakai dan nanas. Pelanggan juga tidak perlu berasa risau mengenai kemudahan parkir kerana kami menyediakan ruang parkir yang mampu memuatkan sehingga 100 kereta pada satu-satu masa," jelas Mohd Masri mengakhiri perbualan.

TUTA CHIM CHUM, RANTAU PANJANG

Tidak lengkap rasanya untuk bercerita mengenai buffet stimbot atau chim chum tanpa menjenguk ke kawasan yang berada di sempadan negara yang mula memperkenalkannya. Walaupun Rantau Panjang berada bersebelahan dengan Sungai Golok, Thailand, namun restoran yang menyediakan hidangan chim chum di sini baru berusia dua tahun.



Hafidzul Rahman bersama pekerjanya memastikan lauk pauk sentiasa ada sepanjang waktu operasi.

"Sebelum ini saya usahakan kedai makan di Wakaf Che Yeh yang kini tidak lagi beroperasi. Sebelum buka Tuta Chim Chum ini, saya bersama isteri biasa menikmati hidangan chim chum di Sungai Golok, Yala dan Narathiwat, Thailand. Selepas itu isteri saya cadangkan kami buka sebuah restoran chim chum di sini kerana ketika itu belum ada restoran yang menawarkan hidangan berkenaan di Rantau Panjang."

"Jadi kami ambil alih kedai perabot bapa mertua saya yang sudah lama tidak beroperasi dan kami ubah suai untuk dijadikan restoran. Alhamdulillah ia mendapat sambutan baik daripada masyarakat tempatan, pengunjung dari luar Kelantan dan juga pelancong asing," kata Hafidzul Rahman memulakan cerita.

Menurutnya, kelebihan Tuta Chim Chum adalah ia berada bersebelahan dengan Thailand dan ia memudahkan mereka untuk mendapatkan stok diperlukan. Hasilnya, restoran ini mampu menyediakan hampir

semua bahan untuk hidangan chim chum atau buffet stimbot kepada pelanggan mereka.

Hafidzul Rahman memberitahu, secara keseluruhan terdapat 200 jenis bahan disediakan untuk hidangan chim chum di restoran ini. Bahan-bahan asas untuk hidangan chim chum atau stimbot sahaja mececah 100 jenis. Untuk pilihan makanan laut, Tuta Chim Chum menyediakan udang, sotong, ketam, lala, tiram, isi kerang dan udang lipan (bergantung kepada stok).

"Kami juga sediakan ayam, daging, perut, pelempung, hati lembu, hati ayam, kaki ayam, telur ikan, telur sotong kepada pelanggan. Ikan yang disediakan adalah kakap, tilapia merah, tilapia hitam, keli, anak pari, belut dan haruan. Kesemua bahan ini diletakkan dalam tujuh peti sejuk beku.

"Untuk hidangan pencuci mulut, kami ada bubur, pengat pisang, pengat tapai, tapai, jala mas, butir nako dan buah tanjung. Untuk sos, kami sediakan 11 jenis untuk dipilih oleh pelanggan semasa menikmati hidangan chim chum. Selain itu terdapat juga sayuran, mi kuning, kuetiau, bihun, maggi dan pelbagai lagi untuk dicelur," katanya.

Tuta Chim Chum juga menyediakan banyak pilihan jeruk buah-buahan serta dim sum dan somtam sebagai hidangan sampingan. Operasi restoran ini bermula pada pukul 3 petang sehingga 12 tengah malam setiap hari kecuali Jumaat.

Seperti lain-lain restoran chim chum atau buffet stimbot, sistem digunakan adalah sistem layan diri dan Tuta Chim Chum memilih untuk menggunakan dapur arang bagi menjaga keaslian rasa hidangan berkenaan. Selain berada di kawasan sempadan, kelebihan Tuta Chim Chum adalah kepelbagaiannya pilihan lauk-pauk dan caj harga lebih rendah berbanding tempat-tempat lain. Harga ditawarkan oleh restoran ini adalah RM17.90 untuk golongan dewasa dan RM9.90 untuk kanak-kanak berusia 5 hingga 12 tahun.

"Kamikekalkan nama chim chum kerana sudah ramai guna buffet stimbot. Di samping itu, melihat kepada faktor kepelbagaiannya pilihan lauk-pauk yang lebih banyak, nama chim chum dirasakan lebih tepat," katanya.



DATO' SRI ZAKARIA JAFFAR

KONSEP ISLAMIK JADI TERAS PERJUANGAN

Oleh: Dr. Mohd Fadhlil Ghani
Foto: Ahmad Naime Muhammad

Beliau dilahirkan pada 13 Oktober 1957 di Kampung Kadok Dalam, Kota Bharu. Dibesarkan dalam keluarga yang kuat pegangan agama dan kini disegani sebagai ikon pencegahan rasuah negara. Beliau bersara selepas 33 tahun memerangi rasuah bersama Badan Pencegahan Rasuah(BPR) yang kini dikenali sebagai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Perjuangan bekas Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM, Dato' Sri Zakaria Jaffar tidak terhenti di situ. Sebaliknya diteruskan selaku Presiden Yayasan Anti Rasuah Malaysia (YARM). Qiadah bertemu beliau untuk menelusuri perjuangan panjang beliau memerangi rasuah di negara ini.




Qiadah: Boleh kongsi sedikit latar belakang Dato' Sri dengan pembaca Qiadah?

Dato' Sri: Saya bersyukur lahir dalam keluarga 'lebai' dan terima didikan agama secukupnya. Ayah dan ibu saya amat menitikberatkan disiplin. Saya mulakan alam persekolahan di Sekolah Kebangsaan Kadok, kemudian di Sekolah Menengah Rendah Kadok sehingga tingkatan tiga.

Sebagai pelajar sekolah kampung, saya bangga mendapat keputusan agak baik dalam Lower Certificate of Education (LCE) atau Sijil Rendah Pelajaran (SRP). Dengan keputusan itu saya sambung persekolahan di Sekolah Menengah Ismail Petra (SMIP), Kota Bharu.

Saya melanjutkan pelajaran ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan terima Sarjana Muda Perakaunan. Pada tahun 2002, saya sambung lagi pelajaran di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan beroleh Sarjana Pengurusan Pentadbiran (Pengurusan Sumber Manusia). Isteri saya bernama Azbuzaainab Yaacob dan kami dikurniakan 11 anak dan tujuh cucu.



• Keluarga besar Dato' Sri bersama isteri dan 11 orang anak.

Qiadah: Boleh ceritakan serba ringkas perjalanan karier Dato' Sri dalam dunia pencegahan rasuah?

Dato' Sri: Saya sertai BPR pada 2 Ogos 1982 sebagai Pegawai Siasatan pada usia 25 tahun dan ditempatkan di Cawangan Siasatan Ekonomi, Ibu Pejabat BPR, Kuala Lumpur. Kemudian naik pangkat sebagai Pegawai Siasatan Kanan. Pada tahun 1989 saya diarah bertukar ke BPR Sarawak sebagai Timbalan Pengarah.

Pada tahun 1995 saya diberi tanggungjawab sebagai Pengarah BPR Sarawak. Pada penghujung Mei 1996, saya diarahkan kembali ke Ibu Pejabat BPR dan lapor diri sebagai Ketua Pentadbiran Siasatan pada 1 Jun 1996. Tiga tahun kemudian saya naik pangkat ke Gred KR1 dan berkhidmat sebagai Pengarah BPR Pahang selama empat tahun bermula Januari 1999.

Pada Mei 2002, saya terima Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bagi pengajian Sarjana Pengurusan Pentadbiran dari UPM. Pengorbanan selama dua tahun

berbaloi apabila memperoleh Sarjana Pengurusan Pentadbiran dari universiti berkenaan.

Selepas tamat cuti belajar saya kembali ke Cawangan Pentadbiran Siasatan sebagai Timbalan Pengarah Siasatan. Saya dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Siasatan pada tahun 2004 dan pada tahun 2006 saya dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Pencegahan) BPR secara lateral.

Bermula tahun 2010, saya menjadi orang pertama menjawat jawatan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM. Itulah jawatan terakhir saya sebelum bersara pada 12 Oktober 2015. Selepas itu saya teruskan perjuangan sebagai Presiden YARM.

Qiadah: Apakah kaedah yang Dato' Sri gunakan untuk bertahan lama dalam memerangi rasuah?

Dato' Sri: Bagi saya rasuah ini haram dan neraka balasannya berdasarkan hadis riwayat Ibnu Umar R.A yang bermaksud: 'Pemberi dan penerima rasuah akan masuk ke dalam neraka'. Jadi kerja cegah rasuah bermaksud saya cegah orang masuk neraka. Pendekatan digunakan terdiri daripada tiga strategi.

Strategi pertama adalah penguatkuasaan undang-undang dan peraturan sedia ada untuk sekat peluang serta ruang melakukan rasuah. Kedua adalah didik masyarakat untuk rasa rasuah ini haram, hina dan keji. Kita didik masyarakat jauhi rasuah, takut kepada undang-undang dan takut kepada Allah SWT.

Strategi ketiga memerlukan kita melihat sistem prosedur di jabatan-jabatan atau agensi-agensi. Mana yang lemah kita cadang supaya diperketat. Tujuannya adalah menyekat daripada berlaku gejala rasuah.

Qiadah: Apakah cabaran paling besar yang pernah dihadapi sebagai Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM?

Dato' Sri: Cabaran paling besar sehingga mengancam nyawa. Namun paling sukar dihadapi sebenarnya adalah cabaran yang dianggap paling kecil, iaitu mendapatkan kerjasama masyarakat. Kita perlukan masyarakat sebagai saksi apabila mahu menuduh perasuah. Ini sukar dilakukan kerana mereka takut kepada ancaman termasuk ugutan. Bagi saya ini lebih sukar berbanding cabaran besar tadi.

Qiadah: Apakah pendekatan yang digunakan dalam memastikan pentadbiran serta tahap profesionalisme SPRM mencapai matlamat dan warga SPRM sentiasa menjaga integriti?

Dato' Sri: Saya guna kaedah Islamik dalam bentuk profesionalisme. Konsep Islamik ada lima iaitu Muslim, Mukmin, Mukhsin, Mukhlis dan Muttaqin. Muslim bermaksud seseorang yang mengaku terima tanggungjawab sebagai pegawai SPRM perlu beri sepenuh taat setia untuk melakukan tugas cegah rasuah.

Mukmin bermaksud laksana tugas mengikut undang-undang dan peraturan ditetapkan iaitu Akta SPRM dan Perintah-Perintah Tetap Ketua Pesuruhjaya. Ketiga, bina kapasiti dan kapabiliti. Maksudnya keupayaan dan kebolehan melaksanakan kedua-dua peraturan dan undang-undang. Di Akademi Pencegahan Rasuah milik SPRM kita latih pegawai-pegawai penguatkuasa selama setahun merangkumi kemahiran dan undang-undang sebelum mereka boleh laksanakan tugas.

Strategi keempat ialah tanam sikap kepercayaan, keyakinan dan segala kerja perlu dilaksanakan secara mukhlis (ikhlas). Kelima, latih pegawai sehingga mencapai tahap integriti tinggi yang mana dalam konsep Islam dipanggil takwa. Bermakna segala perbuatan mereka dalam persaksian dan perhitungan Allah SWT.

Qiadah: Bagaimana perjuangan memerangi rasuah bersama YARM?

Dato' Sri: Saya berpegang kepada hadis Rasulullah SAW iaitu: 'Barang siapa melihat kemungkaran maka hendaklah dia mencegah dengan tangannya'. Selepas itu saya pegang ayat kedua iaitu: 'Sekiranya dia tidak mampu, maka dengan lisannya' (Riwayat Imam Muslim dalam sahihnya dari hadis Abu Said R.A).



■ Dato' Sri sebagai Presiden Yayasan Anti Rasuah Malaysia, masih bergiat aktif memerangi rasuah.

Fungsi utama YARM adalah mendidik masyarakat dengan kata-kata dan nasihat melalui kaedah 7T. Tiga T pertama adalah terlibat, terambil dan tinggalkan. Terlibat mungkin dengan tidak sengaja, pengaruh kawan atau tidak tahu undang-undang. Kita nasihatkan agar mereka tinggalkan.

Terambil mungkin mereka sendiri buat kerana keperluan mendesak. Kita nasihat supaya mereka tinggalkan perbuatan rasuah. Bapa atau ketua jabatan perlu tegur serta jangan biar rasuah berlaku. Tahu bermaksud dengar maklumat disampaikan dan tengok adalah lihat dengan mata sendiri.

Tegurlah dengan kasih sayang, ikhlas dan berhikmah. Nasihati mereka dengan baik dan beritahu perbuatan rasuah itu berdosa, haram dan jenayah. Saya pegang ayat al-Quran (Surah An-Nahl: Ayat 78): Dan Allah mengeluarkan kami dari perut ibumu dalam keadaan

tidak mengetahui sesuatu apa pun dan Dia memberikan kami pendengaran, penglihatan dan hati agar kamu bersyukur.

T terakhir adalah taubat. Sesiapa pernah melakukan rasuah maka bertaubatlah. Itulah 7T yang saya amalkan dalam YARM. Saya kongsi juga pengalaman sepanjang saya bekerja supaya memberi kesedaran kepada masyarakat agar tidak terjerumus dalam gejala rasuah.

Qiadah: Apakah pencapaian paling memuaskan dalam memerangi rasuah bersama SPRM dan YARM?

Dato' Sri: Kita akan puas apabila usaha kita diterima orang ramai. Semasa jadi penguatkuasa, saya pernah tangkap pengarah sebuah jabatan di sebuah negeri. Selepas dinasihati mereka bertaubat dan kembali ke pangkal jalan. Itu satu kepuasan bagi saya.



■ Dato' Sri dan pegawai-pegawai SPRM turut meraikan sambutan ulang tahun ke-50 penubuhan BPR/SPRM.

Sebagai Presiden YARM, saya ada beri ceramah. Selepas itu ada orang datang jumpa, beritahu dia sudah ada kesedaran, bertaubat, boleh tinggalkan dan boleh nasihatkan orang lain untuk tidak terlibat dengan rasuah. Itu juga satu kepuasan bagi saya.

Qiadah: Secara peribadi, bagaimana Dato' Sri melihat senario amalan rasuah di negara ini?

Dato' Sri: Tiada pengukuran spesifik untuk rasuah di Malaysia. Ia hanya dinilai menerusi dua perkara iaitu CPI (Corruption Perception Index). Mengikut purata, CPI untuk Malaysia adalah 4-5, bermaksud negara kita berada di tengah-tengah. Itulah CPI Malaysia sejak berpuluh tahun saya berkhidmat.

Kedua, statistik SPRM yang sukar dinilai kerana jika banyak tangkapan, CPI akan teruk dan jika tangkapan sedikit, CPI meningkat. Bertentangan antara satu sama lain. Kesimpulannya, Malaysia berada di tengah.

Qiadah: Berapa lama Dato' Sri beri kepada diri sendiri dalam memerangi rasuah?

Dato' Sri: Selagi mampu dan diperlukan saya akan terus memerangi rasuah kerana tidak mahu negara ini tercemar dengan rasuah. Apabila negara terpallit dengan rasuah, segalanya akan musnah.



■ Dato' Sri bersama Dato' Seri Tuan Guru Hj. Abdul Hadi Awang dan Dato' Tuan Ibrahim Tuan Man.

Qiadah: Apakah pandangan Dato' Sri mengenai perkembangan rasuah di Kelantan dan keupayaan kerajaan negeri Kelantan membanteras rasuah?

Dato' Sri: Alhamdulillah, sejak pentadbiran Allahyarham Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat sehingga Menteri Besar, Dato' Ahmad Yakob, tiada pegawai atau ahli politik di Kelantan dituduh di mahkamah berkaitan kes rasuah. Saya lihat kerajaan negeri mampu mempertahankan pentadbiran tanpa rasuah.

Qiadah: Mengikut hemat Dato' apakah kesan pentadbiran Islam di Kelantan kepada pembentukan sahsiah rakyat?

Dato' Sri: Jika manusia beriman dan yakin dengan hadis Rasulullah SAW, mereka tidak akan melakukan rasuah. Yang penting bagaimana mahu ber keyakinan bahawa rasuah itu haram. Masyarakat perlu letak Islam di hadapan dalam semua perkara, contohnya sembelihan. Kita dilarang makan ayam tidak disebelih, jadi kita tidak makan kerana agama melarang. Sama juga kes rasuah. Kita mahu sampai ke tahap itu, iaitu tidak melakukan rasuah kerana dilarang oleh Allah SWT.

Qiadah: Anak Kelantan biasa merantau dan terdedah kepada kejutan budaya termasuk amalan rasuah. Apakah nasihat Dato' Sri kepada mereka?

Dato' Sri: Kelantan sinonim dengan Serambi Mekah. Nasihat saya, apabila berada di luar negeri,kekalkan budaya, nama baik dan "trademark" anak Kelantan yang baik serta kuat agama. Kalau tidak tahu, kita belajar dan saya sendiri pun sentiasa anggap masjid sebagai universiti saya. Kesimpulannya, jaga imej dan nama baik Kelantan.

Qiadah: Apakah langkah yang perlu diambil oleh kerajaan negeri Kelantan dalam meneruskan kecemerlangan integriti?

Dato' Sri: Pertama, contohi apa yang dilakukan oleh Allahyarham Tuan Guru Nik Abdul Aziz kerana beliau

bukan sekadar cakap tetapi melaksanakannya. Kedua, sentiasa semak dan kemas kini sistem mengikut kesesuaian masa. Ketiga, yang turut saya amal dalam YARM adalah konsep duit. Muhi dunia pakai duit dan muhi akhirat juga pakai duit. Duit yang dimaksudkan adalah doa, usaha, ikhtiar dan tawakal.



■ Dato' Sri menyampaikan kuliah di salah sebuah masjid di Kota Bharu.

Qiadah: Apakah pandangan Dato' Sri mengenai pembentukan sahsiah rakyat Kelantan dan langkah yang perlu diambil oleh kerajaan negeri dalam isu ini?

Dato' Sri: Setahu saya, Kelantan sudah ada Unit Integriti dan ia sesuatu yang baik. Selain itu pemimpinnya berpegang kepada al-Quran dalam mentadbir negeri. Itu kelebihan kepada rakyat Kelantan.

Cadangan saya, manfaatkan kebolehan rakyat Kelantan supaya mereka boleh menyumbang kembali kepada negeri ini. Rujuk atau jemput mereka ber sumbangan demi manfaat kepada rakyat agar mereka rasa dihargai. Juga, sentiasa jaga hubungan erat antara kerajaan negeri dengan rakyat.

Qiadah: Apakah harapan Dato' Sri terhadap masa depan pencegahan rasuah di Kelantan khususnya, dan Malaysia amnya?

Dato' Sri: Saya sentiasa berdoa agar gejala rasuah dapat dikurangkan kerana untuk menghapuskan memang susah. Nasihat saya, masyarakat di Kelantan dan Malaysia perlu tahu hak mereka. Apa juga perkara yang dilakukan, elak gejala rasuah dan saya harap anti rasuah jadi budaya di negara ini. 🇲🇾



■ Koleksi kenangan Dato' Sri.

PMBK AZ-ZAHAB

TEROKAI SEKTOR PERLOMBONGAN DENGAN LEBIH EFISIEN



Aktiviti perlombongan bukanlah sesuatu yang asing di negeri Kelantan kerana ia telah bermula sejak tahun 1900 lagi. Beberapa bukti berkaitan aktiviti perlombongan emas di Kelantan telah ditulis oleh Mac Donald (1967), yang menyebut sebanyak 40,000 Troy ounz (bersamaan 1,244kg) emas telah dikeluarkan antara tahun 1906-1912. Di antara syarikat yang terlibat adalah Duff Development Company Limited yang menjalankan kerja-kerja mencari gali emas di kawasan Nenggiri dan Galas.

Pada zaman pendudukan Jepun pula, sebanyak 200,000 tan bijih besi dan 9,000 tan manganese telah dilombong di Temangan (Poul Krastoka 1997, University of Hawai: The Japanese Occupation of Malaya). Fakta tersebut bukan sesuatu yang aneh, kerana 'Central Gold Belt' yang bermula dari selatan Thailand melalui negeri Kelantan hingga ke Raub, Pahang telah menyebabkan Kelantan menjadi buruan pelombong sehingga kini.

Melihat kepada potensi sumber mineral Kelantan yang begitu besar, maka Perbadanan Menteri Besar Kelantan telah menubuhkan PMBK Az-Zahab pada 13 Disember

2010 yang berperanan untuk membangunkan industri perlombongan yang efisien dengan meningkatkan pengeluaran dan nilai tambah melalui proses yang memenuhi keperluan industri tanpa mengabaikan penjagaan dan kelestarian alam sekitar.

Pada pertengahan tahun 2011, PMBK Az-Zahab bersama tenaga pakar tempatan dan luar negara telah berganding bahu menyahut cabaran tersebut dengan memulakan kerja awal pengumpulan data bagi mengenal pasti beberapa kawasan berpotensi untuk permohonan lesen penjelajahan. Langkah ini dibuat agar kerja mencari gali bagi membangunkan sebuah lombong emas "hardrock" dapat dibuat secara lebih profesional, efisien dan terurus.

Kerja-kerja mencari gali secara terperinci telah dimulakan pada tahun 2015 dan pada tahun yang sama sebuah Makmal Analisa Mineral telah diwujudkan oleh PMBK Az-Zahab sebagai sokongan kepada kerja-kerja mencari gali. Ianya bukan sahaja menjimatkan kos cari gali tetapi juga merupakan sebahagian daripada langkah awal agar pertukaran kepakaran

teknologi dapat dilakukan lebih awal sebelum pembangunan lombong dan operasi perlombongan bermula.


Kewujudan sebuah lombong emas batuan (hardrock) nanti dijangka akan dapat memberi impak yang besar kepada ekonomi negeri Kelantan, membangun ekonomi penduduk setempat, menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat Kelantan, pertumbuhan industri hilir, kemasukan tenaga pakar, pemindahan teknologi serta penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar. ■

KAJIAN DI MAKMAL PMBK AZ-ZAHAB



Teknik AQUA
REGIA AAS
finish.

Analisis menggunakan alat
Atomic Absorber
Spectrophotometer
(AAS).



Kajian geofizik bagi mengkaji dan melihat potensi mineral sebelum pergerudian dijalankan.



Kajian sampel dan pengumpulan data bagi setiap teras batuan yang diambil.



Analisis mineragraphy: penampakan emas di permukaan mineral oxide.

PMBK

MERAIKAN KEPELBAGAIAN KAUM

Foto: Unit Komunikasi Menteri Besar (UKMB)

Majlis Jamuan sempena sambutan Tahun Baharu Cina 2018 telah disambut dengan meriah pada 11 Jamadil Akhir 1439 bersamaan 27 Februari 2018 bertempat di Jalan Kebun Sultan, Kota Bharu berhampiran pintu gerbang Cheng Ho yang menjadi mercu tanda dan kebanggaan kaum Cina di Kelantan.

Majlis ini diadakan pada sebelah malam bermula pukul 8.00 malam turut dihadiri oleh pentadbir-pentadbir kerajaan negeri dan orang awam yang terdiri daripada pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain. Majlis ini bertambah istimewa dengan kehadiran Pemangku Raja Kelantan iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra Ibni Sultan Ismail Petra.

Pelbagai persembahan diadakan di samping pelbagai makanan dihidangkan kepada pengunjung yang hadir pada malam tersebut.

Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) turut sama memeriahkan majlis ini dengan menyediakan sate beserta nasi impit. Keadaan cukup meriah dengan kehadiran lebih lima ribu pengunjung.



Aktiviti PMBK

KELAB MAHABBAH PMBK

FAMILY GATHERING

2018

Foto: Ahmad Na'ime Muhammad

**Program ini
telah diadakan pada
22 Jamadil Akhir 1439
bersamaan 10 Mac 2018
bertempat di D'Geting Beach Resort,
Tumpat, Kelantan dan bertujuan
merapatkan hubungan
silaturahim antara
ahli kelab dan
keluarga.**

PAMERAN HARTANAH

TAWARKAN PELUANG PEMILIKAN RUMAH DAN RUANG NIAGA



YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan mengimami solat hajat bagi memohon keberkatan serta kebaikan untuk rumah baru Sri Kelantan, Putrajaya pada 26 Jamadil akhir 1439 bersamaan 14 mac 2018. Turut bersama Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan, Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri, Dato' Pegawai Kewangan Negeri serta seluruh Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Solat hajat dan doa mohon keberkatan

IRINGI PERASMIAN RUMAH SRI KELANTAN PUTRAJAYA



PMBK Development Sdn. Bhd. (PMBKD) bertanggungjawab dalam membangunkan tanah-tanah yang strategik di dalam dan luar negeri Kelantan. Di antaranya ialah pembangunan perumahan bercampur di Gua Musang, perumahan bercampur di Jeli, pembangunan SOHO (kondominium mewah dan pejabat) di Kuala Lumpur, pembangunan Rumah Sri Kelantan di Putrajaya dan pembangunan bandar-bandar baru seperti Bandar Sukan (Stadium Negeri) di Bukit Merbau, Pasir Puteh dan Kelantan Eco-City Waterfront Development.



Akademi Pembangunan Insan Profesional Sdn. Bhd. atau Ai-Pro adalah anak syarikat milik penuh Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK). Ai-Pro komited dalam menyediakan perkhidmatan latihan dan rundingan kepada organisasi, syarikat, individu dalam melahirkan modal insan yang kompeten, cekap dan berdaya saing.

Ditubuhkan pada 29 Januari 2007 dengan nama D.D Multimedia Solutions Sdn. Bhd. dengan aktiviti utama Pusat Latihan ICT dan Multimedia. Pada 29 April 2013, namanya ditukarkan kepada Darul Digital Multimedia Solutions Sdn. Bhd. dan bertindak sebagai Pusat Bertauliah yang menyediakan latihan kemahiran dan kursus terutama dalam bidang korporat dan ICT. Pada 5 April 2017, ia dikenali sebagai Akademi Pembangunan Insan Profesional.

Ai-Pro bertindak sebagai sebuah akademi yang berdaya saing dan berprestasi tinggi dalam melahirkan insan profesional ke arah menggapai kejayaan dunia dan akhirat dengan imbalan transformasi berasaskan produktiviti sumber, pengembangan bisnes, warga kerja kompeten, tadbir urus cekap dan imej yang berwawasan dilandaskan kepada Ubudiyah, Mas'uliyyah dan Itqan yang boleh menyumbang kepada pembangunan negeri Kelantan dan negara.

BENGKEL/KURSUS UNTUK SUKU PERTAMA 2018

PENGURUSAN LEAN & 5S DI PEJABAT UNTUK KUMPULAN PENGURUSAN

16 - 17 JAN 2018



BENGKEL PENGENDALIAN JABATAN HR SECARA EFEKTIF

24 - 25 JAN 2018



PENGURUSAN MASA & KEBERKESANAN DIRI

26 - 27 FEB 2018



2018



PENGURUSAN FAIL & REKOD CEMERLANG

21 - 22 JAN 2018



KURSUS PENULISAN EFEKTIF UNTUK KUMPULAN PENGURUSAN

11 - 12 FEB 2018

KHIDMAT LATIHAN:

- Pengurusan & Kepimpinan
 - Pentadbiran
- Pembangunan Modal Insan
 - Jualan & Pemasaran
 - Kemahiran Kendiri
 - Keusahawanan
 - Teknikal & Logistik
 - Kewangan & Akaun
 - Kemahiran IT
 - "Team Building" & "Retreat"
 - Lain-lain Latihan Yang Diperlukan

TAWARAN NILAI:

- Fi Mampu Bayar
- Pemudah Cara Berpengalaman
 - Lokasi Latihan Selesa
- Khidmat Rundingan Selepas Bengkel (After Sales Service)

Berdaftar dengan HRDF, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF/PSMB), dan menerima pengiktirafan 3 bintang untuk Star Rating Penyedia Latihan.

<http://www.ai-pro.com.my>

PENERAJU LATIHAN PILIHAN ANDA



اكادمي قمباغونن انسان فروفيسيونل سندريين برحد

AKADEMI
PEMBANGUNAN INSAN PROFESIONAL
SDN. BHD.

KEMAHIRAN KEPIMPINAN MELALUI APLIKASI NLP

7 - 8 MAC 2018



TRANSFORMASI PEMANTAPAN ORGANISASI MAIK

19 MAC 2018

Terowong Masa

Sumber dan foto ehsan dari
Perbadanan Muzium Kelantan.



Dahulu

Pemandangan Jalan Residensi (kini Jalan Sultanah Zainab) pada tahun 1909. Sebelah kanan dalam pagar sasak buluh adalah Pejabat Residensi Kelantan.

The view was taken at Residency Road in 1909. On the right hand side inside the bamboo fence is the Kelantan Residency Office.


Kini

Jalan Sultanah Zainab pada tahun 2017. Bangunan beratap merah di sebelah kanan ialah Istana Lama, yang dibina di atas tapak Pejabat Residensi.

View Sultanah Zainab Road in 2017. The red roof top building on the right hand is the Istana Kota Lama that is build on the site of Residency Office.

DIALEK KELANTAN

Oleh: Jabatan Komunikasi Korporat
dengan kerjasama Dewan Bahasa & Pustaka, Wilayah Timur.



SSUMBO

Ssumbo (pewarna)

Bahan yang digunakan untuk mewarnakan makanan seperti pulut, kuih, minuman dan perkakasan di rumah seperti tikar. Cara sebutan: 'ssum-bo'.

Ingredient used for coloring foods such as glutinous rice, cake, drinks and home appliances such as mats. Pronunciation: 'soom-boar'.



IKE KHRONGE

Ike khronge (ikan cencaru)

Sejenis ikan laut dengan nama saintifiknya Megalaspis Cordyla. Cara sebutan: 'i-key kho-nge'.

A kind of marine fish with its scientific name Megalaspis Cordyla. Pronunciation: 'ee-kair khoar-ngey'.

SODEK

Sodek (sudip)

Alat yang dibuat daripada buluh atau kayu untuk mencedok nasi dan makanan tertentu. Cara sebutan: 'so-dek'.



Tool made of bamboo or wood to pick up rice and certain foods. Pronunciation: 'saw-dek'.

KHELOR

Khelor (tamak)

Sifat tamak ingin memperoleh sesuatu dengan banyak atau halba. Cara sebutan: 'khe-lor'.

The greedy nature that want to gain something with a large number. Pronunciation: 'khe-lor'.

KHONYOK/ KRONYOK

Khonyok/kronyok (gumpal)
Menggumpal, mengepal dan merenyukkan sesuatu seperti kertas supaya menjadi bergumpal. Cara sebutan: 'khor-nyok/khoar-nyok'.



Clutter and crumple something such as paper to be crumpled up. Pronunciation: 'khoar-nyok'.

BISO

Biso (hebat)

Terlalu hebat sifatnya sehingga mampu membuat apa-apa sahaja pada satu-satu masa. Cara sebutan: 'bi-so'.

Very great characters which able to do anything at a time. Pronunciation: 'bee-saw'.



BBIDAH

Bbidah (lastik)

Alat daripada kayu yang berbentuk "Y", bertali getah serta mempunyai sekeping kulit yang digunakan untuk melantingkan peluru seperti batu, guli, dan sebagainya. Cara sebutan: 'bbi-dah'.

"Y" shape tool made from "wood", rubber strapped and have a leather belt which is used for tossing bullet like stone, marbles, etc. (slingshot). Pronunciation: 'bee-dah'.



KENYEK

Kenyek (picit/tekan)

Memicit dan menekan-tekan dengan jari. Cara sebutan: 'khe-nyek'.

Pinch and squeeze with fingers. Pronunciation: 'khair-nyek'.

JJUGHUH

Jjughuh (baik)

Sifat atau tabiat baik individu dengan perangai dan perbuatan yang elok, bagus serta disenangi orang. Cara sebutan: 'jju-ghuh'.

The nature or good habits of the individual with nice character and deeds, which pleasing people. Pronunciation: 'joo-ghuh'.

SSOHO

Ssoho (terkenal)

Telah diketahui umum, termasyhur dan temama. Cara sebutan: 'sso-hor'.

It is known, famous and well-known. Pronunciation: 'saw-hor'.



JJERIT

Melahirkan perasaan sedih, marah dan pilu dengan mengeluarkan air mata dan suara yang tersedu-sedu. Cara sebutan: 'jje-ghit'.

Expression of sad feeling, angry and upset by shedding tears and a sobbing voice. Pronunciation: 'jir-rick'.



BECA

Beca (silau)

Cahaya yang sangat terang terkena pada mata sehingga penglihatan boleh menjadi kabur. Cara sebutan: 'be-car'.

Very bright light exposes to the eyes until the vision can be blurred. Pronunciation: 'ber-char'.

GOSTE

Goste (undur)

Berjalan ke belakang atau surut ke belakang atau pergi dari sesuatu tempat dengan cara mengundur. Cara sebutan: 'go-ste'.

Walk back or receding to the back or go somewhere by way of a retreat. Pronunciation: 'go-stare'.



اوروس ستیا ڦمباڻونن وانیتا، ڪلوارنگ دان ڪباجیکن کراجأن نگري ڪلنتن



URUS SETIA PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN KEBAJIKAN
KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PT 109 Wisma Dr Alias Jalan Telipot, 15150 Kota Bharu Kelantan
Tel: 09-747 6568 / 09-747 6569 Faks: 09-747 6510 Fb: <https://www.facebook.com/upwkk>

ڦوست لاتیهن وانیتا او. کي. یو دان ارمالة

PUSAT LATIHAN WANITA OKU DAN ARMALAH

Tingkat 2, Bazar Buluh Kubu, Lot 77, Seksyen 9, 15710 Kota Bharu Kelantan
Tel (Pej): 09-748 0764 Tel (Hotline): 013-984 5917

Wanita Berdikari
Masyarakat Bestari

- :: Pusat masakan & kulinari
- :: Pusat pelbagai aktiviti kepada wanita tempatan
- :: Pusat komuniti wanita tempatan

- :: Pusat latihan kemahiran kerajinan tangan
- :: Pusat jahitan

- :: Pusat informasi bagi wanita kelantan
- :: Laman dapur

MERRITT

Hotline UPWK

Kelas Jahitan & Sulaman	09-748 0764
Daftar Sukarelawan	013-984 6913
Kaunseling	013-983 5912
Kebajikan/ Bencana	019-988 2999

09-748 0764

PLWOA

Who can

minimise leaks, pipe ruptures


and water loss?

control water networks and

transmission pipelines intelligently?

turn experience

into innovation?



We can.



Pressure Management



Scan for more information

VAG pressure management concept is a comprehensive package of solutions for the efficient operation of your transmission pipelines and distribution networks. With the help of hydraulic analysis and the evaluation of pressures and flow rates, we develop and deliver custom-made concepts for you so that you can optimally monitor and control your water networks – and save from day one!

www.vag-group.com · we move water



PELAN STRATEGIK KELANTAN

KELANTAN

MELANGKAH KE HADAPAN

(2015 - 2025)

"Pelan strategik pembangunan itu mestilah merangkumi segenap aspek yang boleh membawa Kelantan melangkah ke hadapan..."
YAB Ustaz Dato' Haji Ahmad Yakob
(Dato' Bentara Kanan)

KEBERKATAN

KEMAKMURAN

KEBAJIKAN

AGAMA &
DAWKAH

PENTADBIRAN
AWAM

PENDIDIKAN &
PEMBANGUNAN
INSAN

PENGUKUHAN
KEWANGAN
NEGERI

PENINGKATAN
SOSIOEKONOMI
RAKYAT

PEMBANGUNAN
EKONOMI &
PELABURAN

PEMBANGUNAN
INFRASTRUKTUR
& FIZIKAL

KEBERSIHAN &
KESIHATAN RAKYAT

KHIDMAT
KEBAJIKAN

KHIDMAT
PERBANDARAN